

ANALISIS PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM  
PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN KESANNYA DI MALAYSIA

HANISAH ZAFIRAH BINTI FOUZELAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2024

**ANALISIS PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM  
PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN KESANNYA DI  
MALAYSIA**

**HANISAH ZAFIRAH BINTI FOUZELAH**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA  
USULUDDIN (AL-QURAN DAN AL-HADITH)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2024**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **HANISA ZAFIRAH BINTI FOUZELAH**

No. Matrik: **S2022370**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA USULUDDIN (AL-QURAN DAN AL-HADITH)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**ANALISIS PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM PENTAFSIRAN  
AL-QURAN DAN KESANNYA DI MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: **AL-QURAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **27/8/2024**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: **30/8/24**

Nama:

Jawatan

# ANALISIS PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN KESANNYA DI MALAYSIA

## ABSTRAK

Rashad Khalifa merupakan kelahiran Mesir yang berlatar belakang sains iaitu pakar dalam bidang biokimia tumbuh-tumbuhan. Beliau telah menetap di Amerika Syarikat bersama keluarganya iaitu isteri dan anak-anaknya. Meskipun berlatar belakang ilmu dari bidang sains, namun Rashad Khalifa telah menceburi bidang al-Quran dan pentafsiran al-Quran serta telah menjadi seorang pelopor kepada teori kod Quran bagi angka 19 atau lebih dikenali sebagai angka kod 19. Teori yang dijumpai oleh Rashad Khalifa ini telah menggemparkan dunia Islam dan telah mendapat perhatian daripada beberapa cendekiawan barat. Selain dikenali sebagai pelopor angka kod 19 Rashad Khalifa juga turut dikenali sebagai seorang *Quraniyyun* dan anti-hadith berdasarkan pentafsiran al-Quran yang dibuat oleh beliau. Rashad Khalifa mempunyai ramai pengikut termasuklah di Malaysia iaitu Kassim Ahmad. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan teori pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa, mengenal pasti biografi beliau dan karya-karya yang dihasilkan oleh beliau, mengkaji pemikiran beliau berkaitan pentafsiran al-Quran dalam karya-karyanya dan menganalisis pengaruh pemikiran beliau dalam pentafsiran al-Quran di Malaysia. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kajian ini akan mengeluarkan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa di dalam pentafsiran al-Quran yang bertentangan dengan ajaran Islam berdasarkan dua karya iaitu *Quran : The Final Testament* dan *Quran : Hadith And Islam*. Pemikiran-pemikiran beliau ini akan dibincangkan dan dibahasakan berdasarkan dalil-dalil menurut akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Seterusnya penyelidikan ini akan melihat pengaruh pemikiran Rashad Khalifa dalam bidang pentafsiran al-Quran yang berjaya memasuki Malaysia.

**Kata kunci:** *Rashad Khalifa, Kod 19, Al-Quran, Hadith*

Universiti Malaya

# ANALYSIS OF RASHAD KHALIFA'S THOUGHT IN THE INTERPRETATION OF THE QURAN AND ITS INFLUENCE IN MALAYSIA

## ABSTRACT

Rashad Khalifa is an Egyptian-born person with a science background who is an expert in the field of plant biochemistry. He has settled in the United States with his family, his wife and children. Despite having a background in science, Rashad Khalifa has ventured into the field of al-Quran and interpretation of the al-Quran and has become a pioneer in the theory of the Quranic code for the number 19 or better known as code 19. The theory that Rashad Khalifa found has been shocking. Islamic world and has received attention from some western scholars. In addition to being known as the pioneer of code 19, Rashad Khalifa is also known as a *Quraniyyun* and anti-hadith based on his interpretation of the Quran. Rashad Khalifa has many followers including Kassim Ahmad in Malaysia. Therefore, the objective of this study is to describe the theory of interpretation of the Qur'an in Rashad Khalifa's time, identify his biography and the works produced by him, study his thoughts related to the interpretation of the Qur'an in his works and analyze the influence of his thoughts in interpretation of the Quran in Malaysia. This research is a qualitative research that uses data collection methods and data analysis methods. This study will bring out the thoughts of Rashad Khalifa in the interpretation of the al-Quran which is against Islamic teachings based on two works namely *Quran: The Final Testament* and *Quran: Hadith and Islam*. His thoughts will be discussed and debated based on the arguments according to the aqeedah of *Ahli Sunnah Wal Jamaah* . Next, this research will look at the influence of Rashad Khalifa's thinking in the field of al-Quran interpretation that successfully entered Malaysia.

**Keywords:** *Rashad Khalifa, Code 19, Al-Quran, Hadith*

## **PENGHARGAAN**

### ***Bismillahirrahmanirrahim***

Segala puji-pujian yang tertinggi dan syukur kepada hadrat Allah atas segala rahmat dan kurniaan-Nya yang tidak terhingga sehingga penulis boleh menyelesaikan penulisan kajian ini. Selawat dan salam atas junjungan baginda Nabi Muhammad serta keluarga dan sahabat baginda. Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Dr. Selamat Bin Amir yang sudi menerima saya sebagai pelajar dibawah seliaan beliau dan banyak membantu menunjuk ajar serta membimbing saya dalam membuat kajian ini.

Tidak lupa juga penghargaan kepada Jabatan Al-Quran dan Hadith yang sudi menerima saya melanjutkan pengajian di jabatan ini. Khususnya kepada Professor Dr. Ishak Bin Hj Sulaiman selaku ketua Jabatan, Dr Ahmad Najib Bin Abdullah dan Dr Muhammad Ali Hanafiah Bin Norasid selaku pemeriksa, serta Professor Dr. Mustaffa Bin Abdullah dan Prof. Dr. Khadher Bin Ahmad kerana telah menambah baik kandungan dalam penulisan kajian ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada ibu bapa saya Fouzelah Bin Mohamad Sani dan Norisah binti Mohamad atas segala pengorbanan, sokongan yang tidak terhingga serta doa yang tidak putus-putus. Tidak lupa juga kepada adik beradik dan sahabat handai yang turut membantu dalam menyelesaikan penulisan kajian saya sama ada dari sokongan moral mahupun material.

HANISAH ZAFIRAH BINTI FOUZELAH  
S2022370

s2022370@siswa.um.edu.my

## ISI KANDUNGAN

|                                    |             |
|------------------------------------|-------------|
| <b>ABSTRAK .....</b>               | <b>iii</b>  |
| <b>ABSTRACT .....</b>              | <b>v</b>    |
| <b>PENGHARGAAN .....</b>           | <b>vi</b>   |
| <b>ISI KANDUNGAN .....</b>         | <b>vii</b>  |
| <b>SENARAI RAJAH .....</b>         | <b>xii</b>  |
| <b>SENARAI LAMPIRAN .....</b>      | <b>xiii</b> |
| <b>SENARAI SINGKATAN .....</b>     | <b>xiv</b>  |
| <b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b> | <b>xv</b>   |
| <br>                               |             |
| <b>BAB 1 : PENGENALAN .....</b>    | <b>1</b>    |
| <br>                               |             |
| Pendahuluan .....                  | 1           |
| <br>                               |             |
| 1.1 Latar Belakang Kajian.....     | 1           |
| <br>                               |             |
| 1.2 Permasalahan Kajian.....       | 4           |
| <br>                               |             |
| 1.3 Persoalan Kajian.....          | 11          |
| <br>                               |             |
| 1.4 Objektif Kajian.....           | 11          |
| <br>                               |             |
| 1. Batasan Kajian .....            | 12          |
| <br>                               |             |
| 1.6 Kepentingan Kajian.....        | 12          |
| <br>                               |             |
| 1.7 Definisi Tajuk.....            | 13          |



|      |                               |    |
|------|-------------------------------|----|
| 1.8  | Sorotan Kajian.....           | 14 |
| 1.9  | Metodologi Penyelidikan ..... | 20 |
| 1.10 | Reka Bentuk Kajian .....      | 22 |
|      | Penutup.....                  | 23 |

## **BAB 2 : PENTAFSIRAN AL-QURAN PADA ZAMAN RASHAD KHALIFA ..25**

|       |                                                                           |    |
|-------|---------------------------------------------------------------------------|----|
|       | Pendahuluan .....                                                         | 25 |
| 2.1   | Perkembangan Pentafsiran Al-Quran Pada Zaman Sebelum Rashad Khalifa ..... | 25 |
| 2.1.1 | Periode <i>Mutaqaddimin</i> .....                                         | 28 |
| 2.1.2 | Periode <i>Mutaakhirin</i> .....                                          | 32 |
| 2.2   | Perkembangan Pentafsiran Al-Quran Pada Zaman Rashad Khalifa .....         | 36 |
| 2.2.1 | Senario Yang Melatari Perkembangan Intelektual Era Rashad Khalifa .....   | 37 |
| 2.3   | Metode Pentafsiran Al-Quran Rashad Khalifa .....                          | 42 |
| 2.3.1 | Numerologi .....                                                          | 46 |
| 2.3.2 | <i>I'jāz 'Adadi</i> .....                                                 | 51 |
|       | Penutup.....                                                              | 56 |

## **BAB 3 : BIOGRAFI RASHAD KHALIFA DAN KARYA-KARYANYA .....57**

|     |                                                    |    |
|-----|----------------------------------------------------|----|
|     | Pendahuluan .....                                  | 57 |
| 3.1 | Biografi Rashad Khalifa Dan Latar Belakangnya..... | 57 |

|                                                                                                               |           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 3.1.1 Kelahiran.....                                                                                          | 59        |
| 3.1.2 Pendidikan.....                                                                                         | 60        |
| 3.1.3 Kerjaya .....                                                                                           | 61        |
| 3.1.4 Kehidupan .....                                                                                         | 61        |
| 3.1.5 Kematian .....                                                                                          | 63        |
| 3.2 Faktor Penglibatan Rashad Khalifa Dalam Bidang Pentafsiran Al-Quran .....                                 | 64        |
| 3.3 Penemuan Angka kod 19 Oleh Rashad Khalifa dan Karya-Karya Beliau.....                                     | 66        |
| 3.3.1 <i>The Computer Speaks : God's Message To The World (1981)</i> .....                                    | 69        |
| 3.3.2 <i>Quran : Visual Presentation Of The Miracle (1982)</i> .....                                          | 71        |
| 3.3.3 <i>Quran : The Final Scripture (1981) , Quran : The Final Testament (1989)</i>                          | 74        |
| 3.3.4 <i>Quran : Hadith And Islam (1982)</i> .....                                                            | 76        |
| Penutup.....                                                                                                  | 77        |
| <br><b>BAB 4 : PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA BERKAITAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DALAM KARYA-KARYANYA.....</b>          | <b>78</b> |
| Pendahuluan .....                                                                                             | 78        |
| 4.1 Pemikiran Rashad Khalifa berkaitan Pentafsiran Al-Quran di dalam <i>Qur'an: The Final Testament</i> ..... | 78        |
| 4.1.1 Tiga Utusan Di Dalam Islam .....                                                                        | 79        |
| 4.1.2 Syurga Dan Neraka .....                                                                                 | 89        |
| 4.1.3 Larangan Pemakanan ( <i>Dietary Prohibitions</i> ) .....                                                | 95        |
| 4.1.4 Angka kod 19 .....                                                                                      | 98        |

|                                                                                                                  |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.2 Pemikiran Rashad Khalifa berkaitan Pentafsiran Al-Quran di dalam Karya <i>Quran : Hadith And Islam</i> ..... | 102 |
| 4.2.1 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Al-Quran .....                                                            | 104 |
| 4.2.2 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Hadith.....                                                               | 107 |
| 4.2.3 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Nabi Muhammad.....                                                        | 111 |
| Penutup.....                                                                                                     | 115 |

## **BAB 5: ANALISIS PENGARUH PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN DI MALAYSIA. .... 116**

|                                                                                   |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Pendahuluan .....                                                                 | 116 |
| 5.1 Pengaruh Pemikiran Rashad Khalifa Di Malaysia.....                            | 116 |
| 5.2 Pemikiran Rashad Khalifa dalam karya E-Bacaan .....                           | 122 |
| 5.2.1 <i>The Only God</i> atau Syahadah menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali.... | 124 |
| 5.2.2 Hadith menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali.....                           | 129 |
| 5.2.3 Anjing dan makanan haram menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali .....        | 136 |
| 5.2.4 Nabi Ibrahim menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali .....                    | 140 |
| 5.3 Pemikiran Rashad Khalifa dalam karya <i>The ESQ Way 165</i> .....             | 144 |
| 5.3.1 Kemukjizatan Al-Quran angka kod 19 .....                                    | 146 |
| Penutup.....                                                                      | 149 |

## **BAB 6 : PENUTUP ..... 151**

|                   |     |
|-------------------|-----|
| Pendahuluan ..... | 151 |
|-------------------|-----|

|                                                                           |            |
|---------------------------------------------------------------------------|------------|
| 6.1 Rumusan Kajian .....                                                  | 151        |
| 6.1.1 Perkembangan Pentafsiran Pada Zaman Rashad Khalifa .....            | 152        |
| 6.1.2 Biografi Rashad Khalifa Dan Karya-Karyanya .....                    | 153        |
| 6.1.3 Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran .....           | 154        |
| 6.1.4 Pengaruh Rashad Khalifa Dan Pemikirannya Dalam Karya Di Malaysia... | 155        |
| 6.2 Cadangan dan Saranan .....                                            | 157        |
| Penutup.....                                                              | 158        |
| <b>BIBLIOGRAFI.....</b>                                                   | <b>159</b> |
| <b>LAMPIRAN.....</b>                                                      | <b>166</b> |

## SENARAI RAJAH

|                                                              |     |
|--------------------------------------------------------------|-----|
| Rajah 1: Gambar Rashad Khalifa.....                          | 63  |
| Rajah 2: Keratan Akhbar : Penulis Bacaan jawab tuduhan ..... | 126 |

Universiti Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

|                                                                                                      |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Lampiran 1:Laman sesawang E-Bacaan oleh Othman Ali .....                                             | 168 |
| Lampran 2:Karya Cetak Bacaan oleh Othman Ali yang telah diharamkan di Malaysia<br>.....              | 169 |
| Lampiran 3:Karya <i>The Computer Speaks: God's Message To The World</i> oleh Rashad<br>Khalifa ..... | 169 |
| Lampiran 4: Karya <i>Quran, Hadith,and Islam</i> oleh Rashad Khalifa .....                           | 170 |
| Lampiran 5: Karya <i>Quran The Final Testament</i> oleh Rashad Khalifa .....                         | 170 |
| Lampiran 6:Laman sesawang pengikut Rashad Khalifa yang dikenali sebagai<br><i>submission</i> .....   | 171 |
| Lampiran 7: Karya <i>The ESQ Way 165</i> oleh Ary Ginanjar .....                                     | 171 |
| Lampiran 8: Laman sesawang <i>ESQ</i> Malaysia.....                                                  | 172 |
| Lampiran 9: Karya <i>ESQ</i> yang masih boleh didapati secara online di Malaysia .....               | 172 |

## SENARAI SINGKATAN

|             |                                                           |
|-------------|-----------------------------------------------------------|
| AS          | <i>'Alaih al-salam</i>                                    |
| Bil.        | Bilangan                                                  |
| C           | Cetakan                                                   |
| Cet.        | Cetakan                                                   |
| Dll         | Dan lain-lain                                             |
| Dsb         | Dan sebagainya                                            |
| Dr.         | Doktor                                                    |
| ed.         | Edited                                                    |
| et. al      | Lain-lain Pengarang Bersama                               |
| H           | Hijriah                                                   |
| H           | Haji                                                      |
| Hj.         | Haji                                                      |
| Hjh.        | Hajjah                                                    |
| HR.         | Hadith riwayat                                            |
| h.          | Halaman                                                   |
| <i>Ibid</i> | Ibidem bermaksud rujukan sama dengan yang disebut di atas |
| Ibn         | Ibn atau bin                                              |
| JAM         | Jama'ah Al-Quran Malaysia                                 |

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Konsonan

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Contoh       |                   |
|------------|------------|--------------|-------------------|
|            |            | Tulisan Arab | Tulisan Rumi      |
| ا          | ' (a,i,u)  | الْقِرَاءَة  | <i>Al-Qira'ah</i> |
| ب          | B          | بَعَثَ       | <i>Ba'atha</i>    |
| ت          | T          | تَابَ        | <i>Tāba</i>       |
| ث          | Th         | ثَوَابَ      | <i>Thawāba</i>    |
| ج          | J          | جَعَلَ       | <i>Ja'ala</i>     |
| ح          | ḥ          | حَلَبَ       | <i>Ḥalaba</i>     |
| خ          | Kh         | خَطَبَ       | <i>Khaṭaba</i>    |
| د          | D          | دَفَعَ       | <i>Dafa'a</i>     |
| ذ          | Dh         | ذَهَبَ       | <i>Dhahaba</i>    |
| ر          | R          | رَجَعَ       | <i>Raja'a</i>     |
| ز          | Z          | زَرَعَ       | <i>Zara'a</i>     |
| س          | S          | سَمِعَ       | <i>Sami'a</i>     |
| ش          | Sh         | شَفَعَ       | <i>Shafa'a</i>    |
| ص          | ṣ          | صَعَدَ       | <i>Ṣa'ada</i>     |
| ض          | ḍ          | ضَلَلَ       | <i>Ḍalala</i>     |
| ط          | ṭ          | طَلَعَ       | <i>Ṭala'a</i>     |
| ظ          | ẓ          | ظَفَرَ       | <i>Ẓafara</i>     |
| ع          | ' (a,i,u)  | عَلَيْهِ     | <i>'Alayh</i>     |
| غ          | Gh         | غَفَرَ       | <i>Ghaḥara</i>    |
| ف          | F          | فَلَحَ       | <i>Falaḥa</i>     |
| ق          | Q          | قَلَمَ       | <i>Qalama</i>     |
| ك          | K          | كَتَبَ       | <i>Kataba</i>     |
| ل          | L          | لَعِبَ       | <i>La'iba</i>     |
| م          | M          | مَنَعَ       | <i>Mana'a</i>     |
| ن          | N          | نَالَ        | <i>Nāla</i>       |



|   |   |          |                |
|---|---|----------|----------------|
| و | W | وَعَدَ   | <i>Wa'ada</i>  |
| ه | H | هَدَمَ   | <i>Hadama</i>  |
| ي | Y | يَعْلَمَ | <i>Ya'lamu</i> |

b. Vokal Panjang

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Contoh       |              |
|------------|------------|--------------|--------------|
|            |            | Tulisan Arab | Tulisan Rumi |
| أ          | A          | قَالَ        | <i>Qāla</i>  |
| أَوْ       | U          | مُوسَى       | <i>Mūsā</i>  |
| إِي        | I          | إِيمَان      | <i>Īmān</i>  |

c. Vokal Pendek

| Huruf Arab    | Huruf Rumi | Contoh       |                |
|---------------|------------|--------------|----------------|
|               |            | Tulisan Arab | Tulisan Rumi   |
| ---<br>(فتحة) | A          | نَصَرَ       | <i>Našara</i>  |
| ---<br>(كسرة) | I          | نَاصِرَ      | <i>Nāšira</i>  |
| ---<br>(ضمة)  | U          | يَنْصُرُ     | <i>Yanšuru</i> |

d. Diftong

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Contoh       |               |
|------------|------------|--------------|---------------|
|            |            | Tulisan Arab | Tulisan Rumi  |
| أَوْ       | Aw         | أَوَّابَ     | <i>Awwāba</i> |
| أَيَّ      | Ay         | أَيَّامَ     | <i>Ayyāma</i> |
| إَيَّ      | Iy         | إَيَّكَ      | <i>Iyyāka</i> |

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **Pendahuluan**

Tajuk yang dipilih oleh penulis adalah “Analisis Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran Dan Kesannya Di Malaysia”. Oleh itu, di dalam bab ini penulis akan menghuraikan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, soalan dan objektif kajian ini dilakukan. Selain itu, penulis juga akan menerangkan batas kajian penulis, kepentingan kajian dan definisi tajuk kajian ini. Sorotan kajian lepas, reka bentuk serta kaedah pengumpulan dan analisis data yang digunakan dalam penulisan juga akan dihuraikan pada bab ini.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Al-Quran telah diturunkan kepada Nabi Muhammad untuk disampaikan kepada umat Islam. Al-Quran merupakan mukjizat terbesar dan teragung Nabi Muhammad. Al-Quran merupakan kalam Allah di mana mustahil bagi seorang manusia biasa untuk membuat ayat seperti di dalam al-Quran meskipun satu ayat. Hal ini kerana Allah memelihara al-Quran dengan rapi sehingga ia tidak mampu ditiru oleh manusia dan juga diubah ayatnya. Sebagaimana firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran, dan kamilah yang memelihara dan menjaganya. (Hijr 15:9)

Dalam ayat al-Quran ini jelas Allah memberitahu bahawa Allah yang menurunkan al-Quran dan Allah yang memelihara dan menjaganya. Al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam yang telah terbukti terpelihara sehingga kini.

Musuh-musuh Islam tidak mampu untuk mengubah satu ayat pun dalam al-Quran seperti kitab-kitab suci lain yang telah diubah oleh mereka. Firman Allah:

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُوبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ  
لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا  
يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat Dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah Dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka Dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. maka Kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan Kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. (Baqarah 2:79)

Al-Quran banyak menyebutkan perihal golongan-golongan yang mendustakan nabi-nabi yang Allah utuskan kepada kaum mereka serta berpaling dari ajaran yang sebenar. Disebabkan mereka tidak mampu untuk mengubah ayat al-Quran, maka mereka cuba merosakkan pentafsiran ayat-ayat al-Quran supaya erti nya di salah fahami oleh umat Islam sekali gus merosakkan akidah umat Islam.

Pentafsiran al-Quran telah berlaku sejak dari zaman Rasulullah lagi. Nabi Muhammad adalah pentafsir pertama dalam Islam yang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang Allah turunkan. Pada zaman Rasulullah, setiap ayat yang diturunkan, sekiranya para sahabat tidak memahami atau tidak begitu jelas dengan ayat tersebut mereka akan terus bertanya kepada Nabi Muhammad dan Nabi Muhammad akan menjelaskan makna ayat tersebut. Sebagai contoh, salah seorang sahabat bertanya kepada Nabi Muhammad mengenai solat *wusta* yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 238.

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) Segala sembahyang fardu, khususnya sembahyang *Wusta* (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk. (Baqarah 2:238)

Dalam ayat ini tidak dinyatakan secara jelas mengenai maksud solat *wusta*. Oleh itu Nabi Muhammad menjelaskan bahawa solat *wusta* yang dimaksudkan adalah solat Asar. Dari penjelasan dan penerangan Nabi Muhammad ini menunjukkan bahawa ilmu tafsir telah wujud pada zaman nabi. Ilmu pentafsiran ini kemudian diteruskan oleh para sahabat, *tabi'in*, *tabi' tabi'in* sehinggalah sekarang. Dengan berlalunya zaman, bentuk pentafsiran juga turut berubah mengikut peredaran zaman<sup>1</sup>.

Namun ilmu pentafsiran al-Quran ini haruslah ditapis kerana musuh-musuh Islam sentiasa mencari jalan untuk merosakkan akidah umat Islam. Salah satunya adalah penyelewengan pentafsiran al-Quran. Di antara sebab berlakunya penyelewengan pentafsiran al-Quran adalah muncul dan berkembangnya gerakan pemalsuan riwayat, kemasukan anasir luar seperti *israiliyyat* dan lain-lain ke dalam kitab tafsir dan penghapusan sanad sebuah riwayat. Hal ini disebabkan umat Islam mengambil mudah dalam pentafsiran ilmu al-Quran. Menurut Abu al-Dhahabi pula bermulanya pemalsuan terhadap riwayat ini disebabkan oleh sikap taksub atau fanatik buta terhadap mazhab dan golongan, kepentingan politik yang dibawa oleh penyokong aliran atau puak tertentu serta sebagai alat dan wasilah bagi musuh Islam untuk menyelewengkan ajaran Islam yang sebenar. Tambahan pula terdapat golongan yang jahil dalam ilmu agama namun mereka ingin menjadi seperti ahli ibadah, sufi dan ingin melakukan kebaikan atas nama agama. Disebabkan mereka tidak menguasai ilmu agama tersebut, maka terjadilah kesesatan walaupun hanya sedikit.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Nur Zainatul Nadra Binti Zainol et.al, *Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah Saw, Sahabat Dan Tabiin* (UTHM, 2012) hlm 44.

<sup>2</sup> Mohd Farhan Bin Md Amin, *Penyelewengan Dalam Pentafsiran Al-Quran Di Johor* (Aceh UIN Ar-Raniry 2016). 21-22

Hal seperti ini lah yang telah berlaku kepada Rashad Khalifa yang merupakan seseorang ahli kimia tidak mempunyai ilmu dalam bidang pentafsiran al-Quran telah cuba membuat pentafsirannya sendiri melalui angka kod 19. Disebabkan beliau terlalu taksud dengan angka 19 ini juga menyebabkan beliau banyak menyeleweng dalam mentafsirkan al-Quran di dalam karya-karya beliau. Terdapat banyak isu-isu yang terhasil daripada penyelewengan pentafsiran beliau dengan menggunakan angka kod 19 ini, namun teori angka kod 19 ini telah diangkat oleh sebilangan umat Islam terutamanya pengikut-pengikut beliau yang menganggap bahawa Rashad Khalifa ini adalah seorang yang berpandangan ke hadapan dan mengagumi teori yang dibawa oleh beliau. Di antara yang memuji dan mengikut Rashad Khalifa di Malaysia ini adalah Kassim Ahmad, beliau telah mengiktiraf teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini sebagai pentafsir al-Quran bagi menggantikan hadith.<sup>3</sup> Selain Kassim Ahmad ramai lagi yang mengagumi teori angka kod 19 ini seperti Ahmad Deedat, Edip Yuksel dan pengikut-pengikutnya yang digelar sebagai *Submission*.

Oleh itu kajian ini adalah bertujuan mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang pemikiran Rashad Khalifa di dalam karya-karya pentafsiran yang telah dihasilkan beliau serta pengaruh pentafsiran dan pemikiran beliau ini terhadap umat Islam terutamanya pengaruh pentafsiran dan pemikiran Rashad Khalifa di Malaysia.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Rashad Khalifa dan karyanya-karyanya tidak banyak dikaji kerana isu kerasulan yang ditimbulkan oleh beliau. Secara tidak sedar pentafsiran-pentafsiran beliau ini telah disebarkan oleh pengikut-pengikut Rashad Khalifa meskipun beliau sudah meninggal

---

<sup>3</sup> Astro Awani, *Jakim Pandang Serius Isu Yang Dibangkitkan Kassim Ahmad* (20 Februari 2014), laman sesawang Astor Awani, diakses 10 Disember 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-pandang-serius-isu-yang-dibangkitkan-kassim-ahmad-30460>

dunia. Pengikut-pengikut beliau ini menjadikan beliau sebagai seorang tokoh pentafsiran yang mempunyai pemikiran ke hadapan sehingga menolak hadith Nabi kerana menganggap al-Quran sudah cukup dalam kehidupan. Sedangkan sumber utama di dalam Islam adalah al-Quran dan al-sunah.

Rashad Khalifa merupakan seorang kelahiran Mesir yang menetap di Amerika Syarikat. Beliau merupakan seorang pakar dalam bidang kimia iaitu pakar biokimia tumbuh-tumbuhan.<sup>4</sup> Namun beliau telah menceburi bidang al-Quran dan pentafsiran al-Quran seta menjadi pelopor kepada teori angka kod 19 yang dikenali sebagai kod Quran. Teori yang dibawa oleh beliau ini telah tersebar meluas sama ada dalam kalangan umat Islam mahupun bukan Islam. Sekiranya membuat carian di google “*Quran code*”, maka wikipedia akan mengeluarkan teori angka kod 19 yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini. Selain dikenali sebagai pelopor kepada teori angka kod 19 ini, beliau juga turut dikenali sebagai golongan *Quraniyyun* dan juga menolak hadith-hadith nabi. Beliau mempunyai pengikut yang ramai yang dikenali sebagai *Submission* termasuklah di Malaysia iaitu Kassim Ahmad. Teori angka kod 19 beliau ini juga pernah dikagumi oleh Ahmad Deedat sehingga beliau menghasilkan sebuah karya yang berjudul *Al-Qur'an The Ultimate Miracle*. Sarjana-sarjana barat juga turut menghasilkan buku hasil daripada pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa seperti *Qur'an says: Timing Of The End Of The World Will Be Known*<sup>5</sup> yang berkisar tentang hari Kiamat. Selain itu terdapat blog-blog di laman sesawang yang terus menyebarkan ideologi dan pentafsiran-pentafsiran Rashad Khalifa ini seperti *True Islam*, *Submission* dan sebagainya. Di antara karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh Rashad Khalifa adalah *Miracle Of The Quran : Significane Of The Mysterious Alphabets (1973)* *The Computer Speaks : God Message To The World (1981)*, *Quran The Final Scripture*

---

<sup>4</sup> Abur Hamdi Usman et.al, *Golongan Quraniyyun (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam)*, (KUIS, Selangor, 2018), 33.

<sup>5</sup> Ahmad Deedat, *Al-Qur'an The Ultimate Miracle* (New Delhi, Islamic Book Service, 2015)

(1981), dan *Quran : Visual Presentaton Of The Miracle* (1982).<sup>6</sup> Dalam karya-karya ini beliau mahu menunjukkan kepentingan angka kod 19 yang dikaitkan dengan pentafsiran beliau.

Di antara isu yang dikaitkan dengan angka kod 19 ini adalah kemukjizatan al-Quran. Beliau menyatakan bahawa angka kod 19 merupakan salah satu mukjizat al-Quran. Teori dan ideologi ini datang berdasarkan pentafsiran beliau terhadap surah al-Muddaththir ayat 30 iaitu sebagaimana Firman Allah:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

“ Di atasnya ada sembilan belas”(Muddaththir 74:30)

Berikut merupakan pentafsiran beliau terhadap ayat 30 surah al-Muddaththir ini sebagai bukti kemukjizatan angka kod 19. Beliau merujuk تِسْعَةَ عَشَرَ dalam ayat tersebut sebagai teori angka kod 19 yang dibawa oleh beliau. Sedangkan dalam pentafsiran-pentafsiran lain menyebutkan bahawa “ تِسْعَةَ عَشَرَ ” ini merujuk kepada para malaikat.

Ibnu Kathir mentafsirkan ayat ini sebagai malaikat Zabaniyyah iaitu penjaga neraka Saqar. Rashad Khalifa telah mentafsirkan “ sembilan belas” ini mengikut pentafsiran buta dan ketaksuban beliau terhadap angka kod 19 tanpa merujuk kepada pentafsiran-pentafsiran muktabar lain.

Selain itu, beliau turut meramalkan tarikh Kiamat yang akan berlaku pada 2280 Masihi, ini adalah berdasarkan hitungan huruf *muqata'at* di dalam al-Quran. Beliau mengatakan bahawa huruf-huruf *muqata'at* ini menyimpan rahsia tentang hari Kiamat. Sedangkan huruf-huruf *muqata'at* ini hanya Allah yang mengetahui maksud sebenarnya. Allah berfirman:

---

<sup>6</sup> Rosni Wazir et. al, *Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf*, 1st Inhad Muzakarah And Mukhtar On Hadith (IMAM 2016), 3

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ  
مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ  
الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۚ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ  
يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ ۚ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

“Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *Muhkamaat* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikir.” (al-Imran 3:7)

Ulama tafsir juga tidak mentafsirkan huruf *muqata'at* ini dengan lebih mendalam mahupun secara terperinci. Hal ini kerana Allah telah memberi amaran di dalam ayat ini. Oleh itu, pentafsiran ayat-ayat *mutasyabihat* haruslah berhati-hati agar pentafsiran tersebut tidak terpesong daripada ajaran al-Quran yang sebenar. Bukan seperti yang dilakukan oleh Rashad Khalifa yang mentafsirkan huruf-huruf *muqata'at* ini mengikut hawa nafsunya dan tidak mempunyai asas mahupun dalil yang mengatakan bahawa huruf-huruf *muqata'at* ini mengandungi rahsia bila berlakunya hari Kiamat.

Dalam karya-karya beliau juga turut menyatakan bahawa Nabi Ibrahim merupakan pengasas kepada agama Islam dan bukannya Nabi Muhammad serta menolak hadith-hadith Nabi Muhammad kerana menurut beliau al-Quran sahaja sudah cukup bagi umat Islam dan selain daripada al-Quran tidak boleh diterima. Hal ini kerana beliau mentafsirkan ayat:



وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَالُكُمْ مَا  
فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

“Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)” (al-An’am 6:38)

Menurut pentafsiran beliau ayat ini mengatakan bahawa tiada sesuatu pun yang tertinggal di dalam al-Quran. Oleh itu tidak diperlukan selain daripada al-Quran dan hanya al-Quran sahaja yang diperlukan. Beliau menggunakan hujah ini bagi memperkuat lagi penolakan terhadap hadith-hadith nabi. Sedangkan hadith merupakan sumber kedua Islam selepas al-Quran. Hal ini bertentangan dengan firman Allah :

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ  
مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ  
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).” (al-Hashr 59:7)

Ayat ini menunjukkan tentang kepentingan hadith nabi sebagai rujukan dan sumber kedua di dalam Islam selepas al-Quran. Namun Rashad Khalifa tidak menerimanya dan telah mempengaruhi pengikut-pengikut yang sangat mempercayainya

sehingga mereka sanggup menjadi orang-orang yang menolak hadith nabi dan hanya berpegang kepada al-Quran dan teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Pada akhirnya Rashad Khalifa telah mengaku sebagai rasul dengan menjadikan hujah teori angka kod 19 yang dibawa oleh beliau merupakan satu mukjizat yang dikurniakan kepadanya. Ketika beliau mengaku sebagai rasul, terdapat pengikut dan masyarakat yang kagum dengan teori angka kod 19 ini yang berpaling tadah daripada beliau. Namun saki-baki pengikut-pengikut yang mempercayainya masih terus wujud sehingga kini dengan mengembangkan teori-teori yang dibawa oleh beliau kepada masyarakat dunia dan masyarakat Islam khususnya tanpa disedari.

Meskipun di dunia luar pengaruh Rashad Khalifa mendapat sambutan daripada kalangan golongan muslim liberal, Malaysia juga tidak terkecuali menerima tempias daripada pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa ini. Hal ini kerana Kassim Ahmad yang merupakan seorang yang mempunyai pengaruh yang besar di Malaysia telah membawa pemikiran Rashad Khalifa ini dan disebarkan dalam kalangan rakyat Malaysia di bawah Jama'ah Al-Quran Malaysia (JAM). Pemikiran Rashad Khalifa yang dibawa oleh Kassim Ahmad ini turut dibawa oleh teman-temannya. Di antaranya adalah Abdul Manan Harun dan Othman Ali. Othman Ali juga telah menerbitkan sebuah karya yang berjudul Bacaan. Menurut beliau, beliau menerima tafsiran Rashad Khalifa dan bukan pemikiran Rashad Khalifa. Meskipun buku Bacaan yang dihasilkan oleh Othman Ali ini telah diharamkan oleh pihak JAKIM. Namun sebuah laman sesawang E-Bacaan yang mengeluarkan pentafsiran al-Quran Othman Ali ini telah diwujudkan dan menjadikan ia mudah diakses oleh sesiapa sahaja. Menurut Othman Ali, sebelum beliau menghasilkan karya Bacaan ini beliau telah membaca beberapa tafsir dahulu termasuklah tafsir yang dihasilkan oleh Rashad Khalifa. Oleh itu dalam pentafsirannya dapat dilihat persamaan pada tafsir yang dihasilkan oleh Rashad Khalifa.

Selain itu, memasukkan pemikiran Rashad Khalifa ini ke Malaysia bukan sahaja dibawa oleh Kassim Ahmad. Syarikat ESQ Malaysia yang merupakan sebuah syarikat Training Motivasi yang diasaskan oleh Ary Ginanjar Agustian yang berpusat di Indonesia telah diharamkan oleh pihak JAKIM disebabkan pemikiran Rashad Khalifa yang dibawa oleh ESQ<sup>7</sup>. Namun Syarikat ESQ ini masih lagi beroperasi di Malaysia dengan bebas dengan nama ESQ Leadership Centre Sdn. Bhd yang berpusat di Petaling Jaya Selangor. Di antara sebab pengharaman ESQ ini adalah disebabkan pemikiran Rashad Khalifa yang dibawa di dalam modul pembelajarannya iaitu pada teori mukjizat al-Quran. Dalam membuktikan kemukjizatan al-Quran ini beliau telah memetik teori angka kod 19 Rashad Khalifa yang mempunyai rahsia berkaitan al-Quran termasuk *bismillah* dengan mengatakan kalimat ini mempunyai 19 huruf dan menamakan teori ini dengan nama *Al-Quran Inter Locking System*.

Oleh itu kajian ini adalah untuk menyelidiki dan menganalisis semula pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang dibawa masuk ke dalam karya-karya tafsirnya dan melihat sejauh manakah pengaruh pemikiran dan pentafsiran al-Quran yang dibuat oleh beliau ini tersebar di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana tanpa disedari, pengaruh Rashad Khalifa ini sangat kuat dan beliau mempunyai pengikut-pengikut yang tidak berputus asa menyebarkan pemikiran dan pentafsiran beliau. Tambahan pula, pada masa kini dengan teknologi yang semakin canggih mampu menyebarkan maklumat dengan pantas tanpa memerlukan waktu yang lama.

---

<sup>7</sup> Jakim, *Kursus ESQ Leadership Training Dan Fahaman Yang Seumpama Dengannya* (2009), laman sesawang Jakim, diakses 22 Disember 2022, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12092>

### 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang di atas, topik yang diangkat sebagai kajian utama penelitian ini adalah *Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran Dan Kesannya Di Malaysia* . Dalam upaya mengkaji pokok permasalahan tersebut, beberapa persoalan yang akan diangkat dalam kajian ini adalah:

1. Apakah perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa?
2. Siapakah Rashad Khalifa dan apakah karya-karya yang dihasilkan oleh beliau?
3. Bagaimanakah pemikiran Rashad Khalifa berkaitan pentafsiran al-Quran dalam karya-karyanya?
4. Sejauhmanakah pengaruh pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran di Malaysia?

### 1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, tujuan penulis adalah untuk mencapai beberapa objektif dalam kajian penulis ini. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Menghuraikan perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa.
2. Mengenalpasti biografi Rashad Khalifa dan karya-karya yang dihasilkan oleh beliau.
3. Mengkaji pemikiran Rashad Khalifa berkaitan pentafsiran al-Quran dalam karya-karyanya.
4. Menganalisis pengaruh pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran di Malaysia.

## 1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini penulis akan menghuraikan teori pentafsiran al-Quran yang digunakan oleh Rashad Khalifa. Kemudian penulis akan menelusuri latar belakang kehidupan dan juga biografi Rashad Khalifa secara mendalam dan juga terhadap karya yang dihasilkan oleh beliau. Kemudian penulis akan mengkaji pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang diselitkan di dalam karya-karya pentafsiran al-Quran yang dihasilkan oleh beliau iaitu *Quran : The Final Testament* (1989) dan *Quran : Hadith And Islam* (1982). Seterusnya penulis akan melihat pengaruh pentafsiran al-Quran serta pemikiran Rashad Khalifa yang tersebar di Malaysia. Namun penulis akan menumpukan kajian pada karya E-Bacaan dan *The ESQ Way 165* sahaja.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Rashad Khalifa dilahirkan di dalam lingkungan keluarga yang mempunyai latar belakang agama, namun beliau tidak memilih jalan yang sama dengan bapanya. Rashad Khalifa telah memilih untuk menjadi seorang ahli kimia berbanding memilih bidang ilmu agama dalam hidupnya. Namun dengan berjalannya waktu, beliau tertarik dengan pentafsiran ayat al-Quran yang membuatnya menceburi bidang pentafsiran ini tanpa mempunyai latar belakang atau pendidikan dalam bidang pentafsiran al-Quran. Oleh itu, banyak pemikiran-pemikiran beliau yang dimasukkan ke dalam karya-karya tafsir dihasilkan oleh beliau sendiri.

Pentafsiran Rashad Khalifa di dalam karyanya-karyanya banyak menggunakan teori angka kod 19 dalam mentafsirkan ayat al-Quran. Beliau menjadikan kaedah angka kod 19 ini sebagai kaedah utama dalam memahami al-Quran sehingga membelakangkan maksud sebenar ayat al-Quran, hadith nabi, pendapat sahabat, *tabi'in* dan juga ulama'

lain. Walaupun teori beliau ini telah ditolak namun terdapat saki-baki seperti pengikutnya masih berpendapat bahawa teori angka kod 19 ini adalah benar. Teori angka kod 19 ini sangat terkenal dan telah menyebar dengan meluas. Terdapat juga buku-buku yang dihasilkan berdasarkan teori angka kod 19 ini oleh sarjana barat seperti *Qur'an says: Timing Of The End Of The World Will Be Known*<sup>8</sup>, *Al-Qur'an The Ultimate Miracle*<sup>9</sup> dan sebagainya. Selain itu, terdapat blog menyebut tentang pentafsiran Rashad Khalifa seperti blog *True Islam, Submission* dan sebagainya.

Di Malaysia, di antara yang menerima teori ini adalah Kassim Ahmad. Beliau mengiktiraf teori angka kod 19 oleh Rashad Khalifa sebagai pentafsir al-Quran bagi menggantikan hadith.<sup>10</sup>, Kassim Ahmad merupakan seorang yang mempunyai pengaruh yang besar di Malaysia kerana beliau pernah menceburi bidang politik dengan memasuki UMNO pada 1986. Oleh itu ramai juga yang menyokong beliau dengan pendapat bahawa Rashad Khalifa mempunyai pemikiran yang ke depan. Oleh yang demikian kajian ini adalah sangat penting untuk mengkaji dan melihat sejauh manakah pemikiran dan pentafsiran Rashad khalifa ini telah tersebar di kalangan masyarakat dunia secara umumnya dan dalam kalangan masyarakat Malaysia secara khususnya terutamanya di dalam karya E-Bacaan dan juga *The ESQ Way 165*.

## 1.7 Definisi Tajuk

“Pemikiran” menurut Kamus Dewan adalah perbuatan berfikir. Oleh itu pemikiran Rashad Khalifa bererti hasil daripada perbuatan berfikir Rashad Khalifa yang mana pemikiran beliau ini telah diterima oleh masyarakat. Manakala “pentafsiran” berasal

---

<sup>8</sup> Prof. Dr. Munir M. Hasan, *Qur'an Says : Timing Of The End Of The World Will Be Known*, (Canada, Trust For The Scientific Research In Quran, 2014)

<sup>9</sup> Ahmad Deedat, *Al-Qur'an The Ultimate Miracle* (New Delhi, Islamic Book Service, 2015)

<sup>10</sup> Astro Awani, *Jakim Pandang Serius Isu Yang Dibangkitkan Kassim Ahmad* (20 Februari 2014), laman sesawang Jakim, diakses 25 Disember 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-pandang-serius-isu-yang-dibangkitkan-kassim-ahmad-30460>.

dari kata tafsir yang membawa maksud keterangan dan penjelasan. Pentafsiran pula merupakan perihal atau perbuatan mentafsirkan sesuatu.<sup>11</sup> Oleh yang demikian dapat disimpulkan dari tajuk ini adalah pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa terutamanya pemikiran beliau di dalam karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh beliau yang berjaya mempengaruhi dan memberi kesan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Rashad Khalifa adalah seorang ahli kimia muslim yang berasal dari Mesir dan kemudian beliau menetap di Amerika. Beliau merupakan pengasas teori angka kod 19 yang merupakan salah satu kod dalam al-Quran yang terkenal dikalangan umat Islam dalam mukjizat bilangan selain daripada angka 7. Keajaiban angka kod 19 dalam al-Quran oleh Rashad Khalifa tercetus apabila beliau meneliti susunan matematik dalam al-Quran sejak dari tahun 1968 dan kemudian memasukkan al-Quran ke dalam sistem komputer pada tahun 1969 sehinggalah beliau menemui teori angka kod 19 ini pada tahun 1974.<sup>12</sup> Beliau telah banyak menghasilkan karya-karya tafsir dengan menggunakan teori angka kod 19 ini dan telah mencetuskan pelbagai isu. Hasil daripada pemikiran beliau ini juga turut mempengaruhi umat Islam di seluruh dunia termasuk segelintir di Malaysia.

### 1.8 Sorotan Kajian

Kajian secara terperinci terhadap pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran dan pengaruhnya di Malaysia belum lagi dibuat kajian oleh para pengkaji. Hal ini kerana kebanyakan kajian adalah mengenai teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa, golongan anti hadith dan *Quraniyyun* yang dikaitkan dengan Rashad Khalifa serta isu kerasulan yang telah dicetuskan oleh Rashad Khalifa yang telah mengejutkan

---

<sup>11</sup> Kamus Dewan, ed ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 1566, entri tafsir.

<sup>12</sup> Isyatul Luthfi, "Mengenal Rashad Khalifa, Pelopor Teori Keajaiban Angka 19 Dalam Al-Qur'an", laman sesawang *TafsiralQuran*, diakses 9 Disember 2022, <https://tafsiralquran.id/mengenal-rashad-khalifa-pelopor-teori-keajaiban-angka-19-dalam-al-quran/>

seluruh dunia Islam. Teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa telah menarik ramai pengkaji untuk menelusuri teori ini yang dianggap sebagai mukjizat al-Quran. Ada yang menerima dan juga ada yang menolak teori ini. Teori angka kod 19 Rashad Khalifa ini juga turut menarik para pengkaji barat dan mengaitkannya dengan kajian *numerology* kerana ia berkaitan dengan matematik, hitungan dan nombor.

Satu kajian yang dibuat oleh Muhammad Bin Mohd Zin @ Zakaria dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam kajiannya “Penyebaran Fahaman Liberalisme Dalam Portal Berita Online Di Malaysia” pada tahun 2017 ada menyebutkan bahawa salah satu liberalisme yang menular di Malaysia adalah teori angka kod 19 yang telah dihasilkan oleh Rashad Khalifa dalam mentafsirkan al-Quran yang telah disebarkan melalui ESQ yang diasaskan oleh Ary Ginanjar iaitu satu syarikat yang menjalankan perniagaan kepimpinan dengan mengajak masyarakat untuk mendekati Islam dengan gaya yang baru. Kaedah yang digunakan oleh ESQ merupakan kaedah yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar kerana telah menggunakan teori Rashad Khalifa dalam menyebarkan pemahaman Islam termasuklah menolak hadith dan menganggapnya sebagai satu pembohongan. Namun kajian ini tidak menyentuh secara terperinci mengenai pengaruh Rashad Khalifa di Malaysia kerana kajian ini memfokuskan tentang penyebaran fahaman liberalisme dalam portal berita online di Malaysia secara umum

Selain itu, satu kajian telah dibuat oleh Abu Zaki Bin Ismail iaitu kajian “Mukjizat Angka Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nahad Jarrar Dan ‘Abd al-Da’im al-Kahil” dari Universiti Malaya pada tahun 2017. Dalam kajian ini beliau menerangkan tentang aspek-aspek mukjizat di dalam al-Quran termasuklah membuat kajian terhadap bilangan sebagai salah satu mukjizat al-Quran. Kajian ini lebih fokus terhadap konsep kajian, teori mukjizat bilangan yang dibawa oleh Bassam Nahad Jarrar dan ‘Abd al-Da’im al-Kahil. Namun dalam kajian ini juga beliau turut



menyentuh tentang teori angka kod 19 yang telah dibawa oleh Rashad Khalifa dan mengaitkannya dengan kajian yang dibuat oleh beliau. Beliau juga turut mengeluarkan pandangan Bassam Nahad Jarrar dan ‘Abd al-Da’im al-Kahil terhadap teori angka kod 19 serta mengeluarkan komentar mereka terhadap Rashad Khalifa

Selanjutnya, kajian “*I’jāz ‘Adadi* ( Kemukjizatan Angka 7 Dan 19 Dalam Al-Quran” yang ditulis oleh Mustar dari Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 2011. Kajian ini merupakan kajian mengenai *I’jāz ‘Adadi* yang merupakan salah satu kemukjizatan dalam al-Quran yang merungkaikan konsep *I’jāz ‘Adadi* secara umum yang mencakupi fungsi *I’jāz ‘Adadi*, unsur-unsur mukjizat, sejarah *I’jāz ‘Adadi*, aspek-aspek *I’jāz ‘Adadi* dan sebagainya. Namun kajian ini lebih fokus terhadap kemukjizatan bagi angka 7 dan juga angka 19 di dalam al-Quran. Kemukjizatan angka kod 19 merupakan satu teori yang dibawa dan dicetuskan oleh Rashad Khalifa hasil daripada penelitian matematik dari al-Quran berdasarkan kaedah *hisāb Jummal*, kaedah penyebutan kata dan juga perhitungan huruf dalam ayat mahupun surah di dalam al-Quran yang dibahagikan dengan angka 19. Pengkaji juga turut mengeluarkan penilaian ulama dan juga kritikan terhadap kemukjizatan bagi angka 7 dan juga angka 19 ini seperti Quraish Shihab, ‘Abd al-Da’im al-Kahil, Abu Zahra an-Najdi dan Muhammad Shidqi Bek.

Seterusnya, jurnal “Al-Quran Dan Rahsia Angka : Kajian Kitab Tafsir Karya Abu Zahra al-Najdi” yang ditulis oleh Muhammad Akrom Adabi dari UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta pada tahun 2019 menerangkan pembahasan mengenai *I’jāz ‘Adadi* dari segi makna. Kajian beliau mendapati bahawa pada awalnya kajian mengenai kemukjizatan angka ini tidak banyak sehinggalah pada tahun 1979 Rashad Khalifa telah membuat satu buku yang secara khususnya mengkaji tentang kemukjizatan al-Quran yang kemudian diikuti oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal sehinggalah pada akhirnya semakin ramai peneliti-peneliti yang mengkaji angka-angka dalam al-Quran iaitu di antaranya

adalah Abu Zahra al-Najdi, ‘Abd al-Da’im al-Kahil dan di Indonesia Rosman Lubis dan Fahmi Basya. Menurut kajian ini, Rashad Khalifa telah membuktikan teori angka kod 19 yang dibawanya dengan dua jenis bukti iaitu bukti sederhana dan juga bukti rumit. Selain itu kajian juga mendapati bahawa Rosman Lubis membuktikan bahawa penemuan teori angka 11 di dalam al-Quran adalah sebagai pasangan daripada teori angka 19 namun berbeza pendapat dengan Abu Zahra al-Najdi. Kajian ini lebih fokus dalam mengeluarkan pendapat dan juga pandangan Abu Zahra al-Najdi terhadap *I’jāz ‘Adadi*.

Selain itu, kajian “Golongan *Quraniyyun*: Implikasi terhadap Pemikiran Masyarakat Islam” oleh Abur Hamdi dan Norhamizah dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada tahun 2018 mendapati bahawa golongan *Quraniyyun* ini merupakan golongan anti hadith pada zaman moden. Gerakan ini telah diasaskan oleh Abdullah Jakralawi dan kemudian Rashad Khalifa telah menjadi salah seorang penyokong kuat gerakan ini dengan membawa ideologi teori angka kod 19 bersama. Golongan ini hanya menerima al-Quran sahaja dengan menganggap al-Quran sudah jelas untuk dijadikan sebagai petunjuk hidup. Oleh itu golongan ini telah menolak hadith sebagai sumber perundangan selain menafikan peranan nabi dan mengehadkan peranan nabi hanya sebatas menyampaikan al-Quran kepada manusia sahaja. Gerakan ini telah tersebar ke seluruh dunia termasuk di Malaysia yang diketuai oleh Kassim Ahmad, beliau merupakan pengikut kepada Rashad Khalifa dan telah membawa ideologi-ideologi Rashad Khalifa ini ke dalam Malaysia.

Abur Hamdi, Rosni Wazir et.al juga telah membuat satu kajian mengenai “Golongan anti Hadith: Isu Dan Cabaran” pada tahun 2016 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Menurut kajian ini golongan anti hadith ini tidak mempercayai hadith sebagai sumber epistemologi Islam selepas al-Quran. Oleh itu mereka telah mendatangkan beberapa ayat al-Quran yang telah diselewengkan tafsirannya untuk

menolak peranan hadith di dalam Islam. Penyelewengan pentafsiran ini melibatkan soal akidah, politik dan juga feqah. Keraguan terhadap hadith ini telah dicetuskan oleh penjajah barat ini dalam kalangan umat Islam sehingga melahirkan pemikir-pemikir Islam yang anti hadith termasuklah Rashad khalifa yang berkelulusan biokimia di Amerika Syarikat. Beliau telah menghasilkan teori angka kod 19 yang membuktikan al-Quran datang dari Allah. Teori ini juga merupakan alasan beliau telah menolak hadith yang akhirnya membawa kepada kesesatan dengan mendakwa dirinya sebagai rasul. Pergerakan anti hadith di Malaysia telah diketuai oleh Kassim Ahmad bersama-sama Othman Ali dan Abdul Manan Harun pada tahun 1985. Mereka telah menarik perhatian umat Islam di Malaysia dengan mengemukakan teori ajaran Islam dengan berpandukan al-Quran dan kajian saintifik menerusi akal. Oleh itu, secara tidak langsung teori-teori dan pemikiran Rashad Khalifa telah dibawa masuk dan disebarkan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

“Epistemologi Inkar Al-sunah (Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)” merupakan satu kajian yang dihasilkan oleh Naufal Syahrin Wibowo dari UIN Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 2020. Dalam kajian beliau ini, beliau telah mengkaji pemikiran-pemikiran tiga tokoh utama yang merupakan golongan Inkar Sunnah ataupun lebih dikenali sebagai golongan *Quraniyyun* iaitu Rashad Khalifa, Edip Yuksel dan Sam Gerrans. Kajian ini turut membuat perbezaan pendapat terhadap tiga tokoh ini. Contohnya Edip Yuksel yang merupakan murid kepada Rashad Khalifa berbeza pandangan dalam mempertimbangkan *Bible* di mana Rashad Khalifa tidak mempertimbangkan *Bible* manakala Edip Yuksel mempertimbangkan *Bible*. Selain itu dalam kajian ini juga turut menyebutkan Kassim Ahmad yang merupakan tokoh ingkar sunnah di Malaysia turut terinspirasi dengan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa termasuklah pemikiran Rashad Khalifa yang menolak hadith-hadith.

Kajian mengenai Kassim Ahmad telah dihasilkan oleh Zikri Darussamin dari UIN Suska Riau dengan judul “Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah Di Malaysia” pada tahun 2009. Kajian Zikri Darussamin ini telah mengkaji secara terperinci latar belakang Kassim Ahmad dari kecil sehinggalah beliau masuk ke dunia politik. Kajian ini turut menyebutkan bahawa Kassim Ahmad telah terpengaruh dengan pemikiran yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Gerakan yang dipimpin oleh Kassim Ahmad ini telah menolak hadith sekaligus menjadikannya gerakan anti hadith. Zikri Darussamin juga turut mengaitkan gerakan yang dipimpin oleh Kassim Ahmad ini dengan pengaruh Baha’i serta pengakuan Kassim Ahmad terhadap mukjizat angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Pemikiran-pemikiran Kassim Ahmad terhadap penolakan hadith juga turut dikeluarkan dan dibahaskan di dalam kajian ini.

Seterusnya, satu kertas kerja Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah dibuat oleh Rosni Wazir, Abdul Mukti et. al pada tahun 2020 yang bertajuk “*Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Antihadith: Analisis Metode Membilang Huruf*” menerangkan tentang teori angka kod 19 yang telah dibuat dan dicetuskan oleh Rashad Khalifa. Dalam kajian ini Rosni Wazir, Abdul Mukti et. al menerangkan bagaimana teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini memicu kepada membawa idea anti-hadith yang bermula di Amerika Syarikat sehingga tersebar ke seluruh pelusuk dunia termasuklah di Malaysia. Kajian ini juga turut membincangkan tentang kesilapan pada cara pengiraan teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa iaitu cara membilang huruf yang salah, cara membilang huruf *muqata’at* yang tidak konsisten, cara membilang huruf dengan manipulasi dan membilang huruf secara memalsukan data.

Walaupun terdapat kajian-kajian yang membincangkan tentang Rashad Khalifa ini, namun penulis memilih untuk meneruskan kajian terhadap Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran Dan Kesannya Di Malaysia. Hal ini kerana penulis

mahu menelusuri dengan lebih mendalam pemikiran beliau ini dan mengkaji lebih banyak isu-isu pentafsiran yang dibuat oleh beliau di dalam karya-karya yang dihasilkan oleh beliau serta mengkaji pengaruh pemikiran Rashad Khalifa yang telah tersebar di Malaysia pada masa kini. Kajian-kajian lepas yang telah dibuat tidak banyak menyentuh tentang pentafsiran-pentafsiran ayat al-Quran yang dibuat oleh Rashad Khalifa. Kajian-kajian ini lebih fokus kepada membahaskan tentang teori kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa serta penolakan Rashad Khalifa terhadap hadith nabi sebagai *Quraniyyun*. Namun kajian penulis lebih fokus kepada pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa berdasarkan pentafsiran-pentafsiran yang dibuat oleh beliau dan pemikiran-pemikiran beliau yang telah tersebar di dalam Malaysia.

## **1.9 Metodologi Penyelidikan**

### **1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Metodologi kajian yang akan digunakan penulis di dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Di mana kaedah kualitatif ini adalah bersifat kategori, konsep, gambaran, ciri atau tafsir sesuatu data. Metode pengumpulan data yang digunakan penulis dalam kajian ini adalah:

#### **1.9.1 Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi adalah salah satu metode yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini pada bab 2 sehingga bab 5 iaitu dengan cara mengumpulkan dan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Rashad Khalifa serta pemikiran dan pentafsiran al-quran dalam karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Melalui metode ini penulis akan merujuk dan mendapatkan maklumat daripada buku, jurnal, laporan,

akhbar, hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini dan data-data yang berkaitan dengan tajuk penulis Selain itu penulis juga akan mengunjungi beberapa perpustakaan untuk mendapat data-data dan maklumat yang lebih mendalam tentang tajuk penulis ini.

### **1.9.2 Kaedah Analisis Data**

Dalam menganalisis dan merumuskan data-data yang telah dikumpulkan oleh penulis dalam kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa metode iaitu metode induktif dan metode komparatif:

#### **1.9.2.1 Metode induktif**

Metode induktif adalah menganalisis data-data dan mencari kesimpulan dari kenyataan yang bersifat khusus kepada umum. Oleh itu, metode induktif digunakan penulis pada bab 4 dan bab 5 dengan mengkaji dan menganalisis data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan membuat satu kesimpulan baru berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Selain itu. Metode ini juga digunakan pada bab 6 dalam mencari kesimpulan akhir bagi penulisan ini.

#### **1.9.2.2 Metode Komparatif**

Metode komparatif adalah satu metode perbandingan yang penulis gunakan di dalam bab 5 dalam mencari pengaruh Rashad Khalifa yang terdapat dalam karya Othman Ali dan karya *The ESQ Way 165*. Penulis akan membandingkan pemikiran Rashad Khalifa yang terdapat dalam karya beliau dengan kedua-dua karya ini.

### **1.10 Reka Bentuk Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat enam bab utama yang akan dibincangkan. Di dalam enam bab utama ini, penulis akan menyelitkan beberapa tajuk kecil untuk menghuraikan dan menjelaskan dengan lebih dalam tajuk utama. Enam bab utama tersebut adalah:

#### **Bab Pertama – Pendahuluan**

Dalam bab pertama ini penulis akan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan objektif yang ingin dicapai, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi bagi tajuk kajian, soratan kajian mengenai tajuk, reka bentuk kajian, metode pengumpulan data yang akan digunakan oleh penulis dan akhir sekali, metode analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

#### **Bab Kedua – Perkembangan Pentafsiran Al-Quran pada zaman Rashad Khalifa.**

Dalam bab kedua ini, penulis akan membahas tentang perkembangan dalam pentafsiran al-Quran pada zaman sebelum dan zaman Rashad Khalifa sama ada dari segi metode, bentuk dan corak dalam pentafsiran serta metode dan corak pentafsiran Rashad Khalifa. Selain itu penulis juga akan mengkaji senario yang melatari perkembangan intelektual pada era Rashad Khalifa.

#### **Bab Ketiga – Biografi Rashad Khalifa Dan Karya-Karyanya**

Dalam bab ketiga ini penulis akan menerangkan tentang biografi Rashad Khalifa serta latar belakang hidupnya sama ada tempat beliau dilahirkan, keluarga beliau, latar belakang pendidikan yang diterima olehnya, karya-karya yang dihasilkan dan bagaimana beliau boleh menceburi bidang pentafsiran.

## **Bab Keempat – Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran.**

Bab keempat ini penulis akan mengkaji dan mengeluarkan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa dalam bidang tafsir iaitu di dalam karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Penulis juga akan mengkaji pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang terdapat dalam golongan *Quraniyyun* dan golongan anti hadith.

## **Bab Kelima – Pengaruh Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran Di Malaysia.**

Bab kelima ini merupakan bab kemuncak di mana penulis akan mengkaji pengaruh Rashad Khalifa yang tersebar dan pengikut-pengikut beliau. Penulis juga turut akan mengkaji pemikiran Rashad Khalifa yang tersebar di dalam Malaysia.

## **Bab Keenam – Penutup**

Bab keenam ini adalah bab yang terakhir dan penutup bagi kajian penulis. Dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan akhir hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh penulis. Di samping itu, penulis juga akan memberikan beberapa saranan dan cadangan untuk pengkaji seterusnya dapat mendalami lagi kajian dalam bidang ini.

## **Penutup**

Kajian mengenai Rashad Khalifa mengenai pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran dan pengaruhnya di Malaysia ini amat penting agar masyarakat di luar sana dapat membezakan pentafsiran yang benar dan pentafsiran yang salah. Selain itu pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang masuk ke dalam Malaysia haruslah diperhatikan agar tidak mempengaruhi pemikiran umat Islam di Malaysia. Hal ini



kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* , maka ia amat bertentangan dengan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa. Oleh itu penulis akan membuat satu kajian untuk menganalisis pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran dan kesannya di Malaysia yang mempunyai enam bab. Dalam kajian ini penulis akan menggunakan metode dokumentasi dalam pengumpulan data. Manakala bagi kaedah analisis data pula, penulis akan menggunakan metode induktif dan komparatif.

Universiti Malaysia

## BAB 2 : PENTAFSIRAN AL-QURAN PADA ZAMAN RASHAD KHALIFA

### Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan menghuraikan perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa yang merangkumi perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman sebelum Rashad Khalifa dan perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa. Penulis juga akan menyentuh latar sosial atau senario yang melatari perkembangan intelektual Rashad Khalifa serta metode-metode yang digunakan Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran.

### 2.1 Perkembangan Pentafsiran Al-Quran pada zaman sebelum Rashad Khalifa

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad iaitu nabi terakhir bagi seluruh umat manusia. Nabi Muhammad berperanan menyebarkan dakwah Islam dengan mengembalikan semula manusia ke jalan yang benar iaitu menyembah Allah yang Maha Esa. Al-Quran telah diturunkan dalam bahasa Arab. Penurunan al-Quran ini bukan sahaja terhad kepada bangsa Arab sahaja, kerana ia meliputi semua bangsa dan umat manusia umumnya. Sebagaimana firman Allah:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ  
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

“(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.”( Surah An Nahl 16:44)

Meskipun al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab namun dalam ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja diturunkan kepada bangsa Arab sahaja namun ia diturunkan kepada umat manusia sebagai peringatan. Walaupun al-Quran ini diturunkan dalam bahasa Arab namun terkandung di dalamnya ayat-ayat *muhkamat* dan *mutasyabihat*. Pada zaman Nabi Muhammad, para sahabat akan merujuk kepada baginda apabila tidak memahami atau tidak jelas dengan maksud ayat al-Quran. Secara tidak langsung telah bermulanya pentafsiran al-Quran ini sejak zaman Nabi Muhammad lagi. Namun setelah baginda wafat, para sahabat telah melakukan *ijtihad* dan pentafsiran terhadap ayat-ayat Al-Quran.<sup>1</sup>

Pentafsiran al-Quran menjadi satu ilmu yang sangat penting dalam memahami maksud al-Quran kerana dengan berkembangnya Islam ke seluruh dunia, semakin ramai bangsa-bangsa yang bukan Arab memeluk Islam. Disebabkan itu penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa mereka dan juga pentafsiran ayat al-Quran memudahkan mereka untuk mendalami dan memahami maksud ayat al-Quran yang diturunkan Allah agar ia sesuai dengan fungsi al-Quran sebagai *al-Huda* iaitu pentunjuk dan *al-Bayan* yang menjelaskan antara hak dan yang batil.

Perkembangan Ilmu tafsir ini tidak terhenti pada zaman para sahabat, malah ia terus berkembang ke zaman *tabi'in*, *tabi' tabi'in* sehinggalah sekarang. Dengan berlalunya zaman, bentuk-bentuk dan corak-corak pentafsiran juga turut berubah mengikut peredaran waktu. Secara umumnya pentafsiran al-Quran ini dapat dibahagi kepada dua iaitu pentafsiran klasik dan pentafsiran moden. Setiap pentafsiran ini mempunyai metode, corak dan ciri-ciri tersendiri. Pentafsiran pada zaman klasik dapat dibahagi kepada dua periode iaitu periode *mutaqaddimin* dan periode *muta'akhirin*. Pentafsiran pada zaman klasik ini bermula dari abad ke-3 sehingga abad ke-12, di mana

---

<sup>1</sup> Nur Zainatul Nadra Binti Zainol Zainol & Latifah Binti Abdul Majid, Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah Saw, Sahabat Dan Tabiin. Journal Of Techno-Social, 4.2 (2012), 44.

pada zaman ini para pentafsir mempunyai beberapa bentuk pentafsiran iaitu pentafsiran secara tafsir *bi al-ma'thur*, tafsir *bi al-ra'yi* dan tafsir *bi al-Isyari*.<sup>2</sup> Manakala pentafsiran pada zaman moden pula bermula pada pertengahan abad ke-13H atau pada permulaan abad ke-14H.<sup>3</sup> Pentafsiran pada zaman moden ini tidak jauh berbeza dengan pentafsiran pada zaman klasik. Namun metode yang digunapakai pada pentafsiran klasik telah dikembangkan dengan menambah metode *mawdu'i* selain daripada metode *tahlili*, *ijmali*, dan *muqaran*.<sup>4</sup> Selain itu metodologi yang digunapakai pada zaman klasik adalah dengan mentela'ah ayat al-Quran dan kemudian mengeluarkan metodologi yang dijadikan wasilah dalam memahami al-Quran. Sementara pentafsiran pada zaman moden pula lebih kepada kontemporer ataupun liberal yang berusaha untuk mendekonstruksi, merekonstruksi dan mengembangkan metodologi al-Quran ini agar dapat disesuaikan dengan tanggapan dan cabaran pada masa kini.<sup>5</sup>

Pentafsiran al-Quran pada zaman sebelum Rashad Khalifa merupakan pentafsiran pada zaman klasik sebelum masuk ke zaman pentafsiran pada zaman moden. Pentafsiran klasik ini bermula pada tahun ke-3 sehingga tahun ke-12 Hijrah. Dalam pentafsiran klasik ramai ulama yang membahagikan pentafsiran pada zaman ini dengan dua periode iaitu periode *mutqaddimin* dan juga periode *mutaakhirin*.

---

<sup>2</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 4-5

<sup>3</sup> Ibid 19

<sup>4</sup> H. Ace Saefudin, Metodologi Dan Corak Tafsir Moden : Telaah Terhadap Pemikiran J.J.G Jansen. *Al-Qalam Jurnal Ilmiah Bidang Keagamaan Dan Kemasyarakatan* 20.96 (2003), 59.

<sup>5</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 31.

### 2.1.1 Periode *Mutaqaddimin*

Periode *mutaqaddimin* ini bermula dari tahun ke-1 H sehinggalah tahun ke-4 H yang bermula pada zaman sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*.<sup>6</sup> Namun terdapat juga ahli tafsir yang berpendapat bahawa periode *mutaqaddimin* ini bermula pada abad ke-3 H sehingga abad ke-7 H yang merupakan generasi ketiga setelah generasi pertama iaitu zaman Nabi Muhammad dan sahabat serta generasi kedua iaitu *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*. Pada periode ini, para pentafsir telah memisahkan tafsir dan hadith, tidak seperti zaman sebelumnya yang belum memisahkan hadith dan tafsir seperti yang dapat dilihat dalam kitab Sahih Bukhari. Meskipun kitab Sahih Bukhari merupakan kitab hadith namun di dalamnya terdapat topik khusus yang berisi tafsir al-Quran. Oleh itu pada periode *mutaqaddimin* ini tafsir dapat berdiri dengan sendiri tanpa bercampur dengan hadith. Tafsir pada zaman *mutaqaddimin*, pentafsirannya disebutkan sanad (musnad) dari zaman *tabi'in*, sahabat sehinggalah sampai kepada Rasulullah.<sup>7</sup>

#### 2.1.1.1 Sumber Pentafsiran Zaman *Mutaqaddimin*

Sumber pentafsiran al-Quran pada zaman *mutaqaddimin* ini masih lagi meliputi pentafsiran dengan menggunakan ayat al-Quran. Iaitu mentafsirkan ayat al-Quran dengan ayat al-Quran lain yang dapat menjelaskan tafsiran ayat tersebut dengan lebih mendalam. Pentafsiran dengan menggunakan sumber dari al-Quran merupakan kaedah yang terbaik dan dijadikan sumber utama sebelum sumber-sumber lain. Hal ini kerana ayat al-Quran merupakan wahyu dan kitab dari Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad sebagai petunjuk kepada manusia dan tidak boleh diubah oleh manusia.

---

<sup>6</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 18.

<sup>7</sup> Nashruddin Baidan, *Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia* (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003), 13.

Selain menggunakan pentafsiran al-Quran dengan al-Quran, hadith nabi juga turut digunakan sebagai salah satu sumber pentafsiran pada zaman *mutaqaddimin* ini.

Hadith nabi merupakan sumber kedua di dalam Islam dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran kerana hadith merupakan segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad sama ada dari perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat-sifat nabi. Sebagaimana para sahabat telah merujuk kepada Nabi Muhammad sekiranya mereka tidak memahami atau tidak jelas dengan ayat al-Quran. Selain daripada dua sumber utama ini, riwayat dan pendapat dari para sahabat, *tabi'in*, dan juga *ijtihad* serta *istinbat* dari *tabi' tabi'in* turut menjadi sumber tafsir pada periode *mutaqaddimin*.<sup>8</sup> Pada zaman ini juga, terdapat *mufasir* yang mengambil cerita-cerita mahupun riwayat-riwayat daripada ahli kitab sama ada dalam kalangan Yahudi mahupun Nasrani dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran seperti yang berkisarkan tentang cerita-cerita para nabi dan juga cerita-cerita tentang umat yang terdahulu.<sup>9</sup>

#### **2.1.1.2 Metode Pentafsiran Zaman *Mutaqaddimin***

Metode pentafsiran yang digunakan pada zaman ini selain metode *ijmali* mereka menggunakan metode *tahlili* iaitu metode yang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan memaparkan segala aspek yang terkandung di dalam ayat al-Quran yang ditafsirkan serta menerangkan makna-makna yang tercakup di dalamnya sesuai dengan keahlian dan kecenderungan *mufasir* yang mentafsirkan ayat tersebut.

Di dalam metode *tahlili* ini terkandung dua bentuk pentafsiran iaitu pentafsiran yang berbentuk *bi ma'thur* dan juga pentafsiran yang berbentuk *bi ra'yi*. Tafsir *bi ma'thur* adalah tafsir berdasarkan kutipan yang *sahih* seperti pentafsiran al-Quran

---

<sup>8</sup> Viva Ulfa Rina, Pentafsiran Al-Maraghi Terhadap Ayat-Ayat Kauniyah Dan Relevansinya Dengan Sains, (Disertasi, UIN Suska Riau, 2014) 17

<sup>9</sup> Hamdan Hidayat, Sejarah Perkembangan Tafsir Al-Quran, *Jurnal Al-Munir* 2.1 (2020), 2.

dengan al-Quran, al-Quran dengan hadits, al-Quran dengan pendapat sahabat dan al-Quran dengan pendapat *tabi'in*. Manakala tafsir *bi ra'yi* pula adalah tafsir yang bersumberkan *ijtihad* berdasarkan kaedah-kaedah pentafsiran yang benar dan tidak hanya bersandarkan kepada *ijtihad* semata-mata mahupun hawa nafsu.<sup>10</sup>

#### 2.1.1.3 Mufasir Pada Zaman Mutaqaddimin

Periode *mutaqaddimin* ini meliputi zaman sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*, oleh itu ramai *mufasir-mufasir* yang telah lahir pada periode ini. Pada zaman sahabat di antara *mufasir* yang terkenal ketika zaman itu adalah:<sup>11</sup>

1. Abu Bakar al-Shiddiq
2. Umar Ibn al-Khaththab
3. Utsman Bin Affan
4. Ali Bin Abi Thalib
5. Ibn Mas'ud
6. Zaid Bin Thabit
7. Ubay Bin Ka'ab
8. Abu Musa al-Asy'ari
9. Abdullah Bin Zubair
10. Abdullah Bin Abbas

Berikut adalah nama-nama *mufasir* yang terkenal pada zaman sahabat. Tetapi masih ramai lagi yang turut menjadi *mufasir* dan mengembangkan pentafsiran al-Quran pada zaman sahabat ini seperti Anas bin Malik, Abu Hurairah, Abdullah Bin Umar, Abdullah bin Amr bin al-As dan Aisyah. Namun para sahabat ini lebih banyak

---

<sup>10</sup> Ibid 35-36

<sup>11</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 18

menyumbang dalam bidang lain seperti bidang *hadith* dan bidang *fiqh* dan *faraid*.<sup>12</sup> Pada zaman ini juga tafsir al-Quran masih lagi belum dibukukan dan pentafsiran ini juga lebih menekankan pendekatan *al-ma'na al-ijmali* iaitu pengertian kosa kata secara umum. Selain itu pentafsiran pada zaman adalah ringkas dan tidak panjang lebar mahupun mendalam.

Pentafsiran al-Quran ini terus berkembang apabila para *mufasir* pada zaman sahabat ini mempunyai sebilangan besar murid-murid sehingga terlahirnya ramai para *mufasir* pada zaman *tabi'in*. Di antara *mufasir* yang merupakan murid kepada Abdullah bin Abbas yang bermukim di Mekah adalah Sa'id Bin Jabir, Mujahid Bin Jabir, Ikrimah Maula Ibn Abbas dan Atha' Ibn Abi Rabah. Manakala para *mufasir* yang bermukim di Kuffah dan merupakan murid kepada Ibn Mas'ud di antaranya adalah al-Nakha'i, al-Qamah Bin Qais dan al-Sya'bi. Seterusnya di Madinah di antara murid kepada Zaid Bin Aslam adalah Abu al-'Aliyah Fari' bin Mihram al-Rayyani, al-Dhahhak Bin Mazahim, Athiyah Bin Sa'id al-'Aufi, Qatadah Bin Da'amah ad Dawsy, Hassan al-Basri, al-Ra'bi Bin Anas, Abd Rahman Bin Zaid iaitu anak beliau sendiri.<sup>13</sup> Setelah generasi *tabi'in* ini, pentafsiran al-Quran tetap diteruskan pada zaman *tabi' tabi'in* yang dikenali sebagai periode pengumpulan tafsir pada zaman sahabat dan juga tafsir pada zaman *tabi'in* menurut Ahmad Musthafa al-Maraghi. Di antara *mufasir-mufasir* yang ada pada zaman *tabi' tabi'in* adalah:<sup>14</sup>

1. Syu'bah Bin al-Hajjaj
2. Waki' bin al-Jarrah al-Kuffi
3. Sufyan Bin 'Uyaynah
4. Rauh Bin 'Ubadah
5. Abd al-Raziq

---

<sup>12</sup> Ibid, 19.

<sup>13</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt ), 21.

<sup>14</sup> Ibid, 22.



6. Adam Bin Abi Iyas
7. Ishaq Bin Rahawaih al Iman al-Hafiz al-Naisaburi
8. Abu Bakr Bin Abi Syaibah al-Imam al-Hafiz al-Kufi
9. Yazid Bin Harun al-Sulami
10. Abdullah Bin Hamid al-Juhni

Mereka semua merupakan di antara para *mufasir* pada zaman *tabi' tabi'in* ini. Menurut Sheikh al-Maraghi pada zaman ini merupakan periode tafsir yang menghilangkan sanad. Pentafsiran pada zaman ini tidak lagi seperti pentafsiran pada zaman para sahabat yang mana kebanyakan riwayat adalah dari Nabi Muhammad. Kisah *israiliyyat* juga banyak dibawa masuk ke dalam pentafsiran kerana ramainya tokoh-tokoh Yahudi dan Nasrani yang telah memeluk Islam.<sup>15</sup> Selain nama-nama di atas masih ramai lagi para *mufasir* yang ada pada zaman periode *mutaqaddimin* ini seperti Ali bin Abi Talhah, Ibn Majah, Ibn Abi Hatim, Ibnu Jarir at-Tabari dan sebagainya, Meskipun pada periode *mutaqaddimin* ini tafsir dan hadith mula dipisahkan, namun para ulama masih lagi berselisih pendapat dalam menentukan siapakah yang menulis tafsir al-Quran secara menyeluruh dan memisahkan tafsir dan hadith.<sup>16</sup>

### 2.1.2 Periode *Mutaakhirin*

Periode *mutaakhirin* ini merupakan tafsir klasik pertengahan<sup>17</sup> sehinggalah muncul pentafsiran zaman moden. Periode ini merupakan periode yang paling hampir dengan zaman Rashad Khalifa yang mana periode ini muncul pada zaman kemunduran Islam iaitu sejak kejatuhan Baghdad pada abad ke 4 hingga abad ke 12 H bersamaan 656 H

---

<sup>15</sup> Ibid,

<sup>16</sup> Nashruddin Baidan, *Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia* (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003),15.

<sup>17</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus,” Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir”, dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 5.

sehingga 1286 H iaitu bermulanya kebangkitan Islam semula.<sup>18</sup> Generasi *mufasir* pada zaman ini dikenali sebagai *mufasir* gelombang keempat ataupun dikenali sebagai generasi kedua. Oleh sebab pada periode *mutaqaddimin* ramai para *mufasir* yang telah menghasilkan kitab-kitab tafsir, maka ia telah membuatkan ramai yang merasa cukup dengan kitab-kitab yang telah dihasilkan sehingga menyebabkan tidak ramai lagi para ulama yang mentafsirkan ayat al-Quran. Selain itu juga dikeranakan ketika zaman itu tidak ramai di antara mereka benar-benar memenuhi syarat-syarat untuk menjadi seorang ahli *mufasir*. Oleh itu pada zaman *mutaakhirin* ini tidak banyak kitab-kitab tafsir yang dihasilkan berbanding penghasilan kitab tafsir pada zaman *mutaqaddimin*. Akan tetapi mereka lebih banyak mensyarah dan mengulas terhadap tafsir-tafsir yang dihasilkan oleh para *mufasir* pada zaman *mutaqaddimin*.<sup>19</sup>

Penyebaran agama Islam yang telah dilakukan secara besar-besaran oleh golongan *tabi'in*, dan *tabi' tabi'in* ke seluruh dunia telah menyebabkan pada zaman *mutaakhirin* ini Islam telah berkembang ke negara-negara yang mempunyai kebudayaan lama atau beragama berhala seperti Iran, Asia Tengah, India, Syria, Turki, Mesir, Ethiopia dan Afrika Selatan. Bahkan Islam juga telah berkembang pesat di Asia tenggara yang dulunya berkeyakinan Budha dan Hindu. Dengan tersebarnya pengaruh Islam ke pelusuk dunia ini telah menyebabkan peradaban dan kebudayaan semakin berkembang pesat termasuklah ilmu tafsir ini. Oleh kerana itu para *mufasir* pada zaman ini tidak hanya mengutip tafsir-tafsir yang dihasilkan oleh *mufasir mutaqaddimin*. Mereka juga telah berorientasi pada pentafsiran al-Quran ini berdasarkan pada pendekatan ilmu bahasa dan penalaran ilmiah.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Hermansah, Konsep Fitrah Dalam Al-Qur'an Perspektif Ulama' Tafsir *Mutaqaddimin*, *Mutaakhirin* Dan Moden (Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2017), 62.

<sup>19</sup> Nashruddin Baidan, Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003), 17.

<sup>20</sup> Eko Zulfakar, Historitas Perkembangan Tafsir Pada Masa Kemunduran Islam : Abad Kesembilan Dan Kesepuluh Hijrah, *Tribakti : Jurnal Pemikiran Keislaman* 20.2 (2019). 286.

### 2.1.2.1 Sumber Pentafsiran Zaman *Mutaakhirin*

Sumber tafsir pada zaman *mutaakhirin* ini, kebanyakan *mufasir* membuat pentafsiran bersumberkan tafsir-tafsir dari golongan *mutaqaddimin* dan kemudian disesuaikan dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang berkembang pesat pada zaman itu. Namun sumber-sumber dari al-Quran, hadith, riwayat para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*, serta kaedah bahasa Arab dan juga cerita *israiliyyat* juga turut digunakan dalam pentafsiran mereka.

### 2.1.2.2 Metode Pentafsiran Zaman *Mutaakhirin*

Bentuk dan metode pentafsiran yang digunakan pada zaman *mutaakhirin* ini juga tidak jauh berbeza dengan bentuk dan metode pentafsiran yang digunakan oleh para *mufasir* zaman *mutaqaddimin*. Mereka masih menggunakan metode *ijmali* dan metode *tahlili* yang mengandungi dua bentuk iaitu tafsir *bi ma'thur* dan juga tafsir *bi ra'yi*. Selain itu, mereka juga turut menggunakan metode *muqaran* dalam pentafsiran mereka.<sup>21</sup>

Oleh kerana zaman *mutaakhirin* ini merupakan zaman perkembangan ilmu pengetahuan, kebanyakan *mufasir* pada zaman *mutaakhirin* ini telah menggunakan ilmu pengetahuan mereka dalam pentafsiran yang dihasilkan sehingga akhirnya pentafsiran itu lebih mengacu kepada bidang ilmu masing-masing seperti al-Qurtubi dari bidang *fiqh* yang menghasilkan tafsir *Jāmi' li-ahkām al-Qur'ān*. Namun masih ada juga para *mufasir* yang menumpukan pentafsiran dalam bidang *bi ma'thur* seperti tafsir *al-Quranul 'Azim* karangan Ibnu Kathir dan tafsir *Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi-al-Ma'thūr* karangan Suyuti.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup>Nashruddin Baidan, *Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia* (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003),18

<sup>22</sup> Ibid, 19.

### 2.1.2.3 *Mufasir* Pada Zaman *Mutaakhirin*

Ahli *mufasir* pada zaman *mutaakhirin* ini mempunyai latar belakang bidang ilmu yang berbeza, maka banyak tafsir-tafsir yang dihasilkan mempunyai pelbagai ilmu yang berbeza. Selain daripada nama-nama *mufasir* yang telah disebutkan di atas, masih ramai lagi para *mufasir* pada zaman *mutaakhirin* yang menghasilkan tafsir mengikut bidang masing-masing. Di antara ahli *mufasir* lain pada zaman *mutaakhirin* ini adalah:<sup>23</sup>

1. Al-Bayḍāwī pengarang tafsir *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*
2. Fakhr al-Dīn al-Rāzī pengarang tafsir *Mafātīh al-Ghayb*
3. Ibrāhīm Bin 'Umar al-Biqā'ī pengarang tafsir *Nazm al-Durar fī Tanāsuh al-Āyāti wa al-Suwar*
4. Mahmud al-Ālūsī pengarang tafsir *Rūh al-Ma'ānī*
5. Al-Zamakhshari pengarang tafsir *al-Kashshāf*
6. Al-Wahidi pengarang tafsir *al-Basīt*
7. Abū Ḥayyān al-Andalusī pengarang tafsir *al-Baḥr al-Muhīt*.
8. Ibn 'Arabī pengarang tafsir *Aḥkām al-Qurān*
9. Ṣiddīq Ḥasan Khān pengarang tafsir *Nayl al-Marām*

Berikut adalah di antara nama-nama para *mufasir* dari zaman *mutaakhirin* yang menghasilkan karya tafsir dari pada pelbagai bidang. Selain tafsir yang dihasilkan mengikut bidang masing-masing, terdapat juga tafsir yang mengikut aliran pemikiran seorang *mufasir* itu juga. Sebagai contoh para *mufasir* daripada golongan aliran muktazilah menghasilkan karya tafsir yang bersesuaian dengan dasar-dasar pemikiran muktazilah. Begitu juga dengan puak-puak syiah yang menghasilkan tafsir mereka sendiri mengikut pemikiran dan aliran yang mereka pegang dan mereka yakini.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Nashruddin Baidan, *Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia* (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003), 19 & Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 24

<sup>24</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 24

## 2.2 Perkembangan Pentafsiran Al-Quran Pada Zaman Rashad Khalifa

Pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa berlaku pada zaman pentafsiran zaman moden. Setelah berlalunya zaman pentafsiran klasik, maka muncul pula zaman pentafsiran kontemporer ataupun lebih dikenali sebagai pentafsiran zaman moden. Kemunculan zaman pentafsiran moden ini para ulama berbeza pendapat. Seseengah ulama berpendapat ia bermula pada abad ke 14 H. Manakala ada yang berpendapat bahawa ia bermula pada akhir abad ke 19 sehingga kini.<sup>25</sup> Kemunculan zaman ini berkait rapat dengan kebangkitan umat Islam ketika itu. Hal ini kerana setelah kejatuhan Baghdad dan kemunduran Islam, umat Islam yang semakin ramai di seluruh pelusuk dunia telah mengalami penindasan dan penjajahan oleh bangsa Barat. Lantaran itu muncul gerakan moden yang membawa satu pemikiran baru yang menjadi penggerak kepada pembaharuan Islam sekali gus melawan penindasan terhadap umat Islam oleh para penjajah barat. Gerakan moden ini telah dimulai oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1245-1315 H/1838-1897 M) kemudian perjuangan ini diteruskan oleh Sheikh Muhammad Abduh (1265-1323 H/1884-1905 M) dan disambung oleh anak murid beliau iaitu Muḥammad Rashīd Riḍā (1282-1354 H/1865-1935 M). Ketiga-tiga tokoh ini merupakan penggerak utama kepada gerakan moden dan pemikiran Islam yang baharu di Mesir sehingga melahirkan banyak pemikir-pemikir Islam moden yang lain.<sup>26</sup> Sheikh Muhammad Abduh telah menghasilkan satu karya tafsir mengikut ideologi yang dibawa oleh beliau dan kemudian penulisan tafsir ini disambung oleh murid beliau iaitu Muḥammad Rashīd Riḍā yang akhirnya terhasil sebuah tafsir moden yang dikenali sebagai Tafsir al-Manar.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Viva Ulfa Rina, *Pentafsiran Al-Maraghi Terhadap Ayat-Ayat Kauniyah Dan Relevansinya Dengan Sains*, (Disertasi, UIN Suska Riau, 2014), 19.

<sup>26</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 25

<sup>27</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam *Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith*, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 21.

Selain kebangkitan Islam di Mesir, negara-negara Islam lain juga turut melakukan gerakan yang sama. Di Asia tenggara, Indonesia merupakan salah satu negara yang melakukan gerakan yang sama, di mana para ilmuwan dan cendekiawan Indonesia berusaha keras melakukan terjemahan dan pentafsiran al-Quran ke dalam bahasa Indonesia. Di antara *mufasir* Indonesia yang terkenal dalam bidang tafsir ini adalah Prof Dr. Buya Hamka (1908-1981) yang telah menghasilkan karya tafsir al-Azhar dan al-Quran dan tafsirnya yang diterbitkan oleh Departmen Agama Republik Indonesia. Meskipun beliau telah meninggal dunia namun perjuangan mengembangkan ilmu tafsir diteruskan oleh ulama-ulama lain.<sup>28</sup> Dengan kebangkitan-kebangkitan seperti ini telah membuatkan tafsir-tafsir yang dihasilkan pada zaman moden ini lebih membawa kepada perjuangan dan pemikiran umat Islam pada zaman moden. Namun kebangkitan ini bukan hanya disebabkan oleh kebangkitan umat Islam melawan penindasan daripada para penjajah barat sahaja. Masih banyak lagi faktor-faktor kemunculan tafsir zaman moden ini, di antaranya adalah dengan berkembangnya peradaban ilmu agama dan sains yang ketika itu menjadi perhatian umat Islam. Selain itu juga pandangan yang timbul tentang umat Islam yang masih belum memahami hakikat al-Quran dengan utuh juga menjadi salah satu faktor serta muncul beberapa pandangan sarjana Islam ketika itu yang berpendapat bahawa setiap umat Islam berhak menceburi bidang tafsir dan tidak terbuka hanya kepada ulama tafsir terdahulu sahaja.<sup>29</sup>

### **2.2.1 Senario Yang Melatari Perkembangan Intelektual Era Rashad Khalifa**

Rashad Khalifa telah menemukan angka kod 19 pada tahun 1974 bersamaan dengan 1393 Zulhijjah setelah beliau memasukkan keseluruhan ayat al-Quran ke dalam

---

<sup>28</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt), 26.

<sup>29</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam *Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith*, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 19.

komputer A-Hewlet-Packard HP-1000, E Series miliknya.<sup>30</sup> Selain disebabkan faktor-faktor yang menyebabkan Rashad Khalifa terjerumus dalam pentafsiran al-Quran dan penemuan kepada angka kod 19 ini, terdapat beberapa senario yang turut melatari perkembangan intelektual pada zaman Rashad Khalifa sehingga mempengaruhi pemikiran-pemikiran dan penemuan beliau terhadap angka kod 19. Rashad Khalifa merupakan seorang ahli biokimia tumbuh-tumbuhan dan pekerjaan beliau ketika itu banyak menggunakan komputer, ditambah pula dengan minat beliau terhadap matematik sehingga akhirnya mencetuskan kepada penemuan angka kod 19.<sup>31</sup> Era penggunaan teknologi komputer telah berkembang sejak dari tahun 1960 lagi di mana komputer digunakan untuk meningkatkan kecekapan. Kemudian era komputer ini mengalami evolusi menjadi era teknologi informasi pada tahun 1970 di mana kegunaan komputer bukan sahaja untuk meningkatkan kecekapan, malahan menjadikan proses kerja menjadi lebih efektif, Seterusnya era sistem informasi pada tahun 1980, komputer telah dijadikan sebagai media informasi dan maklumat dan akhirnya menjadi era globalisasi informasi pada tahun 1980 atau 1990.<sup>32</sup> Perkembangan era komputer ini secara tidak langsung sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran Rashad Khalifa untuk memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputernya.

Perkembangan ilmu sains di barat pada abad ke-19 telah membawa satu transformasi terhadap banyak bidang seperti bidang industri dan teknologi serta mekanisme kehidupan sosial. Bidang pengajian agama juga tidak terlepas daripada transformasi perkembangan ilmu sains ini. Penyesuaian di antara agama dan ilmu sains

---

<sup>30</sup> Isyatul Luthfi, "Mengenal Rashad Khalifa, Pelopor Teori Keajaiban Angka 19 Dalam Al-Qur'an", laman sesawang *TafsiralQuran*, diakses 4 September 2023, <https://tafsiralquran.id/mengenal-rashad-khalifa-pelopor-teori-keajaiban-angka-19-dalam-al-quran/>

<sup>31</sup> Team Of Submission, Biography of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 5 Oktober 2023, [https://submission.org/idx\\_other\\_Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other_Biography_Khalifa.html)

<sup>32</sup> Erni Herawati, Komunikasi Dalam Era Teknologi Komunikasi Informasi, *Jurnal Humaniora* 2.1 (2011), 103.

telah menjadi perhatian ramai termasuk sarjana Islam.<sup>33</sup> Rashad Khalifa yang merupakan seorang yang berlatar belakang sains sebagai pakar dalam bidang biokimia tumbuh-tumbuhan juga tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh transformasi ini. Tambahan pula, beliau yang menetap di Amerika Syarikat ketika perkembangan ilmu sains ini berkembang di barat pada abad ke-19 menguatkan lagi penglibatan Rashad Khalifa. Rashad Khalifa cuba untuk membuktikan kemukjizatan al-Quran berdasarkan ilmu saintifik sehingga akhirnya membawa beliau menjumpai teori kod 19.

Di Amerika Syarikat, Rashad Khalifa dikenali sebagai pelopor kepada golongan *Quraniyyun* atau *Inkar al-sunah*. Golongan ini adalah sekelompok umat Islam yang menolak al-sunah atau hadith sebagai sumber kedua selepas al-Quran di dalam Islam. Golongan ini *Inkar al-sunah* ini dapat dibahagikan kepada dua zaman iaitu *Inkar al-sunah Klasik* dan *Inkar al-sunah Moden*.<sup>34</sup> *Inkar al-sunah Moden* ini lebih dikenali sebagai golongan *Quraniyyun* pada masa kini.<sup>35</sup> Golongan *Quraniyyun* ini diasaskan oleh Abdullah Jakralawi pada tahun 1902 di Lahore dan mendapat sokongan daripada pihak-pihak yang turut menolak hadith termasuklah Rashad Khalifa.<sup>36</sup> Rashad Khalifa merupakan pelopor golongan *Quraniyyun* ini di Amerika Syarikat. Beliau mempunyai pengikut yang dikenali sebagai Submitter atau United Submitters International (USI).<sup>37</sup>

Selain itu, memandangkan Rashad Khalifa hidup pada era pentafsiran zaman moden maka aliran-aliran pentafsiran zaman moden ini turut mempengaruhi pemikiran Rashad Khalifa. Di antara aliran pentafsiran zaman moden yang mempengaruhi pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa adalah aliran *adābi al-ijtimā'i*. Aliran *adābi al-*

---

<sup>33</sup> Mahdi Pichan & Amir Ahmadnezhad, Historical and Scientific Contexts of the Tendency of Qur'anic Scholars to the Scientific Miracle (I'jaz) of the Qur'an, *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding* 8.10 (2021) 1-2.

<sup>34</sup> Naufal Syahrin Wibowo, "Epistemologi Inkar Al-sunah (Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)," (Tesis, UIN Jakarta, 2020) 55-56.

<sup>35</sup> Ibid, 59

<sup>36</sup> Abur Hamdi Usman et.al, Golongan *Quraniyyun* (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam), (KUIS, Selangor, 2018), 31.

<sup>37</sup> Yvonne Y. Haddad & Jane I. Smith, *The Oxford Handbook Of American Islam* (United State, Oxford University Press, 2014) 150.



*ijtimā'i* ini bermula dengan kebangkitan gerakan islah moden yang dibawa oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī. Pentafsiran yang menggunakan aliran *adābi al-ijtimā'i* ini telah digunakan oleh Sheikh Muhammad Abduh di dalam tafsir al-Manar dan kemudian disambung oleh anak murid beliau iaitu Muḥammad Rashīd Riḍā.<sup>38</sup> Pentafsiran yang menggunakan aliran *adābi al-ijtimā'i* ini membebaskan pentafsiran al-Quran daripada taqlid dan menyelesaikan masalah dengan menggunakan akal dalam memberi pandangan terhadap pentafsiran ayat al-Quran tanpa cenderung kepada mana-mana mazhab dan pendapat imam.<sup>39</sup> Ini dapat dilihat pada pentafsiran-pentafsiran Rashad Khalifa yang banyak menggunakan akal dan pendapat beliau sendiri dalam mentafsirkan ayat al-Quran tanpa merujuk kepada mana-mana tafsir lain. Latar belakang Rashad Khalifa dari bidang sains juga turut mempengaruhi pemikiran-pemikiran beliau di mana beliau banyak mengikut logik akal dan banyak menggunakan kaedah matematik dalam membuat pentafsiran ayat al-Quran. Seterusnya, Rashad Khalifa ingin membuktikan kepada masyarakat bahawa al-Quran itu adalah daripada Allah dan bukan daripada makhluk dengan menunjukkan kemukjizatan al-Quran (*I'jaz al-Quran*) dengan menggunakan teori angka kod 19. Namun pada akhirnya teori ini telah memesongkan akidah beliau sendiri.

Perkembangan al-Quran dan karya mukjizat bilangan pada ketika itu juga boleh menjadi salah satu senario yang melatari pemikiran Rashad Khalifa ini. Di mana pada tahun 1956, 'Abd al-Razzāq Nawfal telah menemukan penemuan menarik mengenai bilangan dan kemudian pada tahun 1976 beliau telah menghasilkan karya pertama dan muncul istilah kepada *I'jāz 'Adadi*.<sup>40</sup> *I'jāz 'Adadi* merupakan istilah yang digunakan dalam menunjukkan kemukjizatan al-Quran dengan menggunakan kaedah bilangan

---

<sup>38</sup> Selamat Amir, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam Aliran Tafsir *Adabi Ijtima'i* Dan Aliran Hermeneutik Dalam Pengajian Tafsir Al-Quran, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 64-65.

<sup>39</sup> Ibid, 76.

<sup>40</sup> Abu Zaki Ismail & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, Kajian Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran : Cabaran Dan Prospek dalam Kelestarian Penyelidikan Semasa, dalam Penyelidikan Pengajian Islam Turath & Kontemporari, ed. Mohd Roslan Mohd Nor et.al (Kuala Lumpur, Centre of Quranic Research, 2020). 58.

mahupun angka. Namun kaedah bilangan mahupun angka ini telah digunakan sejak zaman purba lagi sehingga akhirnya sampai ke zaman *Pythagoras* yang merupakan seorang ahli falsafah dan matematik dari Yunani yang mempunyai pengaruh yang besar.<sup>41</sup> Rashad Khalifa yang meminati matematik dan mempunyai latar belakang bidang sains tidak mustahil terpengaruh dengan pemikiran daripada *Pythagoras* ini.

Rashad Khalifa yang merupakan anak kepada seorang pemimpin kepada *tariqat sufi* juga merupakan salah satu faktor penglibatan Rashad Khalifa di dalam bidang agama meskipun beliau berlatar belakang pendidikan bidang sains.<sup>42</sup> Hasil didikan yang diterima oleh Rashad Khalifa semasa kecil daripada bapanya menyebabkan beliau masih lagi mengamalkan ajaran-ajaran sufi yang pernah diajarkan kepadanya. Hal yang demikian menjadi salah satu faktor Rashad Khalifa melibatkan diri dalam bidang pentafsiran. Beliau yang tidak meninggalkan bacaan al-Quran tidak berpuas hati dengan terjemahan-terjemahan al-Quran di dalam bahasa Inggeris ketika itu. Tambahan pula Rashad Khalifa turut menerima persoalan daripada anaknya mengenai maksud di sebalik huruf *muqata'at*.<sup>43</sup> Persoalan tersebut adalah mengenai maksud di sebalik surah al-Baqarah ayat pertama iaitu Firman Allah:

آلَم

Maksudnya: Alif. Lam. Mim (al-Baqarah 2:1)

Penemuan Rashad Khalifa terhadap angka kod 19 ini juga telah mencetuskan beberapa isu. Terdapat seorang cendekiawan Pakistan iaitu Maulana Abdul Qudus Hashimi yang berpandangan bahawa pemikiran Rashad Khalifa ini adalah sama dengan agama Baha'i. Agama Baha'i ini telah diasaskan oleh Ali Muhammad Bab yang lahir

---

<sup>41</sup> Wikipedia, "Pythagoras", laman sesawang Wikipedia, diakses 6 Oktober 2023, <https://en.wikipedia.org/wiki/Pythagoras>

<sup>42</sup> Naufal Syahrin Wibowo, "Epistemologi Inkar Al-sunah (Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)," (Tesis, UIN Jakarta, 2020) 61.

<sup>43</sup> Team Of Submission, Biography Of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 24 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other\\_Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other_Biography_Khalifa.html)

pada 1819. Ajaran ini menganggap angka 19 sebagai asas kepada alam semesta. Oleh itu kalender bagi agama ini mempunyai 19 bulan dan 19 hari bagi setiap bulan.<sup>44</sup>Selain itu, Martin Gardner mengaitkan angka kod 19 yang dijumpai oleh Rashad Khalifa ini dengan beberapa keistimewaan bagi angka 19. Di antaranya adalah mengaitkan angka kod 19 dengan nombor yang kerap dijumpai di dalam *Bible* iaitu angka 12 dan 7. Maka apabila ditambah kedua angka ini akan mendapat angka 19.<sup>45</sup>Oleh itu dapat dilihat di sini beberapa senario yang melatari perkembangan intelektual era Rashad Khalifa ketika itu.

### 2.3 Metode Pentafsiran Al-Quran Rashad Khalifa

Rashad Khalifa telah menghasilkan karya pentafsiran terhadap keseluruhan al-Quran selain daripada karya yang menunjukkan kemukjizatan al-Quran dengan menggunakan teori angka kod 19. Karya yang dihasilkan beliau adalah karya *Quran : The Final Scripture* (1981) dan *Quran : The Final Testament* (1989). Kedua-dua karya ini adalah karya pentafsiran yang dibuat oleh beliau terhadap keseluruhan al-Quran. Selain daripada menggunakan teori angka kod 19 di dalam pentafsiran beliau, Rashad Khalifa juga menggunakan metode *ijmali*, di mana beliau telah mentafsirkan al-Quran secara global iaitu pentafsiran secara ringkas dan padat dan bukan secara panjang lebar seperti tafsir *tahlili*. Pentafsiran al-Quran beliau juga adalah ringkas dan mudah untuk difahami oleh para pembaca dengan menjelaskan makna-makna secara *lughawi*. Hal ini dapat dilihat dalam pentafsiran beliau terhadap firman Allah:

---

<sup>44</sup> Rosni Wazir et. al, Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf, 1st Inhad Muzakarah And Muktamar On Hadith (IMAM 2016), 8.

<sup>45</sup> Martin Gardner, The numerology of Dr. Rashad Khalifa, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997), 16.

قُلْ أَيْ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَذَا  
الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً  
أُخْرَى قُلْ لَا أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

Bertanyalah (wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?" (Bagi menjawabnya) katakanlah: "Allah menjadi Saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaku al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu. Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa Tuhan yang lain bersama-sama Allah?" Katakanlah: "Aku tidak mengakuinya". Katakanlah lagi: "Hanyasanya Dia lah sahaja Tuhan Yang Maha Esa, dan sesungguhnya aku adalah berlepas diri apa yang kamu sekutukan (dengan Allah Azza Wa Jalla)". (al-An'am 6:19)

*"Say (O Muhammad), Whose testimony is greater?' Say. 'God is the witness between men and you that THIS QURAN was given to me to preach it to you, and to whomever it reaches. 'However, you certainly bear witness that you set up other gods beside God (by upholding other sources beside Quran). Say, I will never do what you are doing, I disown your idol worship.'<sup>46</sup>*

Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini dapat dilihat menggunakan metode *ijmali* di mana pentafsirannya adalah tidak panjang dan secara ringkas sahaja agar ia mudah untuk difahami oleh pembaca-pembacanya di dalam bahasa Inggeris. Dapat dilihat di sini, pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa juga tidak jauh berbeza dengan gaya bahasa al-Quran secara *Lughawi*. Selain menggunakan metode *Ijmali* dalam pentafsiran Beliau, Rashad Khalifa juga dilihat menggunakan kaedah dan bentuk tafsir secara *bi ra'yi* iaitu banyak menggunakan pandangan dan pemikiran beliau di dalam pentafsiran-pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran terutamanya pemikiran dan teori beliau terhadap angka 19. Sebagai contoh pentafsiran beliau terhadap firman Allah:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

<sup>46</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 4.

Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat). (al-Muddaththir 74:30)

Menurut pentafsiran Rashad Khalifa<sup>47</sup>:

*The Quran's Common Denominator*

*Over it is nineteen*

Berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa, angka 19 yang disebutkan di dalam ayat al-Quran ini adalah merujuk kepada kemukjizatan angka kod 19 yang telah dijumpai oleh beliau setelah memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputer. Namun ia berbeza dengan pentafsiran ulama tafsir lain yang merujuk angka 19 yang disebutkan di dalam ayat al-Quran ini kepada bilangan para malaikat. Oleh itu dapat dilihat pada pentafsiran Rashad Khalifa ini, beliau telah menggunakan kaedah pentafsiran *bi ra'yi* iaitu dengan mendatangkan pandangan dan pendapat beliau sendiri. Namun kaedah *bi ra'yi* yang digunakan oleh Rashad Khalifa ini adalah kaedah *bi ra'yi mazmum* (tercela) atau disebut dengan istilah *hawiiyyi* (hawa nafsu) dan *bid'ah*.<sup>48</sup> Hal ini kerana beliau telah mentafsirkan ayat al-Quran tanpa ilmu memandangkan beliau tidak mempunyai ilmu tentang pentafsiran al-Quran dan berlatar belakang bidang sains. Selain itu, beliau juga telah mengikut hawa nafsu dan ketaksuban beliau terhadap angka kod 19 yang dijumpai oleh beliau telah mempengaruhi pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran. Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini adalah bertentangan dengan kaedah pentafsiran *bi ra'yi mahmud* (terpuji) di mana ciri-ciri pentafsiran Rashad Khalifa ini merupakan ciri-ciri tafsir *bi ra'yi mazmum* yang tercela iaitu:<sup>49</sup>

1. *Mufasir* tidak mempunyai keilmuan.
2. Tidak didasari dengan kaedah-kaedah keilmuan.

---

<sup>47</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 352.

<sup>48</sup> Kusnadi & Raidatun Nisa, Eksistensi Tafsir *Bil Ra'yi*, Jurnal Kajian Al-Quran & Tafsir Al-Mubarak 7.2 (2022) 54.

<sup>49</sup> Ibid, 55.

3. Mentafsirkan al-Quran dengan semata-mata mengutamakan kecenderungan hawa nafsu.
4. Mengabaikan peraturan bahasa Arab dan syariah yang menyebabkan pentafsirannya rosak, sesat dan menyesatkan.

Manakala corak pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa pula adalah lebih kepada corak *adābi al-ijtimā'i*. Hal ini dapat dilihat apabila beliau telah menjadikan angka kod 19 sebagai teori utama dalam pentafsiran-pentafsiran yang dibuat oleh beliau di dalam al-Quran. Tujuan Rashad Khalifa menjadikan angka 19 sebagai teori utama dalam pentafsiran yang dibuat oleh beliau adalah untuk menunjukkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri iaitu kemukjizatan al-Quran dengan nombor dan angka yang lebih dikenali sebagai *I'jāz 'Adadi*. Sebagaimana menurut al-Dhahabi, tafsir *adābi al-ijtimā'i* adalah tafsir yang mengungkapkan sisi balaghah dan kemukjizatan al-Quran, serta mengungkapkan makna dan tujuan al-Quran itu serta menyingkap hukum-hukum alam dan norma-norma kehidupan masyarakat sosial. Seterusnya mengeluarkan penyelesaian bagi umat Islam secara khususnya dan kepada masyarakat sejagat secara umumnya.<sup>50</sup>

Teori angka kod 19 adalah teori yang dihasilkan oleh Rashad Khalifa dengan menggunakan komputer dalam mengkaji kekerapan huruf dan perkataan di dalam al-Quran dan beliau mengagungkan al-Quran yang baginya tidak akan rosak kerana al-Quran mempunyai struktur matematik yang kuat berdasarkan angka 19 sehingga pada akhirnya beliau telah menolak hadith nabi. Sedangkan di dalam Islam, al-Quran merupakan mukjizat dari Allah yang tidak terikat dengan mana-mana angka seperti yang didakwa oleh Rashad Khalifa. Disebabkan pemikiran beliau yang mengarah kepada matematik beliau telah membuat satu pentafsiran terhadap al-Quran dengan menjadikan angka 19 sebagai sumber utama dalam pentafsiran al-Quran. Penyelidikan

---

<sup>50</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus," Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 22.

Rashad Khalifa tentang angka kod 19 ini tidak mendapat banyak perhatian daripada barat, namun pada tahun 1980 Martin Gardner ada menyebutkan dan membahas tentang Rashad Khalifa dan karya-karyanya di dalam *Scientific American*.<sup>51</sup>

### 2.3.1 Numerologi

Menurut beberapa pengkaji dari barat, teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini merupakan satu teori numerologi. Beliau telah menggunakan angka kod 19 untuk menunjukkan bahawa al-Quran itu benar-benar datang dari Allah. Namun terdapat juga beberapa pengkaji yang mengatakan teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini adalah berbentuk teori matematik, hal ini kerana Rashad Khalifa mendakwa telah menemui kod matematika yang tersembunyi di dalam al-Quran iaitu angka kod 19 ini. Martin Gardner yang merupakan seorang penulis matematik dan sains yang popular dari Amerika Syarikat pernah memberi pengaruh yang besar dalam bidang matematik ini pada separuh abad ke 20 dengan permainan matematiknya yang dikenali sebagai “*mathematical puzzles*” ataupun “*Mathematical games*” yang ditulis dalam majalah *Scientific American*. Beliau juga telah menyebut tentang teori angka kod 19 yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini di dalam *Notes of Fringe-Watcher*.<sup>52</sup>

Di dalamnya Martin Gardner mendatangkan bagaimana teori angka kod 19 dihasilkan dengan numerologi oleh Rashad Khalifa. Beliau juga mendatangkan kritikan terhadap teori angka kod 19 ini melalui perdebatan antara Edip Yuksel yang menyokong teori ini dengan Daniel (Abdulrahman) Lomax. Selain itu juga beliau turut mendatangkan pendapat dari Monte Zenger yang berpendapat nombor 19 itu adalah nombor perdana dan beberapa numerologi lain yang berkaitan dengan nombor 19 ini

---

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Martin Gardner, The numerology of Dr. Rashad Khalifa, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997), 16.

seperti nombor yang kerap dijumpai di dalam *Bible* iaitu nombor 12 dan 7 apabila ditambahkan keduanya akan mendapat nombor 19 ini.<sup>53</sup>

Menurut Josh Siegel yang dikenali sebagai salah seorang ahli numerologi yang terkemuka di Amerika Syarikat, numerologi merupakan sains mistik purba yang mengaitkan makna yang lebih mendalam dengan nombor.<sup>54</sup> Selain itu numerologi turut dikenali sebagai bidang kajian tentang perkara yang tidak boleh dilihat ataupun rahsia melalui angka-angka nombor dan kemudian dikaitkan dengan kenyataan, masyarakat serta pengaruhnya terhadap kehidupan manusia.<sup>55</sup> Pengetahuan tentang penggunaan nombor mahupun huruf dengan tujuan untuk meramal juga turut dikenali sebagai numerologi yang termasuk juga dalam metafizik. Namun metafizik bukan sahaja membincangkan tentang nombor dan huruf dengan tujuan untuk meramal kerana metafizik merupakan bidang ilmu yang lebih luas yang merangkumi perbincangan tentang dunia ghaib dan fizikal.<sup>56</sup> Oleh itu dapat disimpulkan di sini bahawa numerologi adalah kajian terhadap nombor dengan mencari maksud yang tersembunyi di sebalik nombor tersebut yang dapat memberi maklumat terhadap sesuatu perkara yang rahsia sama ada terhadap seseorang individu, sesuatu perkara, tempat, takdir dan sebagainya seperti sebuah ramalan yang berkaitan dengan nombor.

Numerologi adalah satu tradisi zaman kuno yang telah digunakan oleh orang-orang zaman purba. Permulaan numerologi ini dikesan dari Babylon di mana orang-orang Mesir purba mempunyai sistem numerologi mereka sendiri iaitu dengan mengaitkan kuasa ghaib dengan setiap nombor. Mereka menggunakan cara ini dalam

---

<sup>53</sup>Ibid, 17-18.

<sup>54</sup> Maressa Brown, *The Ultimate Guide to Numerology*, laman sesawang insytle, diakses 4 Julai 2023, <https://www.instyle.com/lifestyle/astrology/numerology>

<sup>55</sup> Uun Yusufa, *Mukjizat Matematis Dalam Al-Qur'an: Kritik Wacan dengan Pendekatan Sains dan Budaya*, Jurnal Hermenutik 8.2 (2014), 355.

<sup>56</sup> Mohamad Razif, *Believing In Divination Based On Numbers, Date Of Birth Through Metaphysic*, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 6 Julai 2023 <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-afkar/2416-al-afkar-12-believing-in-divination-based-on-numbers-date-of-birth-through-metaphysic>



memahami psikologi manusia.<sup>57</sup> Kemudian tradisi numerologi yang digunakan oleh orang purba Mesir ini terus berkembang ke dalam peradaban-peradaban besar seperti Cina, Yunani, Romawi dan Mesir sehinggalah sampai ke zaman *Pythagoras of Samos* (580-500 SM) atau dikenali sebagai *Pythagoras* iaitu seorang ahli falsafah dan matematik yang berasal dari Yunani. *Pythagoras* merupakan seorang yang mempunyai pengaruh yang besar kerana teori matematik dan falsafah yang dihasilkan oleh beliau digunapakai sehingga ke hari ini. Selain ahli matematik dan falsafah beliau juga turut dikenali sebagai bapa numerologi. Menurut kepercayaan *Pythagoras*, matematik adalah prinsip kepada semua perkara<sup>58</sup> dan matematik juga merupakan prinsip dasar kepada penemuan numerologi ini. Beliau percaya bahawa dunia ini dibina atas kuasa nombor dan dengan mengetahui nombor dapat mengenali diri sendiri. Menurut teori *Pythagoras* lagi, segala yang ada di alam semesta ini terdiri daripada corak matematik. Oleh itu semua perkara boleh dinyatakan dalam bentuk nombor yang sepadan dengan getaran universal, sekali gus menjadi kunci rahsia kepada alam semesta dan alam semula jadi. Teori numerologi *Pythagoras* adalah setiap nombor iaitu 1 sehingga 9 mempunyai makna serta simbol yang tersendiri, manakala nombor 10 adalah dianggap sebagai nombor yang sempurna. Dengan metode numerologi ini juga seseorang dapat menentukan keperibadian serta nasib melalui nama dan tarikh lahir mengikut nombor.<sup>59</sup> Ajaran-ajaran dari *Pythagoras* ini juga turut mempengaruhi Plato iaitu seorang ahli falsafah dari Yunani.

Meskipun teori numerologi yang dibawa oleh *Pythagoras* merupakan teori numerologi yang paling terkenal, namun masih banyak lagi teori-teori numerologi lain memandangkan kaedah ini telah berkembang sebelum zaman *Pythagoras* lagi. Di antaranya adalah *Kabbala* yang merupakan tradisi Yahudi kuno dalam mengajarkan

---

<sup>57</sup> Richard Craze, *Numerology Decoder*, (London, New Burlington Books, 2004), 8.

<sup>58</sup> Wikipedia, “*Pythagoras*”, laman sesawang Wikipedia, diakses 8 Julai 2023, <https://en.wikipedia.org/wiki/Pythagoras>

<sup>59</sup> Richard Craze, *Numerology Decoder*, (London, New Burlington Books, 2004), 9.

tentang pemahaman tentang Tuhan serta interaksi-Nya dengan alam ini dan tujuan penciptaan.<sup>60</sup> Agama Yahudi memahami numerologi ini dengan sistem *Kabbala* iaitu sebuah teks rahsia yang mengandungi sains falsafah nombor. Pada abad ke-13, para sarjana *Kabbala* telah mengembangkan kaedah gematria iaitu kaedah di mana mereka mentafsirkan kitab mereka dengan merujuk kepada nilai berangka huruf abjad Ibrani. Dengan menggunakan kaedah ini, para sarjana *Kabbala* akan mencari makna yang tersembunyi di dalam teks perjanjian lama atau dikenali sebagai ‘Old Testament’ iaitu kitab suci agama Yahudi. Selain daripada agama Yahudi, agama Kristian juga turut mempunyai tradisi lama di mana nombor mempunyai simbolik makna yang besar dalam agama mereka ini.<sup>61</sup> Simbol nombor juga banyak terdapat di dalam teologi Kristian, contohnya dua sifat kritus yang membawa maksud manusia dan Tuhan iaitu selepas yesus dihidupkan semula, maka Yesus adalah manusia dan tuhan.<sup>62</sup>

Peradaban Cina juga mempunyai sistem numerologi ini di mana orang cina purba merupakan yang terawal dalam mengembangkan sistem nombor binary yang diperolehi daripada *I Ching* atau dikenali sebagai *Book of Changes* iaitu teks ramalan cina. Sistem numerologi ini menggunakan dua garis asas iaitu garis putus yang dikenali sebagai garis “*Yin*” dan garis yang tidak putus pula dikenali sebagai garis “*Yang*”. Menurut numerologi cina ini yang mewakili nombor ganjil yang maskulin. “*Yang*” juga mempunyai kaitan dengan pukulan, api, hari siang, warna putih dan ramalan nasib baik. Manakala “*Yin*” pula menunjukkan feminin yang disifatkan sebagai sejuk, air, kegelapan, warna hitam dan melambangkan keterbukaan. Di India juga numerologi turut digunakan dalam “*Vastu*” ataupun seni bina suci. Kebiasaannya, sebelum membina sebuah rumah mereka akan membuat ukuran dengan teliti sehingga

---

<sup>60</sup> Uun Yusufa, Mukjizat Matematis Dalam Al-Qur'an: Kritik Wacan dengan Pendekatan Sains dan Budaya, Jurnal Hermenutik 8.2 (2014), 355.

<sup>61</sup> Richard Craze, Numerology Decoder, (London, New Burlington Books, 2004), 8.

<sup>62</sup> Jennifer Murtoff, Two Nature of Crist, laman sesawang Britannica, diakses 10 Julai 2023, <https://www.britannica.com/topic/two-natures-of-Christ>

memperolehi nombor yang dapat menjadi simbolik Tuhan atau dewi yang dapat menentukan nasib penghuninya.<sup>63</sup>

Numerologi ini terus berkembang sehingga zaman *renaissance* (abad 15-16 M) sehingga akhirnya pada zaman kontemporer numerologi semakin bangkit dengan menjadi salah satu cabang daripada matematik yang mempunyai sistem angka yang lebih kukuh. Dalam penggunaan numerologi moden ini harus diterapkan simbol-simbol matematik, perhitungan dan juga logaritma.<sup>64</sup> Kegemilangan numerologi ini telah mempengaruhi ramai orang sama ada dalam kalangan orang yang mempunyai pendidikan tinggi mahupun yang tidak mempunyai pendidikan, rakyat biasa sehingga para bangsawan turut mempercayai akan numerologi ini. Golongan diraja juga turut tidak terlepas daripada mempercayai sistem numerologi seperti Ratu Elizabeth I yang sangat bergantung kepada Dr. John Dee iaitu ahli numerologi yang telah dilantik sebagai peramal rasmi bagi Ratu Elizabeth I dalam meramal termasuk meramalkan tarikh bertuah untuk pertabalannya.<sup>65</sup>

Pengaruh ilmu numerologi ini tidak hanya terhadap agama Yahudi, Kristian, Budha, Hindu dan sebagainya, Beberapa para ilmuwan Islam juga turut terpengaruh dengan sistem numerologi ini. Hal yang sedemikian juga berlaku kepada Rashad Khalifa apabila beliau yang hidup pada zaman kontemporer turut menerima tempias dan pengaruh daripada sistem numerologi ini sehingga akhirnya beliau cuba mengaitkan al-Quran dengan ilmu matematik dan numerologi. Beliau telah meneliti dan membuat kajian terhadap al-Quran dengan meneliti susunan matematik yang terdapat di dalam al-Quran sehingga beliau mendapatkan angka 19 sebagai nombor rahsia yang ditemui di dalam al-Quran. Selain daripada beliau masih ramai lagi para ilmuwan Islam yang terpengaruh di dalam sistem numerologi, namun disebabkan beliau menjadikan angka

---

<sup>63</sup> Richard Craze, *Numerology Decoder*, (London, New Burlington Books, 2004), 9.

<sup>64</sup> Uun Yusufa, *Mukjizat Matematis Dalam Al-Qur'an: Kritik Wacan dengan Pendekatan Sains dan Budaya*, Jurnal Hermenutik 8.2 (2014), 356.

<sup>65</sup> Richard Craze, *Numerology Decoder*, (London, New Burlington Books, 2004), 9.

19 ini sebagai angka utama dalam pentafsiran al-Quran maka beliau telah mendapat pelbagai reaksi daripada para *mufasir* dan para ilmuwan Islam lain. Tambahan pula beliau yang bukan berasal dari bidang pentafsiran al-Quran tetapi merupakan seorang ahli biokimia yang berasal dari Mesir namun berhijrah ke Amerika. Lantaran itu, teori penemuan Rashad Khalifa ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak sama ada dalam kalangan orang Islam mahupun orang bukan Islam.

### 2.3.2 *I'jāz 'Adadi*

Numerologi<sup>66</sup> bukan sahaja mempengaruhi orang bukan Islam malahan turut mendapat perhatian oleh ulama Islam termasuk para *mufasir*. Hal ini kerana tradisi numerologi ini sudah ada sejak dari zaman purba lagi dan kemudian terus berkembang ke peradaban-peradaban besar sehinggalah pada masa kini di mana masih lagi ada tradisi numerologi ini. Numerologi dikaitkan dalam perkara-perkara, kehidupan manusia termasuklah dalam teologi iaitu dalam bab ketuhanan. Mereka berpegang dengan nombor dan matematik dalam menentukan semua perkara seperti yang disebutkan di atas. Namun kedatangan Islam telah memadamkan tradisi numerologi ini dalam kalangan umat Islam. Hal ini kerana umat Islam tidak bergantung kepada nombor tetapi bersandarkan kepada al-Quran dan al-sunah. Amalan-amalan numerologi yang berbentuk ramalan juga ditentang hebat di dalam Islam kerana hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara ghaib ini sebagaimana Firman Allah di dalam al-Quran:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya : “Katakanlah (Muhammad) “Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah.

---

<sup>66</sup> Numerologi adalah amalan tradisi, sistem kepercayaan atau ramalan masyarakat dalam hubungan mistik berkaitan nombor.

Dan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan”(An-Naml 27:65)

Dalam ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawasanya hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui dengan sebenar-benarnya akan segala perkara ghaib sama ada takdir hidup seseorang, perkara-perkara yang tidak dapat dilihat seperti masa hadapan dan sebagainya termasuklah hari Kiamat. Menurut Ibnu Kathir, {إِلَّا اللَّهُ} merujuk kepada *istithna' munqathi'* yang bermaksud tidak ada satu pun yang mengetahui hal tersebut iaitu perkara ghaib kecuali Allah kerana hanya Allah sahaja yang mengetahui dalam hal itu dan tidak ada sekutu bagi Allah<sup>67</sup>, Namun terdapat dalil yang menunjukkan bahawa pada zaman sebelum kedatangan Islam para jin telah mencuri-curi dengar maklumat dan berita daripada langit. Firman Allah:

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا ۖ وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ  
مِنْهَا مَقْعَدًا لِلِسَّمْعِ ۖ فَمَنْ يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شِهَابًا رَّصَدًا ۖ

Maksudnya: Bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala. Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya), maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya. (Jin 72:8-9)

Menurut Tafsir al-Jalālayn, Allah telah menunjukkan dialog dari jin itu sendiri melalui ayat ini di mana para jin dapat mencuri pendengaran dari langit sebelum Nabi Muhammad diutus menjadi rasul. Namun setelah kerasulan Nabi Muhammad, para jin mendapati bahawa langit itu dipenuhi dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat. Sekiranya para jin ini mencuba untuk mencuri dengar berita dari langit maka mereka

<sup>67</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 6:234.

akan direjam dengan api yang menyala.<sup>68</sup> Menurut Ibn Asyur, api yang menyala yang dimaksudkan adalah meteor.<sup>69</sup> Manakala di dalam kitab Ibnu Kathir menegaskan bahawa penjaga-penjaga ini menjaga dari segala penjuru dan mengusir syaitan-syaitan daripada menguping atau mencuri-curi dengar dan kemudian disampaikan kepada para dukun. Dan ini merupakan salah satu bentuk pemeliharaan Allah terhadap al-Quran.<sup>70</sup>

Seiring berjalannya waktu ilmu pentafsiran al-Quran terus berkembang sehingga muncul pelbagai corak pentafsiran sama ada berbetuk *fiqh*, *ilmiah*, *sufi*, *falsafah*, *hukum*, *tasawuf*, sastera dan sebagainya termasuk corak *adābi al-ijtimā'i*. Corak pentafsiran *adābi al-ijtimā'i* ini merupakan corak pentafsiran moden yang lahir daripada pembaharuan pemikiran yang dilakukan oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī. Dengan menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai penyelesaian kepada permasalahan masyarakat ketika zaman beliau.<sup>71</sup> Lantaran itu corak pentafsiran ini terus berkembang sehingga ke hari ini. Menurut al-Dhahabi, corak pentafsiran *adābi al-ijtimā'i* ini adalah mengungkapkan sisi balaghah, makna dan tujuan al-Quran, hukum-hukum alam dan norma kehidupan masyarakat serta memberi satu penyelesaian terhadap kehidupan masyarakat khususnya umat Islam termasuk kemukjizatan al-Quran<sup>72</sup>.

Kemukjizatan al-Quran merupakan mukjizat Nabi Muhammad yang diturunkan oleh Allah sebagai bukti kenabian. Mukjizat merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada '*ajaza* yang bermaksud lemah dan tidak mampu, manakala *i'jaz* merupakan kata terbitan yang membawa maksud kemukjizatan, kehebatan dan

---

<sup>68</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudīn, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014), 2:1178.

<sup>69</sup> Bayan Al-Falak, Meteor Sebagai Alat Rejaman Syaitan, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 15 Julai 2023, <https://muftiwp.gov.my/falak/bayan-al-falak/5383-bayan-al-falak-siri-ke-19-meteor-sebagai-alat-rejaman-syaitan>

<sup>70</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 8:309.

<sup>71</sup> Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus, "Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 20.

<sup>72</sup> Abdul Syukur, Mengenal Corak Tafsir Al-Qur'an, Jurnal El-Furqonia 1.1 (2015), 99.

keajaiban untuk melemahkan orang lain dari menirunya.<sup>73</sup> Kemukjizatan al-Quran ini merupakan salah satu bentuk pemeliharaan Allah terhadap al-Quran daripada dirosakkan oleh musuh-musuh Islam seperti yang terjadi terhadap kitab-kitab *samawi* sebelum ini seperti *Zabur*, *Taurat* dan *Injil*. Di dalam kemukjizatan al-Quran ini terdapatnya pelbagai cabang seperti pengkhabaran berita-berita ghaib sama ada masa lalu mahupun akan datang, ilmu sains dan matematik termasuk *I'jāz 'Adadi* iaitu mukjizat bilangan. Oleh itu teori *I'jāz 'Adadi* ini dapat disimpulkan terhasil daripada perkembangan teori *i'jaz*. Teori *I'jāz 'Adadi* merupakan teori yang hampir sama dengan numerologi iaitu dengan mengaitkan nombor ataupun angka dalam menunjukkan kemukjizatan dan kehebatan al-Quran itu sendiri.

*I'jāz 'Adadi* atau mukjizat bilangan ini bukanlah sesuatu yang baharu dalam pentafsiran al-Quran kerana idea tentang *I'jāz 'Adadi* ini sudah wujud sejak dari kurun kelima Hijrah lagi. Di antara ulama terawal yang menyebutkan tentang *I'jāz 'Adadi* ini adalah Ibn Suraqah (M. 410H) yang menyebutkan bahawa bilangan-bilangan, hitungan, himpunan, pecahan, darab, keserasian, keseragaman, kesinambungan, bahagi dua dan gandaan merupakan di antara mukjizat yang terdapat di dalam al-Quran. Menurut kajian Abu Zaki, konsep mukjizat bilangan atau *I'jāz 'Adadi* ini bukan sahaja membuat pentafsiran melalui kaedah kiraan, namun ia juga kekuatan dan kehebatan al-Quran dari segi pengiraan, keseimbangan dan juga bilangan.<sup>74</sup> Namun ada kajian lain oleh Mustar mendapati bahawa *I'jāz 'Adadi* ini wujud lebih awal iaitu pada abad ketiga Hijrah iaitu pada zaman Abd al-Malik Marwan (685-795 M) yang merupakan seorang gabenor Baghdad yang menggunakan biji gandum dalam menghitung jumlah huruf, ayat, dan surah di dalam al-Quran.<sup>75</sup>

---

<sup>73</sup> Abu Zaki Ismail, *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd Al-Da'im Al-Kahil*, (Tesis, Universiti Malaya, 2017), 22.

<sup>74</sup> Abu Zaki Ismail, *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd Al-Da'im Al-Kahil*, (Tesis, Universiti Malaya, 2017), 79.

<sup>75</sup> Mustar, *I'jāz 'Adadi* (Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam Al-Quran), (Tesis, UIN Jakarta, 2011), 38.

*I'jāz 'Adadi* ini telah banyak dikaji oleh para pengkaji dan ilmuan Islam. Dalam satu kajian oleh Abu Zaki, perkembangan al-Quran dengan *I'jāz 'Adadi* ini telah dicetuskan oleh Badi' al-Zaman Sa'id Nursi dalam *Rasa'il al-Nur* karya beliau yang menceritakan tentang pengulangan dan bilangan di dalam al-Quran pada tahun (1328-1369 H/1910-1950 M). Kemudian idea ini terus berkembang apabila 'Abd al-Razzāq Nawfal menemukan teori bilangan atau kiraan pada tahun 1375 H/1956 M dan telah menjadi terkenal dengan istilah *I'jāz 'Adadi* apabila 'Abd al-Razzāq Nawfal menghasilkan sebuah karya pertama di dalam dunia pentafsiran al-Quran iaitu *al-I'jāz 'Adadi li al-Quran al-Karim*. Karya beliau merupakan karya penulisan pertama mengenai *I'jāz 'Adadi* yang dihasilkan, meskipun idea dan teori tentang *I'jāz 'Adadi* ini telah lama muncul sebelum penulisan beliau lagi. Oleh itu Abu Zaki menyimpulkan bahawa pencetus kepada Idea ini adalah Badi' al-Zaman Sa'id Nursi dan 'Abd al-Razzāq Nawfal sebagai pelopornya.<sup>76</sup>

Namun setelah karya pertama ini dihasilkan semakin ramai para pengkaji yang berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai *I'jāz 'Adadi* ini dan menghasilkan pelbagai teori *I'jāz 'Adadi* masing-masing. Hal sedemikian juga turut berlaku kepada Rashad Khalifa yang menggunakan teori pengiraan dan matematik dalam menghasilkan teori angka kod 19 dalam menunjukkan kemukjizatan al-Quran. Hal ini kerana menurut Rashad Khalifa di dalam karya beliau *Qur'an: The Final Testament*, dengan kemunculan zaman komputer beliau telah mendapati bahawa kod matematik dan nombor di dalam al-Quran merupakan salah satu kemukjizatan yang besar kerana kemukjizatan ini boleh disaksikan oleh sesiapa sahaja dan pada bila-bila masa.<sup>77</sup> Selain Badi' al-Zaman Sa'id Nursi, Abd al-Razaq Nawfal dan Rashad Khalifa, masih ramai lagi para pengkaji lain yang mengkaji *I'jāz 'Adadi* ini di dalam al-Quran

---

<sup>76</sup> Abu Zaki Ismail & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *Kajian Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran : Cabaran Dan Prospek dalam Kelestarian Penyelidikan Semasa*, dalam *Penyelidikan Pengajian Islam Turath & Kontemporari*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor et.al (Kuala Lumpur, Centre of Quranic Research, 2020). 65.

<sup>77</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions), xviii.



seperti ‘Abd al-Da’im al-Kahil, Abu Zahra al-Najdi dan ramai lagi. Teori *I’jāz ‘Adadi* ini tidak hanya berkembang di timur tengah sahaja malahan asia tenggara juga mempunyai para pengkaji *I’jāz ‘Adadi* di dalam al-Quran ini seperti Lukman Abdul Qohar Sumbrata, Rosman Lubis dan Fahmi Basya.<sup>78</sup>

## Penutup

Pentafsiran Rashad Khalifa banyak dilatari dengan senario perkembangan intelektual era zaman moden kerana Rashad Khalifa hidup pada zaman perkembangan tafsir moden. Perkembangan ilmu sains, komputer, golongan *Quraniyyun*, aliran pentafsiran moden dan lain-lain banyak mempengaruhi pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Tambahan pula, Rashad Khalifa yang hidup di Amerika Syarikat menyebabkan banyak ideologi barat yang mempengaruhi pemikiran-pemikiran beliau, termasuklah teori numerologi dalam menemukan angka kod 19 atau dikenali *I’jāz ‘Adadi* di dalam Islam. Rashad Khalifa juga dilihat menggunakan *metode ijmalī* dan menggunakan kaedah *tafsir bi ra’yi mazmum* (tercela) di dalam pentafsirannya.

---

<sup>78</sup> Mustar, *I’jāz ‘Adadi* (Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam Al-Quran), (Tesis, UIN Jakarta, 2011), 39.

## BAB 3: BIOGRAFI RASHAD KHALIFA DAN KARYA-KARYANYA

### Pendahuluan

Rashad Khalifa yang bukan berasal dari bidang pentafsiran mahupun bidang al-Quran telah menjadi tanda tanya terhadap penemuan angka kod 19 beliau dan pentafsiran yang beliau terhadap al-Quran sehingga menghasilkan karya-karya. Di dalam bab ini penulis akan mengenalpasti biografi Rashad Khalifa secara mendalam serta karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau. Selain itu, penulis juga akan menerangkan faktor penglibatan Rashad Khalifa dalam bidang pentafsiran al-Quran.

### 3.1 Biografi Rashad Khalifa dan Latar Belakangnya

Rashad Khalifa merupakan salah seorang penyelidik *I'jāz 'Adadi* yang menjadi pelopor kepada angka kod 19 sebagai mukjizat al-Quran. Beliau mendakwa telah menemukan angka kod 19 ini setelah beliau memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputer yang berjenama Hewlett-Packard HP-1000 E-Series.<sup>1</sup> Angka kod 19 yang ditemui beliau ini didakwa merupakan pengiraan matematik dari komputer yang tidak mempunyai campur tangan dari manusia. Angka kod 19 yang ditemui beliau telah menjadi satu penemuan besar kerana beliau antara yang terawal mengeluarkan satu angka yang menunjukkan kemukjizatan al-Quran selepas 5 tahun 'Abd al-Razzāq Nawfal mengeluarkan karya pertama mengenai *I'jāz 'Adadi*. Tambahan pula beliau yang menetap di Amerika Syarikat menjadikan penemuan beliau terhadap angka 19 ini bukan sahaja mendapat perhatian daripada umat Islam, malahan beberapa pengkaji bukan Islam juga turut membincang isu ini. Mereka mendakwa teori yang dibawa oleh

---

<sup>1</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981), 1.

Rashad Khalifa ini adalah salah satu bentuk teori numerologi.<sup>2</sup>Selain itu, angka kod 19 ini adalah kod Quran yang akan dikeluarkan oleh Wikipedia sekiranya membuat carian “*Quran code*” ataupun “Kod Quran”.<sup>3</sup>

Rashad Khalifa pada mulanya menjadi sorotan ramai disebabkan penemuan angka kod 19 melalui komputer, sehingga terdapat beberapa ilmuwan silam terkenal seperti Ahmad Deedat dan ramai lagi yang mengagumi penemuan Rashad Khalifa ini. Namun setelah beberapa isu yang ditimbulkan oleh beliau menyebabkan ada di antara yang mengagumi beliau telah menarik semula dan tidak kurang juga masih ada yang terus memperjuangkan Rashad Khalifa seperti golongan *Submitters* iaitu pengikut-pengikut beliau, Edip Yuksel dan ramai lagi. Di antara isu-isu yang ditimbulkan oleh Rashad Khalifa sehingga menggemparkan dunia Islam selain daripada isu angka kod 19 ini adalah penolakan beliau terhadap hadith-hadith Nabi Muhammad sehingga beliau dikenali sebagai *Quraniyyun* iaitu hanya berpegang dengan al-Quran sahaja dan menolak hadith.<sup>4</sup> Kekecohan terakhir yang ditimbulkan oleh Rashad Khalifa adalah pengakuan beliau sebagai seorang rasul, meskipun semua umat Islam sudah sedia maklum bahawa Nabi Muhammad adalah penutup kepada segala Nabi dan Rasul, namun Rashad Khalifa masih berpendirian bahawa beliau merupakan seorang rasul yang diutuskan.

Hal ini berdasarkan penemuan beliau terhadap angka kod 19 di dalam al-Quran menunjukkan bahawa angka kod 19 ini merupakan mukjizat beliau.<sup>5</sup> Disebabkan isu yang ditimbulkan ini ramai yang menolak Rashad Khalifa kerana telah terpesong dari ajaran Islam yang sebenar. Namun masih juga ada yang terus menyokong Rashad

---

<sup>2</sup> Martin Gardner, *The numerology of Dr. Rashad Khalifa*, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997), 16.


<sup>3</sup>Wikipedia, “Quran Code”, laman sesawang wikipedia, diakses 20 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Quran\\_code#:~:text=The%20term%20Quran%20code%20\(also,divine%20a%20authorship%20of%20the%20Quran](https://en.wikipedia.org/wiki/Quran_code#:~:text=The%20term%20Quran%20code%20(also,divine%20a%20authorship%20of%20the%20Quran).

<sup>4</sup> Abur Hamdi Usman et.al, *Golongan Quraniyyun (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam)*, (KUIS, Selangor, 2018), 31.

<sup>5</sup> Mustafa Suhaimi, *Terbongkar Rashad Khalifa Rasul Agama Angka kod 19* (Indonesia Pustaka jaya, 1989), 86.

Khalifa dengan membiarkan beliau kerana ketakjuban mereka dengan penemuan Rashad Khalifa dan ada juga yang menolak isu kerasulan yang ditimbulkan oleh Rashad Khalifa. Tetapi teori angka kod 19 Rashad Khalifa masih lagi relevan untuk diterima oleh mereka. Selain itu, Rashad Khalifa juga telah menghasilkan beberapa karya, antaranya adalah karya hasil pentafsiran beliau terhadap al-Quran. Pentafsiran beliau ini menjadi satu tanda tanya sama ada berlandaskan ajaran Islam yang sebenar ataupun telah dicampur aduk dengan pemikiran yang dibawa oleh beliau, Hal ini kerana meskipun latar belakang keluarga beliau merupakan orang yang berpegang dengan *tariqat sufi*, namun latar belakang pendidikan beliau adalah sains dan beliau tidak mempunyai latar belakang pendidikan tafsir mahupun al-Quran. Oleh itu, segala isu yang ditimbulkan oleh Rashad Khalifa ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut di dalam bab seterusnya.

Rajah 3.1



Sumber: Gambar Rashad Khalifa

### 3.1.1 Kelahiran

Rashad Khalifa dilahirkan pada tahun 1935 di Kafr al-Zayat iaitu sebuah perkampungan kecil di Mesir. Kafr al-Zayat pada masa kini merupakan sebuah bandar dibawah gabenor Gharbia, Mesir yang mempunyai penduduk dengan anggaran 83000 pada tahun 2021.<sup>6</sup>Selain dikenali dengan nama Kafr al-Zayyat, perkampungan ini pernah dikenali

---

<sup>6</sup> City population, "Egypt: Arab Republic Of Egypt ", laman sesawang city polulation, diakses 22 Julai 2023, <http://www.citypopulation.de/en/egypt/cities/>

dengan nama “*Gerisan*” ketika satu masa dahulu.<sup>7</sup>Rashad Khalifa bukan seorang yang lahir dari kalangan keluarga yang biasa, tetapi beliau dibesarkan dalam keluarga yang beragama, di mana bapa beliau merupakan seorang ketua kepada sebuah *tariqat sufi*. Bapa beliau yang bernama Abdul Halim Khalifa merupakan salah seorang pemimpin kepada *tariqat sufi* yang mempunyai ribuan pengikut.<sup>8</sup>Namun ketika itu Rashad Khalifa masih lagi kecil dan bapa beliau telah menamakan *tariqat* ini semperna nama Rashad Khalifa.<sup>9</sup>

### 3.1.2 Pendidikan

Rashad Khalifa telah mendapatkan pendidikan tinggi di Ain Shams Universiti yang terletak di Kairo, Mesir. Meskipun latar belakang beliau daripada keluarga yang mementingkan agama, Namun Rashad Khalifa tidak mengikut jejak bapanya yang menjadi pemimpin bagi *tariqat sufi*. Rashad Khalifa telah memilih bidang agrikultur (pertanian) sebagai ijazah sarjana muda beliau. Pada tahun 1959 beliau telah berjaya lulus dengan cemerlang dan kemudian telah berhijrah dari Mesir ke Amerika Syarikat. Dari sinilah bermulanya kehidupan Rashad Khalifa di Amerika Syarikat. Rashad Khalifa kemudian menyambung pembelajaran pada peringkat sarjana di *University of Arizona*, Tucson dalam bidang biokimia tumbuh-tumbuhan. Seterusnya pada tahun 1964, Rashad Khalifa menyambung lagi pembelajaran beliau di peringkat PhD dalam bidang biokimia tumbuh-tumbuhan di *University Of California, Riverside*.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup>Wikipedia, Kafr Az-Zayyat, laman sesawang Wikipedia, diakses 22 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Kafr\\_Az-Zayyat](https://en.wikipedia.org/wiki/Kafr_Az-Zayyat)

<sup>8</sup> Naufal Syahrin Wibowo, “Epistemologi Inkar Al-sunah (Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans),” (Tesis, UIN Jakarta, 2020) 61.

<sup>9</sup> Team Of Submission, Biography Of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 24 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other/Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other/Biography_Khalifa.html)

<sup>10</sup> Naufal Syahrin Wibowo, “Epistemologi Inkar Al-sunah ( Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans),” (Tesis, UIN Jakarta, 2020) 62.

### 3.1.3 Kerjaya

Selepas menamatkan pembelajaran di *University of California*, Rashad Khalifa menerima beberapa pekerjaan di dalam bidangnya. Di antara pekerjaan beliau sebelum beliau menghasilkan angka kod 19 ini adalah bekerja sebagai penasihat sains kepada kerajaan Libya pada tahun 1957 dan 1976. Kemudian Rashad Khalifa bekerja dengan United Nation's Industrial Development di Vienna. Setelah itu pada tahun 1980, Rashad Khalifa Rashad Khalifa menjadi senior ahli kimia di *Arizona's State Office of Chemistry*. Selain itu juga beliau pernah bekerja sebagai pembantu penyelidikan di *University Of Arizona* dan pernah juga bekerja untuk Monsanto Company di St Louis. Rashad Khalifa juga pernah pulang ke Mesir selama beberapa tahun dan bekerja untuk kerajaan Mesir selama 2 tahun sebelum kembali semula ke Amerika Syarikat.<sup>11</sup> Pekerjaan-pekerjaan beliau sama ada di Amerika Syarikat mahupun di Mesir, adalah berkaitan dengan bidang beliau sendiri iaitu berkaitan dengan bidang sains, dan tidak berkaitan dengan bidang-bidang keagamaan Islam seperti pentafsiran dan lain-lain.

### 3.1.4 Kehidupan

Kehidupan peribadi Rashad Khalifa ini tidak banyak yang diketahui umum. Kebanyakan maklumat kehidupan peribadi yang diperolehi adalah daripada pengikut-pengikut beliau sendiri. Menurut beberapa sumber, Rashad Khalifa telah bernikah dengan seorang wanita yang berasal dari Tucson pada tahun 1963. Wanita tersebut bernama Stephanie Hoefle, dan akhirnya beliau membuat keputusan untuk menetap di Amerika Syarikat bersama-sama keluarganya.<sup>12</sup> Hasil perkahwinan Rashad Khalifa bersama Stephanie Hoefle, mereka dikurniakan dua orang anak iaitu seorang anak lelaki

---

<sup>11</sup> Martin Gardner, The numerology of Dr. Rashad Khalifa, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997), 16.

<sup>12</sup> Naufal Syahrin Wibowo, "Epistemologi Inkar Al-sunah ( Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)," (Tesis, UIN Jakarta, 2020) 62.

yang bernama Sam Khalifa dan juga seorang anak perempuan yang bernama Beth Bujarski.<sup>13</sup> Anaknya Sam Khalifa merupakan anak pertama yang dilahirkan di Fontana California, ketika beliau sedang mengambil Phd di *University of California*. Sam Khalifa juga pernah menjadi seorang pemain besbol Amerika Syarikat dalam *Major League Baseball* (MLB) untuk pasukan Pittsburgh Pirates dari tahun 1985 sehingga 1987 dan bersara setelah kematian Rashad Khalifa.<sup>14</sup>

Walaupun Rashad Khalifa menetap di Amerika Syarikat, namun menurut anak beliau Sam Khalifa, mereka sekeluarga pernah pulang ke Mesir sebanyak dua kali atas urusan pekerjaan bapanya.<sup>15</sup> Semasa Rashad Khalifa di Amerika Syarikat, meskipun latar belakang pendidikan beliau adalah dalam bidang sains dan bukan dalam bidang pendidikan agama, namun beliau merupakan seorang yang aktif dalam komuniti Islam di tempat beliau. Beliau juga pernah menerbitkan beberapa risalah berita penerbitan Islam. Hal ini kerana beliau masih lagi mengamalkan ajaran-ajaran sufi yang pernah diajarkan oleh ayah beliau kepadanya.<sup>16</sup> Selain itu, Rashad Khalifa juga pernah menyelenggara bahan dasar al-Quran dan terjemahan dengan membentuk satu forum persatuan pelajar-pelajar muslim dan Kanada.<sup>17</sup> Pada tahun 1978, Rashad Khalifa telah mendirikan sebuah masjid di Tucson, Arizona, Amerika Syarikat dan telah menjadi terkenal sebagai imam di masjid tersebut. Masjid yang dibinanya itu terletak berhampiran dengan Universiti Arizona.<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup>Wikipedia, "Rashad Khalifa", laman sesawang Wikipedia, diakses 24 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad\\_Khalifa](https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad_Khalifa)

<sup>14</sup>Wikipedia, "Sam Khalifa", laman sesawang Wikipedia, diakses 24 Julai 2023 [https://en.wikipedia.org/wiki/Sam\\_Khalifa#Personal\\_life](https://en.wikipedia.org/wiki/Sam_Khalifa#Personal_life)

<sup>15</sup> Paul Brownfield, "Briefly a Rising Star, Forever a Mourning Son" laman sesawang The New York Times, diakses 24 Julai 2023, <https://www.nytimes.com/2013/01/02/sports/baseball/sam-khalifa-briefly-a-rising-star-forever-a-mourning-son.html>

<sup>16</sup> Team Of Submission, Biography Of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 24 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other\\_Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other_Biography_Khalifa.html)

<sup>17</sup> Muhammad Akrom Adabi, Al-Quran Dan Rahsia Angka: Kajian Kitab Tafsir Karya Abu Zahra Al-Najdi, Jurnal Diya Al-Fakar 7.2 (2019), 360.

<sup>18</sup> Naufal Syahrin Wibowo, "Epistemologi Inkari Al-sunah (Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)," (Tesis, UIN Jakarta, 2020), 63.

### 3.1.5 Kematian

Kematian Rashad Khalifa merupakan satu kematian yang berkonspirasi. Hal ini kerana kematian Rashad Khalifa merupakan satu pembunuhan, di mana beliau telah ditemui mati dengan tikaman berkali-kali dengan tikaman sebanyak 29 kali pada 31 Januari 1990. Rashad Khalifa ditemui tidak bernyawa lagi di dapur masjid yang telah dibinanya sendiri di Tucson Arizona dengan tubuhnya yang dibasahi *Xylol* namun tubuhnya tidak dibakar. Ketika kematiannya itu Rashad Khalifa berumur 54 tahun dan telah meninggalkan dua anaknya dan seorang balu. Polis di Kanada tidak membiarkan kematian Rashad Khalifa begitu sahaja kerana ia merupakan satu pembunuhan. Hasil penyiasatan, empat orang lelaki dari kumpulan atau jemaah yang dikenali sebagai *Fuqra* telah ditangkap pada tahun 1993 berhampiran dengan Buena Vista, Colorado dengan tuduhan membunuh. Namun hanya seorang sahaja yang disabit kesalahan iaitu James William, manakala yang lainnya telah diikat jamin dan menghilangkan diri.<sup>19</sup>

Pada tahun 1994, Wiliam telah menghilangkan diri pada hari hukumannya dijatuhkan dan ditangkap semula pada tahun 2000 ketika dia cuba memasuki semula Amerika Syarikat dan dijatuhi hukuman penjara selama 69 tahun.<sup>20</sup> Selain itu pada tahun 2009 juga seorang lelaki yang bernama Glen Cusford Francis juga telah ditangkap oleh pihak polis atas tuduhan membunuh Rashad Khalifa. Hal ini kerana hasil siasatan Glen Cusford Francis adalah Benjamin Philips. Benjamin Philips merupakan bekas murid kepada Rashad Khalifa, dia telah memulakan pengajian dengan Rashad Khalifa pada Januari 1990 dan kemudian telah menghilangkan diri setelah kematian Rashad Khalifa. Akhirnya pada tahun 2012 Glen Francais telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.<sup>21</sup> Kematian Rashad Khalifa ini telah mendapat perhatian daripada orang

---

<sup>19</sup> Martin Gardner, The numerology of Dr. Rashad Khalifa, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997), 17.

<sup>20</sup> Bionity, "Rashad Khalifa", laman sesawang Bionity.com, diakses 25 Julai 2023 [https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad\\_Khalifa.html#Life](https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad_Khalifa.html#Life)

<sup>21</sup> Wikipedia, "Rashad Khalifa", laman sesawang Wikipedia, diakses 24 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad\\_Khalifa](https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad_Khalifa)



Islam dan orang bukan Islam. Hal ini kerana kematian Rashad Khalifa merupakan satu pembunuhan dan Rashad Khalifa merupakan seorang yang cukup dikenali sebagai pelopor kepada angka kod 19 yang pernah terkenal satu ketika dulu sebelum ia menjadi isu apabila timbul kesilapan-kesilapan daripada angka kod 19.

### **3.2 Faktor Penglibatan Rashad Khalifa Dalam Bidang Pentafsiran Al-Quran**

Rashad Khalifa bukan berlatar belakang pendidikan pentafsiran al-Quran mahupun latar belakang pendidikan agama Islam. Hal ini kerana, beliau merupakan lepasan daripada bidang biokimia tumbuh-tumbuhan yang mana lebih menjurus kepada bidang sains dan bukan bidang keilmuan Islam. Pekerjaan-pekerjaan beliau juga lebih kepada bidang sains seperti ahli kimia, penasihat sains dan sebagainya. Namun beliau telah menceburkan diri ke dalam bidang pentafsiran al-Quran dan telah menjadi pelopor kepada angka kod 19 sebagai mukjizat al-Quran. Oleh itu penemuan dan pentafsiran beliau ini telah menjadi isu kerana latar belakang pendidikan yang berbeza dan tidak mempunyai syarat-syarat untuk menjadi seorang *mufasir*. *Mufasir* atau *mufasirun* merupakan isim *fa'il* daripada kata *tafsir* yang membawa maksud menjelaskan. Dari segi istilah *tafsir* mempunyai makna yang berbeza mengikut pandangan seseorang ulama'.

Walaupun tidak mengikut jejak bapanya, Rashad Khalifa masih lagi mengamalkan pendidikan agama yang diterima beliau sewaktu kecil. Beliau masih lagi aktif dalam kalangan masyarakat Islam di tempat tinggal beliau sehingga beliau mendirikan sebuah masjid di Tucson. Sepanjang di Amerika Syarikat, Rashad Khalifa tidak meninggalkan bacaan al-Quran sehingga pada akhirnya beliau tidak berpuas hati dengan terjemahan-terjemahan al-Quran di dalam bahasa Inggeris. Menurut beliau yang berasal dari bangsa Arab, terjemahan-terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Inggeris

mempunyai beberapa pelanggaran dalam beberapa ajaran asas al-Quran. Hal ini kerana, menurut Rashad Khalifa mereka yang menterjemah al-Quran tidak bercakap dalam bahasa Arab sebagaimana beliau yang sememangnya berbangsa Arab dan bercakap dalam bahasa Arab.<sup>22</sup>

Selain itu, Rashad Khalifa juga turut menerima cabaran apabila beliau telah menerima persoalan daripada anak beliau tentang maksud di sebalik huruf *muqata'at* di dalam surah al-Baqarah ayat pertama iaitu Firman Allah:



Maksudnya: Alif. Lam. Mim (al-Baqarah 2:1)

Huruf *muqata'at* ini merupakan salah satu ayat yang berbentuk *mutasyabihat* pada permulaan ayat. Ayat *mutasyabihat* adalah ayat al-Quran yang tidak jelas maknanya yang berlawanan dengan ayat-ayat *muhkamat* iaitu ayat al-Quran yang jelas maknanya. Para *mufasir* tidak mentafsirkan huruf-huruf *muqata'at* ini dengan jelas dan para *mufasir* telah berbeza pendapat mengenai huruf-huruf *muqata'at*. Sesetengah ulama' seperti Abu Bakar, Umar, Usman, Ali dan Ibnu Mas'ud tidak mentafsirkan huruf-huruf *muqata'at* ini dan telah menyerahkan maknanya kepada Allah sebagaimana pendapat ini telah dinukilkan oleh al-Qurtubi di dalam tafsirnya. Manakala ada juga ulama yang mengatakan bahawa huruf-huruf *muqata'at* ini adalah nama-nama kepada surah di dalam al-Quran.<sup>23</sup> Masih banyak lagi pendapat-pendapat ulama' terhadap huruf-huruf *muqata'at* namun mereka tidak mentafsirkannya secara terperinci.

Justeru itu, Rashad Khalifa tidak berpuas hati dengan penjelasan daripada para ulama dan *mufasir* mengenai huruf *muqatt'at* ini. Penjelasan yang paling terdekat yang boleh diterima beliau adalah huruf-huruf *muqata'at* ini mewakili mukjizat al-Quran.

---

<sup>22</sup>Team Of Submission, Biography Of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 24 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other/Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other/Biography_Khalifa.html)

<sup>23</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 1:43.

Oleh itu, beliau telah mengkaji dengan lebih mendalam tentang buruf-huruf *muqata'at* ini dengan mengaitkannya dengan mukjizat al-Quran. Oleh kerana pekerjaan beliau pada masa itu banyak menggunakan komputer, maka tercetus idea dari beliau untuk menyelesaikan masalah persoalan tentang huruf-huruf *muqata'at* yang membelenggu pemikiran beliau.<sup>24</sup> Akhirnya pada tahun 1969, Rashad Khalifa telah membuat keputusan untuk memasukkan al-Quran ke dalam komputer yang berjenama Hewlett-Packard HP-1000 E-Series.<sup>25</sup> Dari situ beliau telah mengkaji kekerapan huruf dan perkataan di dalam al-Quran untuk mencari kemukjizatan di sebalik huruf-huruf *muqata'at* ini menggunakan komputer yang jauh daripada campurtangan manusia. Dalam masa yang sama Rashad Khalifa telah membuat keputusan untuk membuat pentafsiran beliau sendiri terhadap al-Quran dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris.<sup>26</sup> Dari situlah permulaan beliau dalam menceburi bidang pentafsiran al-Quran yang akhirnya menemukan beliau dengan kemukjizatan angka kod 19 yang didakwa sebagai mukjizat al-Quran.

### 3.3 Penemuan angka kod 19 oleh Rashad Khalifa dan Karya-karya Beliau

Penemuan Rashad Khalifa terhadap kemukjizatan angka kod 19 adalah hasil kajian beliau selepas memasukkan ayat-ayat al-Quran ke dalam komputer di mana ia adalah hasil daripada rumus dari susunan ayat-ayat dan surah-surah di dalam al-Quran. Beliau telah menggunakan kaedah numerologi atau dikenali sebagai *I'jāz 'Adadi* di dalam Islam dalam menemukan kemukjizatan bagi angka 19 ini. Angka kod 19 ini telah ditemukan oleh beliau pada tahun 1974 bersamaan dengan Zulhijjah 1393 iaitu selepas

---

<sup>24</sup> Team Of Submission, Biography of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 25 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other/Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other/Biography_Khalifa.html)

<sup>25</sup> Bionity, "Rashad Khalifa", laman sesawang Bionity.com, diakses 25 Julai 2023 [https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad\\_Khalifa.html#Life](https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad_Khalifa.html#Life)

<sup>26</sup> Team Of Submission, Biography of Dr. Rashad Khalifa, laman sesawang submission, diakses 25 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other/Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other/Biography_Khalifa.html)

penerbitan karya *Miracle Of The Quran: Significance of the Mysterious Alphabets*. Tambahan pula Rashad Khalifa telah menjumpai satu ayat di dalam al-Quran yang mengandungi angka 19 ini. Secara tidak langsung beliau menjadikan ia sebagai dalil untuk menguatkan lagi kemukjizatan bagi angka 19 ini yang merupakan hasil hitungan bagi ayat-ayat dan surah-surah yang dimasukkan beliau ke dalam komputer A-Hewlett-Packard HP-1000, E Series.<sup>27</sup> Ayat yang dinyatakan sebagai bukti dan dalil kepada kemukjizatan angka kod 19 adalah dalam Firman Allah:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan di atasnya ada Sembilan belas.(al-Muddaththir 74:30)

Rashad Khalifa telah menggunakan dalil ayat al-Quran ini untuk menunjukkan kehebatan dan keagungan bagi angka 19 sebagai mukjizat yang ditemui beliau di dalam al-Quran. Sembilan belas di dalam ayat ini ditafsirkan sebagai bilangan ataupun angka bagi 19 yang secara tidak langsung berkaitan dengan penemuan angka 19 yang beliau dapat hasil kiraan daripada ayat-ayat al-Quran yang beliau masukkan di dalam komputer. Menurut beliau lagi hasil penemuan beliau terhadap angka 19 ini adalah merupakan satu bukti kebenaran, kebenaran yang sempurna dan juga kebenaran yang berbentuk praktikal.<sup>28</sup> Dengan data-data yang telah dikumpulkan oleh Rashad Khalifa beliau telah mengeluarkan satu karya yang berjudul *The Computer Speaks: God's Message To The World*. Dalam karya beliau ini, Rashad Khalifa telah mengeluarkan data-data yang telah beliau temukan hasil daripada pengiraan beliau terhadap ayat-ayat dan surah-surah di dalam al-Quran yang akhirnya menghasilkan angka 19.

Menurut satu kajian, Rashad Khalifa telah menggunakan beberapa pendekatan matematik dalam menunjukkan kemukjizatan angka kod 19, di antara pendekatan yang

---

<sup>27</sup> Mustar, *I'jāz 'Adadi* (Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam Al-Quran), (Tesis, UIN Jakarta, 2011), 66.

<sup>28</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981) 2.

digunakan oleh beliau adalah *hisāb Jummal*. Hal ini dapat dilihat apabila Rashad Khalifa telah menggunakan metode ini membuktikan keesaan Allah iaitu **وَاحِد** (Satu), yang mana huruf wau mewakili 6, huruf alif mewakili 1, huruf ha mewakili 8 dan dal mewakili 4. Sekiranya dihitungkan kesemua jumlah tersebut maka hasil tambah kesemua nombor-nombor tersebut adalah 19. Oleh itu Rashad Khalifa merumuskan bahawa nombor 19 ini menunjukkan simbol kepada keesaan Allah.<sup>29</sup>Penerangan lanjut mengenai angka kod 19 ini akan diterangkan pada bab seterusnya.

Penemuan angka kod 19 oleh Rashad Khalifa ini bukan sahaja bagi menjawab persoalan awal yang dipersoalkan oleh anak beliau iaitu mengenai huruf *muqata'at*. Malahan daripada angka kod 19 ini beliau telah menghasilkan pentafsiran-pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran, memandangkan beliau tidak berpuas hati dengan terjemahan al-Quran di dalam bahasa Inggeris. Oleh itu beliau banyak menghasilkan karya-karya tafsir yang menggunakan angka 19 ini sebagai metode utama dalam pentafsiran-pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran. Di antara karya-karya terkenal yang dihasilkan oleh Rashad Khalifa adalah<sup>30</sup>:

1. *Miracle Of The Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (1973)
2. *The Computer Speaks : God's Message To The World* (1981)
3. *Quran : The Final Scripture* (1981)
4. *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* (1982)
5. *Quran : Hadith And Islam* (1982)
6. *Quran : The Final Testament* (1989)

Berikut adalah karya-karya yang dihasilkan beliau selepas menganalisa al-Quran menggunakan kaedah matematik sejak dari tahun 1968 lagi sebelum akhirnya beliau

---

<sup>29</sup> Mustar, *I'jāz 'Adadi* (Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam Al-Quran), (Tesis, UIN Jakarta, 2011), 67

<sup>30</sup> Wikipedia, "Rashad Khalifa", laman sesawang Wikipedia, diakses 27 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad\\_Khalifa](https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad_Khalifa)

telah memasukkan ayat-ayat al-Quran ke dalam komputer pada tahun 1969 bagi mengelakkan hasil analisa beliau ini dicampur tangan oleh manusia. Karya-karya beliau ini kebanyakannya diterbitkan di Tucson Arizona memandangkan beliau telah membina sebuah masjid di Tucson dan telah menetap bersama-sama keluarganya di Tucson. Meskipun pada awalnya beliau menemukan kemukjizatan bagi angka 19 dan cuba mengeluarkan bukti-bukti dapatan beliau di dalamnya, namun Rashad Khalifa telah membuat keputusan untuk membuat satu pentafsiran terhadap keseluruhan al-Quran mengikut pemikiran-pemikiran beliau.

Pentafsiran al-Quran secara keseluruhan oleh beliau telah diterbitkan dalam karyanya yang berjudul *Quran : The Final Scripture* (1981) dan *Quran : The Final Testament* (1989). Sementara karya beliau yang berjudul *Miracle Of The Quran : Significance Of The Mysterious Alphabets* (1973), *The Computer Speaks : God's Message To The World* (1981) dan *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* (1982) merupakan karya-karya yang beliau menunjukkan kehebatan dan kemukjizatan angka kod 19 ini dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Manakala karya beliau yang berjudul *Quran : Hadith And Islam* (1982) merupakan karya di mana beliau menunjukkan bawa al-Quran sudah cukup dalam kehidupan manusia dan membahaskan tentang penolakan beliau terhadap hadith-hadith dari nabi.

### **3.3.1 *The Computer Speaks : God's Message To The World* (1981)**

Karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* merupakan karya kedua selepas karya pertama beliau iaitu *Miracle Of The Quran : Significance Of The Myesterious Alphabets*. Karya ini telah diterbitkan pada tahun 1981 oleh *Renaissance Production* di Tucson Arizona. Keseluruhan karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* ini ditulis dengan menggunakan komputer yang berjenama

Hewlett-Packard HP-1000 E-Series. Rashad Khalifa telah memasukkan keseluruhan ayat-ayat al-Quran di dalam komputer tersebut dan kemudian menganalisa huruf, perkataan, ayat dan surah di dalam al-Quran. Menurut Rashad Khalifa, karya beliau ini merupakan 100% fakta fizikal yang tidak terkandung di dalamnya sebarang pendapat, sangkaan mahupun sebarang tafsiran.

Oleh itu di dalam karya ini, Rashad Khalifa telah menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam menerangkan bukti-bukti yang ditemui beliau berdasarkan angka 19. Karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* mempunyai tiga tujuan iaitu untuk membuktikan:

1. *The Existence Of God* (Bukti Kewujudan Tuhan)
2. *A Message From God To You* (Satu Pesanan Dari Tuhan)
3. *The Exact Year When This World Will End* (Tarikh Tepat Pengakhiran Dunia)

Dalam karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* terkandung 31 fakta fizikal yang mengaitkan huruf, perkataan, ayat dan surah di dalam al-Quran dengan bilangan angka 19. *A Message From God To You* di dalam ini merujuk kepada angka 19 di mana angka 19 ini merupakan satu kemukjizatan yang tersembunyi yang akhirnya dijumpai oleh beliau. Fakta fizikal 1 sehingga 18 adalah mengandungi huruf-huruf, perkataan-perkataan, dan ayat yang apabila dihitungkan akan mendapat angka 19. Manakala fakta fizikal 19 adalah bukti kewujudan Tuhan *The Existence Of God* dan juga keesaan Allah. Menurut Rashad Khalifa, angka 19 itu bersamaan dengan satu yang merujuk kepada keesaan Allah. Tambahan beliau lagi, sebelum wujudnya angka nombor, masyarakat terdahulu menggunakan huruf sebagai nombor. Oleh itu sekiranya perkataan واحد (Satu) di tukar ke dalam nombor, maka nilainya bersamaan dengan

6+1+8+4, dan apabila dijumlahkan kesemua nilai tersebut maka hasil tambahnya adalah 19.<sup>31</sup>

Seterusnya pada fakta fizikal 20 sehingga 31 pula, Rashad Khalifa telah membuat perhitungan bagi huruf-huruf *muqata'at* yang terdapat di dalam al-Quran. Di mana hasil analisa kekerapan bilangan huruf-huruf *muqata'at* ini akan menghasilkan satu jumlah hasil darab bagi angka 19. Sebagai contoh huruf Qof mempunyai kekerapan sebanyak 57 kali di dalam al-Quran. Sekiranya angka 19 didarabkan dengan 3 (19x3) maka hasilnya adalah 57, bersamaan dengan kekerapan huruf “ق” di dalam al-Quran.

Begitu juga dengan cara pengiraan bagi huruf-huruf *muqata'at* yang seterusnya. Di akhir perbincangan fakta fizikal 31 ini, Rashad Khalifa telah membuat satu kesimpulan bagi pengiraan huruf-huruf *muqata'at* yang akhirnya membawa kepada *The Exact Year When This World Will End* iaitu hari Kiamat yang akan berlaku pada tahun 2280.<sup>32</sup> Selain itu, dalam karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* ini juga turut diselitkan beberapa pembelajaran yang diambil dari *Quran : The Final Scripture* yang mengandungi 19 bab atau 19 *Appendics*. Dalam bab 1-19 ini Rashad Khalifa telah memilih beberapa isu daripada *Quran : The Final Scripture* yang merupakan sebuah karya tafsir beliau dan membuat satu kesimpulan ringkas mengikut tajuk-tajuk kecil dan kemudian menghuraikannya mengikut pemikiran dan pendapat beliau.<sup>33</sup>

### 3.3.2 *Quran : Visual Presentation Of The Miracle (1982)*

Karya Rashad Khalifa yang seterusnya adalah *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* yang diterbitkan oleh *Islamic Production* di Tucson, Arizona pada tahun 1982.

---

<sup>31</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981) 482-483.

<sup>32</sup> Ibid, 208.

<sup>33</sup> Ibid, 471-522.



Karya beliau ini juga merupakan karya yang mahu menunjukkan kehebatan akan kemukjizatan angka kod 19 yang ditemui beliau. Memandangkan karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* ini diterbitkan selepas penerbitan *The Computer Speaks : God's Message To The World*, dapat dilihat di dalam karya ini bukti-bukti yang ditemui oleh Rashad Khalifa di dalam *The Computer Speaks : God's Message To The World* dibawa masuk ke dalam karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle*. Berbeza dengan karya *The Computer Speaks : God's Message To The World*, dalam karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* Rashad Khalifa telah menerangkan dengan lebih jelas bagaimana beliau menemukan kemukjizatan angka kod 19 ini dengan mempersembahkan secara visual isi-isi dalam al-Quran dan kemudian mengaitkan dengan teori angka 19 yang dijumpai oleh beliau.

Hal ini berbeza dengan *The Computer Speaks : God's Message To The World*, di mana beliau hanya menyebutkan sahaja cara pengiraan tanpa menunjukkan dengan jelas penemuan beliau di dalam al-Quran. Dalam *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* ini juga Rashad Khalifa telah mendatangkan dalil-dalil daripada al-Quran akan kehebatan-kehebatan al-Quran dan juga rahsia di sebalik al-Quran yang telah tersimpan selama 1400 tahun. Di awal karya ini, Rashad Khalifa telah mendatangkan surah al-Muddaththir yang menjadi kunci kepada kemukjizatan angka 19 yang ditemui oleh beliau. Menurut Rashad Khalifa surah al-Muddaththir ini membawa maksud *The Hidden (Secret)* yang merujuk kepada rahsia yang 1400 tahun telah tersimpan di dalam al-Quran iaitu angka kod 19.<sup>34</sup> Sedangkan Surah al-Muddaththir yang merupakan surah *Makkiyah* ini bukan membawa maksud *The Hidden (Secret)* seperti yang didakwa oleh Rashad Khalifa, melainkan membawa maksud “Orang yang berselubung” menurut para ulama’. Tambahan beliau lagi angka 19 ini juga adalah bukti bahawa al-Quran bukanlah

---

<sup>34</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: Visual Presentation of the Miracle* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 1,

buatan atau rekaan manusia. Hal ini berdasarkan dalil dalam surah al-Muddaththir ayat 30:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

Maksud: Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat).(al-Muddaththir 74:30)

Menurut pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa angka 19 ini merujuk kepada kemukjizatan angka kod 19 dan menganggap sebagai satu kemukjizatan dan keajaiban yang terbesar.<sup>35</sup>Selain itu menurut beliau lagi, ayat ini membawa lima objektif bagi angka 19 iaitu<sup>36</sup>:

1. Azab bagi orang-orang kafir.
2. Untuk meyakinkan orang Yahudi dan Kristian bahawa al-Quran adalah kitab suci.
3. Memperkuat iman orang-orang yang beriman.
4. Untuk menghilangkan segala keraguan dari hati orang Islam, Nasrani dan Yahudi tentang keaslian dan keutuhan al-Quran.
5. Untuk mendedahkan orang-orang munafik dan orang-orang kafir kerana mereka tetap tidak acuh walaupun terdapat bukti fizikal yang hebat.

Selain itu juga Rashad Khalifa turut menyatakan bahawa tafsiran ulama-ulama dan para *mufasir* akan angka 19 dalam surah *Muddaththir* ayat 30, yang membawa maksud “Penjaga neraka adalah 19 itu adalah bersifat sementara sahaja. Manakala tafsiran terkini bagi ayat tersebut adalah angka 19 yang merujuk kepada angka kod 19.<sup>37</sup> Seterusnya Rashad Khalifa membawa masuk bukti-bukti fakta fizikal yang dijumpainya dalam *The Computer Speaks : God’s Message To The World*, namun disebabkan dalam karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* ini Rashad Khalifa lebih

<sup>35</sup> Ibid, 6.

<sup>36</sup> Ibid, 7.

<sup>37</sup> Ibid.

menerangkan dengan jelas, maka terdapat sedikit perbezaan. Sekiranya di dalam *The Computer Speaks : God's Message To The World* mengandungi 31 fakta fizikal, namun dalam karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* mengandungi 51 fakta fizikal di mana Rashad Khalifa menunjukkan dengan lebih jelas kepada pembaca agar para pembaca mudah untuk memahami bagaimana beliau menemukan kemukjizatan angka kod 19 ini di dalam al-Quran.

Selain itu, karya ini juga lebih menumpukan akan kemukjizatan angka kod 19 sahaja dan tidak mencampuradukkan dengan pemikiran-pemikiran beliau yang lain. Dalam karya ini juga tidak dapat dilihat pengiraan bagi hari Kiamat pada tahun 2280 seperti yang terdapat dalam *The Computer Speaks : God's Message To The World*. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa dalam karya *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* ini Rashad Khalifa hanya menumpukan pengiraan dan menunjukkan dalil-dalil untuk menguatkan kemukjizatan angka kod 19 yang telah ditemui beliau.

### **3.3.3 *Quran : The Final Scripture* (1981) , *Quran : The Final Testament* (1989)**

Karya Rashad Khalifa yang seterusnya merupakan karya yang menumpukan akan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa bagi keseluruhan ayat-ayat al-Quran. Karya tafsir pertama yang dihasilkan oleh beliau adalah *Quran : The Final Scripture* yang telah dicetak pada tahun 1981 oleh Islamic Production di Tucson Arizona. Karya *Quran : The Final Scripture* ini mengandungi pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa yang merangkumi keseluruhan ayat-ayat al-Quran iaitu dari surah al-Fatihah sehingga surah an-Nas di dalam bahasa Inggeris.<sup>38</sup> Kemudian Rashad Khalifa telah menerbitkan satu lagi karya tafsir beliau yang terbaru pada tahun 1989 yang dinamakan dengan *Quran : The Final Testament*. Karya ini juga telah diterbitkan oleh Islamic

---

<sup>38</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Scripture* (Tucson, Islamic Productions, 1981)

*Production* di Tucson Arizona iaitu penerbitan yang sama dengan *Quran : The Final Scripture* (1981). Karya *Quran : The Final Testament* ini juga sama seperti karya tafsir pertama beliau di mana Rashad Khalifa telah mentafsirkan keseluruhan al-Quran iaitu daripada Surah *al-Fatihah* sehingga Surah *an-Nas*. Pada awal karya tafsir ini Rashad Khalifa telah menyatakan bahawa semua agama yang ada di dunia ini sama ada Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Budha dan yang lain telah rosak disebabkan oleh tradisi pemujaan terhadap manusia seperti para nabi dan juga orang-orang kudus.

Oleh itu hanya ada satu agama sahaja yang diterima oleh Tuhan iaitu *Submission* iaitu orang-orang yang berserah diri kepada Tuhan yang digelar *Submitter*. Golongan *submitter* ini boleh jadi dalam kalangan Yahudi, Kristian, Budha, Hindu dan juga muslim.<sup>39</sup> Ini berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh beliau atas Firman Allah:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ  
مَا جَاءَهُمْ الْعِلْمُ بَعْثًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ  
الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya. (al-Imran 3:19)

Maksudnya *Submission: The Only Religion*

*The Only religion approved by God is "Submission". Ironically, those who have received the scripture are the ones who dispute this fact, despite the knowledge they have received, due to jealousy. For such rejectors of God's revelations, God is most strict in reckoning.*<sup>40</sup>

<sup>39</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), Proclaiming.

<sup>40</sup> Ibid, 31.

Berikut merupakan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa, sedangkan para ulama' dan para *mufasir* bersepakat bahawa pentafsiran tersebut merujuk kepada agama yang diterima di sisi Allah adalah agama Islam. Sedangkan Rashad Khalifa mentafsirkan Islam dengan *Submission*. Dalam karya tafsir *Quran : The Final Testament* Rashad Khalifa mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan bahasa Inggeris menurut pemikiran-pemikiran beliau. Dalam pengenalan sebelum Rashad Khalifa memulakan pentafsiran terhadap surah *al-Fatihah*, beliau telah mengemukakan beberapa tajuk kecil dalam menerangkan secara ringkas tentang malaikat, haiwan, manusia, jin, syaitan dan beberapa tajuk kecil lain.<sup>41</sup> Pentafsiran Rashad Khalifa juga turut dikaitkan dengan angka 19 kerana bagi beliau angka 19 ini merupakan kunci kepada kemukjizatan al-Quran. Oleh itu pemikiran dan pentafsiran Rashad Khalifa, penulis akan menerangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

#### **3.3.4 *Quran : Hadith And Islam* (1982)**

Karya *Quran : Hadith And Islam* ini juga telah diterbitkan oleh Islamic Production di Tucson, Arizona pada tahun 1982. Karya Rashad Khalifa ini adalah sebuah karya yang mahu menunjukkan kehebatan al-Quran dan menolak hadith serta sunnah daripada Nabi Muhammad dengan mengeluarkan dalil-dalil al-Quran tetapi mengikut pentafsiran beliau sendiri. Menurut beliau di dalam pengenalan karya ini, selepas 12 tahun penyelidikan terhadap al-Quran dengan menggunakan komputer yang akhirnya menemukan bukti fizikal yang merujuk kepada kemukjizatan angka kod 19, masyarakat Islam telah mengangkat beliau disebabkan penemuan beliau tersebut.

Namun setelah beliau membuat satu lagi penemuan mengenai hadith dan sunnah adalah daripada syaitan, maka masyarakat Islam telah menolak beliau termasuk

---

<sup>41</sup> Ibid, xiv-xxi.

mukjizat angka 19 yang ditemui oleh beliau. Tambah beliau lagi penerimaan umat Islam terhadap hadith dan sunnah ini sama sebagaimana masyarakat Kristian menganggap bahawa Isa adalah anak tuhan. Oleh itu dalam karya ini beliau menegaskan bahawa manusia diciptakan hanya untuk menyembah Allah sahaja dan hanya al-Quran sahaja yang boleh diterima dalam agama *submission*. Berbeza dengan agama Islam yang menerima al-Quran dan al-sunah sebagai panduan hidup agar tidak terkeluar dari landasan agama yang sebenar.<sup>42</sup>

## Penutup

Berikut adalah pengenalan secara ringkas mengenai Rashad Khalifa serta karya-karya yang telah beliau hasilkan. Dapat disimpulkan di sini bahawa meskipun Rashad Khalifa tidak mengikut jejak bapanya yang merupakan seorang yang bertariqat sufi dan mempunyai latar pendidikan di luar bidang agama iaitu dalam bidang biokimia tumbuh-tumbuhan, namun disebabkan beliau tidak berpuas hati dengan terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris dan ditambah pula dengan persoalan yang dilontarkan oleh anaknya membuat Rashad Khalifa menceburkan dirinya ke dalam bidang pentafsiran. Akhirnya beliau telah menemukan kemukjizatan angka kod 19 dengan memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputer. Memandangkan pemikiran beliau lebih ke arah sains yang memerlukan bukti-bukti yang nyata, maka dalam al-Quran juga beliau mahu membuktikan kemukjizatan al-Quran dengan menunjukkan bukti yang nyata iaitu angka kod 19 ini. Hal ini telah menyebabkan beliau lebih mengutamakan logik akal berbanding hadith dan pentafsiran-pentafsiran ulama' terdahulu. Tambahan pula beliau yang tidak mempunyai latar belakang ilmu pentafsiran telah menyebabkan beliau melanggar disiplin-disiplin ilmu dalam pentafsiran al-Quran.

---

<sup>42</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), Preface.

## **BAB 4: PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA BERKAITAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DALAM KARYA-KARYANYA.**

### **Pendahuluan**

Rashad Khalifa telah menghasilkan karya pentafsiran beliau di mana beliau menterjemah dan mentafsirkan keseluruhan al-Quran daripada surah *al-Fatihah* sehingga *an-Nas*. Di antara karya beliau yang mentafsirkan keseluruhan al-Quran adalah *Quran : The Final Scripture (1981)* dan *Quran : The Final Testament (1989)*. Di dalam bab ini penulis akan mengkaji pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang bertentangan dengan ajaran Islam di dalam dua karya iaitu *Quran : The Final Testament* dan *Quran : Hadith And Islam*. Pemilihan dua karya ini adalah berdasarkan tajuk kajian yang mengkaji pemikiran Rashad Khalifa dalam bidang pentafsiran al-Quran.

### **4.1 Pemikiran Rashad Khalifa berkaitan Pentafsiran Al-Quran di dalam *Qur'an: The Final Testament***

Rashad Khalifa merupakan seorang yang mempunyai latar belakang sains iaitu sebagai ahli biokimia tumbuh-tumbuhan. Meskipun dari bidang sains tetapi beliau amat meminati kaedah matematik sehingga beliau menemukan kemukjizatan angka kod 19 di dalam al-Quran. Pada awalnya Rashad Khalifa hanya mencari makna di sebalik huruf-huruf *muqata'at*, namun setelah memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputer yang berjenama Hewlett-Packard HP-1000 E-Series miliknya beliau telah menemukan

keajaiban angka 19 ini.<sup>1</sup> Tambahan pula ia dikuatkan lagi dengan dalil dari dalil al-Quran iaitu firman Allah:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan di atasnya ada Sembilan belas. (al-Muddaththir 74:30)

Meskipun pada awalnya beliau menumpukan perhatian terhadap penemuan angka kod 19 sehingga menghasilkan sebuah karya yang berjudul *The Computer Speaks: God's Message To The World*, namun setelah itu Rashad Khalifa telah menghasilkan sebuah lagi karya yang berjudul *Quran : The Final Scripture* dan cetakan terbaru yang berjudul *Quran : The Final Testament*. Kedua-dua karya beliau ini merupakan sebuah karya tafsir beliau terhadap keseluruhan al-Quran yang mengandungi pemikiran-pemikiran beliau termasuk mengaitkan ayat-ayat Quran dengan angka kod 19 yang dibawa oleh beliau. Pentafsiran yang dibawa oleh beliau ini telah membawa pemikiran-pemikiran beliau dalam pelbagai aspek dan isu dari keseluruhan al-Quran. Oleh itu penulis hanya memilih beberapa isu sahaja menurut pentafsiran beliau untuk dibahasakan di dalam penulisan ini.

#### 4.1.1 Tiga Utusan Di Dalam Islam

Allah telah mengutuskan para rasul dan nabi dalam setiap zaman bagi membimbing semula umat manusia yang telah terpesong dari menyembah Allah agar kembali semula ke jalan kebenaran iaitu dengan menyembah Allah Tuhan yang Esa. Hal ini kerana umat manusia dan jin telah diciptakan Allah di atas muka bumi ini untuk menyembah Allah sebagaimana firman Allah:

---

<sup>1</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981) 1.



وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku. (*Az-Zariyat* 51:56)

Dalam ayat ini jelas bahawa bukan manusia sahaja diperintahkan menyembah Allah malahan jin juga diciptakan untuk menyembah Allah. Namun manusia tidak terlepas daripada kelalaian, syaitan dan iblis tidak akan berhenti untuk menyesatkan umat manusia, maka manusia sering kali tersasar dari landasan kebenaran. Oleh itu, Allah telah mengutuskan para rasul dan juga para nabi untuk membawa manusia kembali ke pangkal jalan kebenaran. Nabi Muhammad telah diutuskan kepada umat manusia sebagai penutup kepada para rasul dan juga para nabi sebagaimana Allah berfirman:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ  
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٥٧﴾

Maksudnya: Muahmmad itu bukanlah bapa dari seorang di antara kamu, tetapi dia adalah utusan Allah dan penutup para Nabi. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (*al-Ahzab* 33:40)

Berikut merupakan dalil yang jelas di dalam al-Quran bahawa Nabi Muhammad adalah utusan dan Nabi terakhir kepada umat akhir zaman ini sebelum dibangkitkan di padang mahsyar kelak. Hal ini tidak dapat disanggah lagi oleh semua makhluk kerana Allah telah menunjukkan bukti yang jelas di dalam ayat al-Quran ini dan ayat al-Quran ini tidak dapat diubah oleh manusia. Namun syaitan dan iblis tidak pernah berhenti untuk menyesatkan umat manusia, meskipun tidak dapat mengubah ayat-ayat al-Quran kerana ia dipelihara oleh Allah, tetapi syaitan dan iblis mampu mempengaruhi pemikiran-pemikiran manusia dalam pentafsiran terhadap ayat ini. Hal ini yang berlaku terhadap Rashad Khalifa apabila beliau tidak bersetuju Nabi Muhammad sebagai utusan dan Nabi yang terakhir bagi umat manusia. Berikut merupakan pentafsiran Rashad

Khalifa terhadap ayat ke 40 surah *al-Ahzab* dalam karyanya *Quran : The Final Testament*:<sup>2</sup>

*Not The Final Messenger*

*Muhammad was not the father of any man among you. He was a messenger of God and the final prophet. God is fully aware of all things.*

Meskipun dalam terjemahan bahasa inggeris ini beliau menerjemahkan bahawa Nabi Muhammad adalah utusan yang terakhir, namun sebelum terjemahan ayat tersebut beliau telah meletakkan tema “*Not The Final Messenger*” dalam menegaskan pendirian beliau bahawa Nabi Muhammad bukanlah utusan terakhir. Kemudian beliau telah menambah lagi dalam pentafsiran beliau ini dengan penjelasan dan dalil lain yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad bukanlah utusan yang terakhir seperti mana yang dimaksudkan di dalam ayat al-Quran ini dan dakwaan Nabi Muhammad adalah utusan dan Nabi yang terakhir adalah dakwaan kebanyakan umat Islam sahaja. Menurut beliau lagi kenyataan ini telah dikuatkan dengan ayat-ayat al-Quran lainnya, di antara ayat tersebut adalah Surah al-Ghafir ayat ke 34:

وَلَقَدْ جَاءَكُمْ يُوسُفُ مِنْ قَبْلُ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا زِلْتُمْ فِي شَكٍّ مِمَّا جَاءَكُمْ بِهِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ اللَّهُ مِنْ بَعْدِهِ رَسُولًا ۚ كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُرْتَابٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya! Nabi Yusuf telah datang kepada kamu dahulu dengan membawa keterangan-keterangan (yang membuktikan kerasulannya), maka kamu tetap juga dalam keraguan mengenai apa yang disampaikan kepada kamu sehingga apabila ia mati, kamu berkata: Allah tidak akan mengutuskan lagi Rasul sesudahnya; demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang melampau kederhakaannya, lagi yang ragu-ragu kepercayaannya (terhadap balasan Tuhannya) (al-Ghafir 40:34)

<sup>2</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989) 253.

*Who is The Last Messenger? A Tragic Human Trait*

*Joseph had come to you before that with clear revelations, but you continued to doubt his message. Then when he died you said, "God will not send any other messenger after him. (He was the last messenger)! God thus sends astray those transgressors, doubtful."<sup>3</sup>*

Dalam pentafsiran ayat ini, Rashad Khalifa menyatakan bahawa apabila Nabi Yusuf datang dengan wahyu yang jelas mereka meraguinya dan apabila wafatnya Nabi Yusuf mereka mendakwa Nabi Yusuf adalah utusan yang terakhir. Hal ini turut berlaku kepada golongan Yahudi iaitu mereka tidak percaya kepada Nabi Isa apabila Nabi Isa datang kepada mereka, dan orang-orang Kristian tidak mempercayai Nabi Muhammad apabila Nabi Muhammad datang kepada mereka. Begitu juga apa yang berlaku kepada umat Islam pada hari ini apabila mereka mendakwa dan percaya bahawa Nabi Muhammad adalah nabi dan rasul yang terakhir sehingga mereka menolak rasul perjanjian tuhan. Rasul perjanjian Tuhan yang dimaksudkan oleh Rashad Khalifa di sini adalah diri beliau. Hal ini kerana menurut Rashad Khalifa di dalam Islam, Allah telah mengutuskan tiga utusan iaitu:<sup>4</sup>

1. Nabi Ibrahim
2. Nabi Muhammad
3. Rashad Khalifa

Tiga utusan ini merupakan utusan yang Allah turunkan kepada umat Islam iaitu Nabi Ibrahim merupakan utusan sebenar atau pertama di dalam Islam dan dikenali sebagai "*Founder of Islam*" iaitu pengasas agama Islam. Sementara Nabi Muhammad merupakan utusan kedua iaitu utusan yang menyampaikan Kitab (al-Quran) dan Rashad Khalifa adalah utusan yang ketiga yang merupakan utusan yang memurnikan dan memantapkan kebenaran agama Islam ini dengan mendatangkan bukti.<sup>5</sup> Bukti yang

---

<sup>3</sup> Ibid, 284.

<sup>4</sup> Ibid, 468.

<sup>5</sup> Ibid.

dimaksud oleh Rashad Khalifa adalah angka kod 19 yang ditemuinya di dalam al-Quran. Rashad Khalifa telah mendatangkan dalil-dalil akan tiga Rasul yang diutuskan di dalam agama Islam iaitu:

1. Nabi Ibrahim, Firman Allah:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dia lah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dia lah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dia lah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.(al-Hajj 22:78)

*Abraham: Original Messenger Of Islam*

*You Shall strive for the cause of God as you should strive for His cause. He has chosen you and has placed no hardship on you in practicing your religion-the religion of your father Abraham. He is the one who named you "Submitters" originally. Thus, the messenger shall serve as a witness among you, and you shall serve as a witness among the people. Therefore, you shall observe the Contact Prayer (Salat) and give the obligatory charity (Zakat) and hold fast to God; He is your lord, the best Lord and the best supporter.<sup>6</sup>*

2. Nabi Muhammad, Firman Allah:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَآمَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَهُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ كَفَّرَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَالَهُمْ ﴿٢١﴾

<sup>6</sup> Ibid, 203.

Maksudnya: Dan (sebaliknya) orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh serta beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) - yang ialah kebenaran dari Tuhan mereka, - Allah mengampunkan dosa-dosa mereka, dan menjayakan keadaan mereka (di dunia dan di akhirat). (Muhammad 47:2)

*Those who believe and work righteousness, and believe in what was sent down to Muhammad, which is the truth from their Lord, He remits their sins, and blesses them with contentment.*<sup>7</sup>

3. Rashad Khalifa, Firman Allah:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا آتَيْنَاكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِءَ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨١﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada Kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiku secara yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu."(al-Imran 3:81)

*Major Prophecy Fulfilled: God's Messenger of the covenant*

*God took a covenant from the prophets, saying "I will give you the scripture and wisdom. Afterwards, a messenger will come to confirm all existing scriptures. You shall believe in him and support him". He said, "Do you agree with this, and pledge to fulfill this covenant?" They said, "We agree." He said, "You have thus borne witness, and I bear witness along with you."*<sup>8</sup>

Berikut merupakan dalil-dalil yang dikeluarkan oleh Rashad Khalifa di dalam karya *Quran : The Final Testament*. Nabi Ibrahim adalah pengasas utama di dalam agama Islam, manakala Nabi Muhammad adalah utusan yang diturunkan untuk

<sup>7</sup> Ibid, 307

<sup>8</sup> Ibid, 36.

menyampaikan kitab suci al-Quran dan dalil yang ketiga adalah merujuk kepada beliau sendiri iaitu Rashad Khalifa merupakan utusan yang membenarkan dan memurnikan kebenaran dan pesanan di dalam Islam.<sup>9</sup> Tambahan beliau lagi, agama Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Budha dan lain-lain agama semuanya sudah rosak, maka Tuhan telah memutuskan beliau untuk menyatukan mereka semua semula untuk menyembah Tuhan yang satu dengan membawa mukjizat angka kod 19 yang merupakan satu kod matematik yang menjadi bukti yang tidak dapat dipertikaikan.<sup>10</sup>

Namun pemikiran-pemikiran dan pentafsiran Rashad ini adalah bertentangan di dalam Islam dan juga menyalahi pentafsiran-pentafsiran yang telah dibuat oleh para ulama dan juga para *mufasir*. Hal ini dapat dilihat apabila Rashad Khalifa telah mendakwa bahawa Nabi Ibrahim adalah pengasas kepada agama Islam. Pendapat ini jelas bertentangan dengan ajaran sebenar Islam iaitu Nabi Muhammad adalah rasul dan nabi kepada umat Islam. Namun Islam tidak menafikan bahawa ajaran yang dibawa oleh nabi-nabi terdahulu adalah agama kebenaran dan agama yang benar iaitu menyembah Allah yang Esa. Hal ini dapat dilihat dalam petafsiran Ibnu Kathir dalam kitabnya. Ibnu Kathir sebagaimana firman Allah:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dia lah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak

<sup>9</sup> Ibid, 364.

<sup>10</sup> Ibid, Proclaiming.

dahulu dan di dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dia lah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dia lah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.(al-Hajj 22:78)

Ibnu Kathir telah mentafsirkan (هُوَ أَجْتَبَاكُمْ) dengan Dia telah memilihmu, iaitu

Allah telah memilih umat Islam dan telah memisahkan umat Islam dengan umat-umat yang lain.<sup>11</sup> Ini menunjukkan bahawa umat Nabi Ibrahim dan juga umat Nabi Muhammad adalah berbeza namun dengan tujuan yang sama iaitu menyembah Allah yang Maha Esa. Menurut Ibnu Jarir (وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ) sekiranya dibaca nasab dengan takdir maka maknanya “Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untukmu dalam agama suatu kesempitan” yang bererti kesulitan dan Dia memberikan keluasan kepada kalian seperti agama bapa kalian iaitu Nabi Ibrahim. Manakala sekiranya ia dibaca mansub atas takdir maka “Ikutilah agama bapa kalian Nabi Ibrahim”.<sup>12</sup> Dan makna yang terkandung dalamnya seperti firman Allah:

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قَيِّمًا مِّلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

Maksudnya: Katakanlah “Sesungguhnya aku telah ditunjuki oleh Rabbku kepada jalan yang lurus, iaitu agama yang benar, agama Ibrahim yang benar” (al-An’am 6:161)

Oleh itu agama Nabi Ibrahim yang dimaksudkan adalah agama yang lurus dan agama yang benar. Hal ini bersamaan dengan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad iaitu agama yang lurus dan agama yang benar. Manakala (هُوَ سَمَّاكُمْ الْمُسْلِمِينَ)

<sup>11</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoftar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 5:567.

<sup>12</sup> Ibid, 566.

(مِنْ قَبْلُ) “Dia telah menamai kamu orang-orang muslim dari dahulu” iaitu Allah telah menamai umat Islam sebagai orang-orang muslim dari dahulu dalam kitab-kitab terdahulu dan di dalam *az-Zikir* dan (وَفِي هَٰذَا) Begitu juga di dalam al-Quran ini.<sup>13</sup> Dapat dilihat di sini perbezaan pemikiran yang dibawa oleh Rashad Khalifa dan juga pentafsiran Ibnu Kathir yang mana ayat ini menunjukkan bahawa agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim, dan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah agama yang benar. Bukan bermaksud Nabi Ibrahim adalah utusan pertama di dalam Islam kerana selepas agama Nabi Ibrahim dan sebelum agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad, Allah telah mengutuskan nabi-nabi dan rasul-rasulnya kepada umat manusia. Agama yang dibawa oleh mereka ini juga tidak lain dan tidak bukan untuk mengajak manusia untuk menyembah Allah iaitu agama yang lurus dan benar.

Selain itu, Rashad Khalifa telah mendatangkan dalil mengenai Nabi Muhammad sebagai utusan Allah yang membawa kitab suci al-Quran namun baginda bukanlah utusan yang terakhir seperti yang dibincangkan sebelum ini.<sup>14</sup> Kemudian Rashad Khalifa mendatangkan satu lagi dalil yang merujuk kepada beliau yang merupakan utusan ketiga di dalam Islam. Namun pentafsiran yang dibuat oleh beliau ini adalah amat bertentangan dengan apa yang dimaksudkan oleh al-Quran yang sebenar. Dan ia bertentangan dengan akidah umat Islam yang mengucap kalimah syahadah iaitu “Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad utusan Allah”. Sebagaimana yang diyakini oleh umat Islam bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi terakhir dan utusan yang terakhir dan tiada lagi Nabi atau pun rasul selepas Nabi Muhammad. Pentafsiran yang dibuat Rashad Khalifa ini amat bertentangan dengan

---

<sup>13</sup> Ibid, 567.

<sup>14</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 405



pentafsiran para ulama dan *mufasir* lain. Ini dapat dilihat di dalam pentafsiran Ibnu Kathir terhadap firman Allah:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا آتَيْنَاكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِءَ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨١﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Allah mengambil perjanjian para Nabi: “Sesungguhnya, apa saja yang Aku berikan kepadamu berupa kitab dan hikmah, kemudian datang kepadamu seorang Rasul yang membenarkan apa yang ada padamu, nescaya kamu akan sungguh-sungguh beriman kepadanya dan menolongnya”. Allah berfirman: “Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku terhadap yang demikian itu.” Mereka menjawab :”Kami mengakui”. Allah berfirman: “Kalau begitu saksikanlah (para Nabi) dan Aku menjadi saksi (pula) bersama kamu”.(al-Imran 3:81)

Dalam pentafsiran Ibnu Kathir dalam ayat ini, Allah telah mengambil janji pada setiap Nabi yang diutuskannya iaitu sejak Nabi Adam sehingga Nabi Isa. Janji tersebut adalah perjanjian para nabi untuk membenarkan dan beriman kepada seorang Rasul yang datang setelahnya, meskipun sebagai seorang Nabi namun tidak menghalanginya untuk mengikuti dan mendukung rasul tersebut. Rasul yang dimaksudkan di sini adalah Nabi Muhammad dan dengan demikian Nabi Muhammad merupakan rasul yang menjadi penutup kepada para rasul dan nabi sehinggalah ke hari Kiamat kelak.<sup>15</sup> Manakala menurut al-Qurtubi, ayat ini bermaksud Allah mengambil perjanjian dari seluruh nabi untuk beriman kepada Nabi Muhammad dan menolongnya jika mereka sempat bertemu dengannya dan Allah juga memerintahkan kepada mereka untuk mengambil perjanjian yang sama terhadap umat-umat mereka.<sup>16</sup> Berbeza dengan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa di mana beliau merujuk ayat tersebut

<sup>15</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 2:81-83.

<sup>16</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkāmīl Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 4:329

bahawa rasul atau utusan yang dimaksudkan adalah beliau sendiri iaitu sebagai seorang utusan Tuhan yang membawa kemukjizatan angka kod 19 di dalam al-Quran. Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa adalah mengikut ketaksuban beliau terhadap angka 19 yang berbeza dengan pentafsiran para ulama dan *mufasir* yang merujuk rasul yang dimaksudkan dalam ayat ini kepada Nabi Muhammad.<sup>17</sup>

Pentafsiran Rashad Khalifa ini jelas bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* iaitu Nabi Muhammad adalah nabi dan rasul kepada umat Islam yang membawa ajaran Islam. Nabi Muhammad adalah nabi dan rasul yang terakhir dan tiada Nabi mahupun rasul setelah kewafatan baginda. Dakwaan kenabian oleh seseorang setelah kewafatan Nabi Muhammad boleh membawa kepada kufur dan wajib bertaubat semula.<sup>18</sup> Maka dakwaan bahawa Rashad Khalifa mengenai tiga utusan di dalam Islam ini merupakan satu ajaran yang sesat dan akidah yang telah terpesong daripada landasan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.<sup>19</sup>

#### 4.1.2 Syurga dan Neraka

Syurga dan neraka merupakan ganjaran kepada hamba-hamba Allah sama ada yang taat kepada Allah mahupun yang ingkar kepada Allah. Syurga adalah tempat destinasi yang terakhir yang telah dijanjikan sebagai ganjaran kepada hamba-hamba Allah yang beriman dan taat kepada Allah. Manakala neraka pula adalah balasan kepada hamba-hamba Allah yang ingkar kepada Allah. Allah telah menciptakan manusia agar menyembah Allah yang Esa dengan taat apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang. Namun syaitan telah bersumpah untuk menyesatkan manusia iaitu anak

<sup>17</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 36.

<sup>18</sup> Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Hukum Mendakwa Menjadi Nabi Palsu, diakses di laman sesawang Maktabah Al-bakri, diakses 3 Oktober 2023, <https://maktabahalbakri.com/1104-hukum-mendakwa-menjadi-nabi-palsu/>

<sup>19</sup> Jakim, Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, laman sesawang Jakim, diakses 3 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>

cucu Nabi Adam. Oleh itu meskipun manusia sudah bersumpah untuk menyembah Allah sebelum dilahirkan di dunia, namun mereka tetap lalai dan termakan akan hasutan syaitan untuk menyembah selain Allah dan berbuat apa yang dilarang oleh Allah. Perjanjian antara Allah dan manusia ini telah tercatat di dalam al-Quran, sebagaimana firman Allah:

وَمَا لَكُمْ لَا تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ يَدْعُوكُمْ لِتُؤْمِنُوا بِرَبِّكُمْ وَقَدْ أَخَذَ  
مِيثَاقَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Dan mengapa kamu tidak beriman kepada Allah, padahal Rasul mengajak kamu beriman kepada tuhanmu?. Dan dia telah mengambil janji setia mu, jika kamu orang-orang mukmin. (*al-Hadid* 57:8)

Dalil ini membuktikan bahawa manusia telah membuat perjanjian dengan Allah untuk menyembah Allah yang Maha Esa, namun terdapat manusia yang taat kepada perintah Allah dan manusia yang lalai dengan perintah Allah serta telah mengingkari perjanjian mereka sebelum lahir ke dunia dengan menyembah selain daripada Allah. Oleh itu, sebagai ganjaran atas segala perbuatan dan amalan, semua manusia akan menerima balasannya di akhirat. Sama ada berhujung dengan syurga bagi orang beriman dan beramal soleh dan api neraka bagi orang yang ingkar dan menyembah selain daripada Allah. Para ulama *Ahli Sunnah Wal Jamaah* telah bersepakat bahawa syurga dan neraka telah diciptakan Allah sebelum penciptaan manusia lagi.<sup>20</sup> Namun berbeza dengan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa di mana menurut beliau syurga telah pun wujud, namun neraka masih lagi belum diciptakan oleh Allah dan ia akan diciptakan pada hari pembalasan iaitu di mana hari perbuatan baik dan perbuatan

---

<sup>20</sup> Luqman Tarmizi, Adakah Syurga Dan Neraka Telah Wujud Pada Masa Sekarang?, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 8 Ogos 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4385-al-afkar-106-adakah-syurga-dan-neraka-telah-wujud-pada-masa-sekarang>

buruk akan mendapatkan balasan sama ada syurga ataupun neraka.<sup>21</sup> Pentafsiran Rashad Khalifa mengenai neraka ini dapat dilihat pada firman Allah:

وَالْمَلَكُ عَلَى أَرْجَائِهَا وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَنِيَّةٌ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, dan 'Arash Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh lapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu.(al-Haqqah 69:17)

*The angels will be all around, and Your Lord's dominion will then encompass eight (universes)*<sup>22</sup>

Berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa, kekuasaan Allah di akhirat kelak akan meliputi lapan alam semesta. Di mana alam yang kelapan ini akan diciptakan Allah di akhirat kelak dan alam ini lebih jauh dari alam semesta ketujuh (alam semesta ini) dan alam kelapan ini dipanggil sebagai neraka. Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini amat berbeza dengan pentafsiran Ibnu Kathir terhadap ayat ini, di mana Ibnu Kathir mentafsirkan (ثَمَنِيَّةٌ) dengan erti lapan malaikat yang akan menjunjung 'Arash yang agung atau 'Arash yang akan diletakkan di bumi pada hari Kiamat untuk memberi keputusan.<sup>23</sup> Manakala Rashad Khalifa pula mentafsirkan (ثَمَنِيَّةٌ) dengan erti alam semesta yang kelapan yang merujuk kepada neraka yang akan diciptakan oleh Allah pada hari pembalasan kelak. Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini bertentangan dengan ayat al-Quran yang lain. Seperti mana yang umat Islam ketahui bahawa Allah telah menciptakan syurga dan neraka dan ia telah wujud pada masa kini. Hal ini dapat dilihat bagaimana Allah telah menggambarkan api neraka yang telah disediakan bagi mereka yang ingkar pada perintah Allah dan bagi golongan yang

<sup>21</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989) 418.

<sup>22</sup> Ibid, 345

<sup>23</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994) 8:272.

kafir iaitu menyembah selain daripada Allah. Dalil akan kewujudan neraka ini dapat dilihat sebagaimana firman Allah:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ  
أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir. (al-Baqarah 2:24)

Dalam ayat ini membuktikan bahawa Allah telah menggambarkan bagaimana keadaan api neraka yang disediakan bagi orang-orang kafir. Menurut al-Qurtubi, ayat ini merupakan dalil bagi apa yang dikatakan oleh ahli kebenaran bahawa neraka sudah diciptakan dan berlawanan dengan ahli *bid'ah* yang mendakwa bahawa sehingga kini neraka belum diciptakan.<sup>24</sup> Selain ayat al-Quran ini masih banyak lagi dalil-dalil al-Quran mahupun hadith yang memberitakan tentang neraka dan azab-azab di neraka kelak. Hal ini agar ia menjadi pengajaran dan peringatan kepada manusia agar mereka menyembah Allah yang Maha Esa, taat akan perintah Allah dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya di mana bagi mereka yang ingkar maka Allah telah menyediakan azab api neraka di akhirat kelak. Oleh itu pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa mengenai kejadian neraka pada hari pembalasan ini adalah amat bertentangan dengan al-Quran dan hadith yang menunjukkan bahawa syurga dan neraka itu telah Allah siapkan bagi hamba-hambaNya yang beriman mahupun yang kafir dan ia menjadi pegangan umat Islam terutamanya bagi golongan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.

Selain itu juga Rashad Khalifa telah membahagikan syurga kepada dua iaitu syurga yang tinggi dan juga syurga yang rendah. Syurga yang tinggi adalah untuk

---

<sup>24</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 1:535

mereka yang memelihara jiwa mereka dengan beribadah kepada Allah semata-mata, beriman kepada hari akhirat dan menjalani kehidupan yang benar, maka mereka inilah penghuni-penghuni syurga yang tinggi. Manakala syurga yang rendah pula diperuntukan bagi mereka yang mengembangkan jiwanya di tahap yang lebih rendah berbanding penghuni-penghuni syurga tinggi. <sup>25</sup>Selain itu, bagi sesiapa yang meninggal sebelum berumur 40 tahun, maka mereka akan masuk ke syurga rendah. Ini berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh beliau terhadap Firman Allah:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلُهُ  
وَفَصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ  
أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا  
تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)".(al-Ahqaf 46:15)

#### 40 : The age of Decision

*We enjoined the human being to honor his parents. His mother bore him arduously, and took intimate care of him for thirty months. When he reaches maturity and reaches the age of forty, he should say, "My Lord, direct me to appreciate the blessings you have bestowed upon me and upon my parents, and to do the righteous works that please you. Let my children be righteous as well. I have repented to You, I am submitter".<sup>26</sup>*

<sup>25</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 418.

<sup>26</sup> Ibid, 305.

Berdasarkan ayat al-Quran ini Rashad Khalifa telah membuat satu pentafsiran dengan mentafsirkan bahawa kematangan manusia untuk membuat keputusan adalah pada umur 40 tahun iaitu “*When he reaches maturity and reaches the age of forty*”. Oleh itu beliau mentafsirkan bahawa barang siapa yang meninggal pada umur 40 tahun ke bawah, maka mereka akan terus masuk ke syurga rendah. Barang siapa yang dapat mengembangkan jiwa mereka ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dengan memelihara jiwa mereka dengan beribadah kepada Allah semata-mata, beriman kepada hari akhirat dan menjalani kehidupan yang benar, maka mereka akan dapat masuk ke syurga yang lebih tinggi. Tambah Rashad Khalifa lagi, hal ini adalah kerana kemurahan sifat Allah dan Allah lebih mengetahui siapa yang berhak dan layak untuk syurga dan siapa yang berhak dan layak ditempatkan di neraka. Oleh itu sekiranya seseorang itu benar-benar jahat, maka mereka tidak akan mati pada umur sebelum 40 tahun. Mereka akan mati pada umur 40 tahun ke atas dan akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka, di mana kejahatan yang mereka lakukan itu membawa mereka masuk ke dalam neraka.<sup>27</sup>

Dalam kitab tafsir al-Jalālayn tafsiran ayat ( *إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ* ) iaitu seseorang itu mencapai kedewasaan yang merangkupi kekuatan fizik, akal dan kematangan yang sempurna pada umur 30 tahun. Manakala ketika usia mencapai 40 tahun ( *وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً* ), maka seseorang itu telah mencapai batas maksima kedewasaannya. Menurut al-Jalālayn lagi ayat yang diturunkan ini adalah mengenai Abu Bakar yang telah beriman kepada Nabi Muhammad ketika usia mencapai 40 tahun iaitu setelah dua tahun Nabi diangkat menjadi rasul. Kemudian kedua ibu bapa dan anaknya Abdur Rahman serta cucunya Atiq juga telah beriman kepada Nabi Muhammad.<sup>28</sup> Meskipun kematangan

---

<sup>27</sup> Ibid, 479-480

<sup>28</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudhin, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014), 2:840

seseorang itu mencapai tahap maksima pada umur 40 tahun, namun ia tidak menghalang seseorang itu mendapat balasan atas apa yang dikerjakan di dunia ini. Sekiranya dia seorang yang beriman dan soleh maka dia akan mendapat ganjaran syurga seperti yang dijanjikan Allah. Namun jika sebaliknya, maka mereka akan mendapatkan balasan yang setimpal sebagaimana Firman Allah:

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ  
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan jahat, maka dia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh dari lelaki atau perempuan sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, mereka beroleh rezeki di dalam Syurga itu dengan tidak dihitung. (Ghafir 40:40)

Oleh itu, berdasarkan ayat al-Quran ini dapat dilihat bahawa setiap manusia akan menerima balasan setimpal dengan apa yang dikerjakan di dunia. Barang siapa yang beriman dan mentaati segala perintah Allah, maka Allah telah menyediakan syurga buat mereka. Bagi mereka yang kafir dan ingkar akan perintah Allah maka mereka akan menerima balasan atas apa yang dikerjakan oleh mereka iaitu neraka. Justeru itu dapat dilihat bahawa pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa bahawa barang siapa yang meninggal sebelum berumur 40 tahun ini adalah amat bertentangan dengan ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa setiap manusia akan menerima balasan setimpal dengan apa yang dikerjakan.

#### **4.1.3 Larangan Pemakanan (*Dietary Prohibitions*)**

Allah telah menciptakan manusia di bumi ini untuk beribadah kepada Allah. Oleh itu, setiap apa yang diperintahkan oleh Allah hendaklah ditaati dan setiap apa yang dilarang dan diharamkan oleh Allah hendaklah dijauhi oleh hamba-hamba yang taat kepada



Allah. Di dalam Islam, pelbagai aspek kehidupan manusia telah diaturkan berlandaskan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh *shara'*. Di antara hukum yang ditetapkan termasuklah pengharaman makanan. Para ulama' telah menetapkan pengharaman makanan ini bukan sahaja berdasarkan al-Quran semata-mata tetapi berdasarkan *nas-nas* al-Quran, *hadith*, *ijmak* dan *qiyas*.<sup>29</sup> Meskipun begitu hukum pengharaman makanan ini juga berbeza mengikut mazhab-mazhab *fiqh*.

Namun berbeza dengan Rashad Khalifa, beliau hanya menggunakan dalil yang berlandaskan kepada al-Quran semata-mata dalam menggariskan pemakanan yang haram di dalam Islam. Hal ini adalah berdasarkan pentafsiran beliau terhadap firman Allah yang berbunyi:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Baqarah 2:173)

Menurut pentafsiran Rashad Khalifa:

*He only prohibits for you the eating of animals that die of themselves (without human interference), blood, the meat of pigs, and animal dedicated to other than God. If one is forced (to eat these), without being malicious or deliberate. He incurs no sin. God is Forgiver, Most Merciful.*

Berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa pada ayat ini, beliau telah menggariskan empat larangan pemakanan yang telah diharamkan oleh Allah kepada umat manusia dan beranggapan bahawa pengharaman ataupun larangan selain

---

<sup>29</sup> Tuan Sidek Bin T. Muda et.al, *Halal Haram Makanan Menurut Imam Syafi'i: Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah* (UM 2016).

daripada yang disebutkan di dalam al-Quran ini adalah sama dengan penyembahan berhala yang tidak boleh dimaafkan.<sup>30</sup> Empat larangan pemakanan yang digariskan oleh Rashad Khalifa ini adalah:

1. *carrion*
2. *running blood*
3. *the meat of pigs, for it is unclean*
4. *meat blasphemously dedicated to other than god.*

Menurut Rashad Khalifa, larangan pemakanan yang pertama adalah bangkai (*carrion*) iaitu haiwan yang mati dengan sendirinya tanpa sebarang campur tangan manusia. Kedua adalah darah yang mengalir, ketiga daging babi dan yang terakhir adalah daging yang dikorbankan atas nama selain Allah. Tambah Rashad Khalifa lagi pada larangan pemakanan yang ketiga iaitu pengharaman daging babi, di sini dengan jelas ayat al-Quran menyebut daging babi. Oleh itu, menurut Rashad Khalifa apa yang diharamkan oleh Allah hanyalah daging babi sahaja, manakala lemak babi tersebut adalah tidak haram. Maka apa sahaja yang tidak disebutkan dan tidak dilarang secara khusus di dalam al-Quran iaitu merujuk kepada empat larangan pemakanan ini adalah tidak haram.<sup>31</sup>

Pendapat ini adalah bercanggah dengan pentafsiran jumhur para ulama terutamanya mengenai pengharaman babi. Menurut Ibnu Kathir dalam kitabnya menyatakan bahawa daging babi adalah haram sama ada ia disembelih mahupun mati dengan sendiri, Begitu juga dengan lemak babi adalah haram kerana lemak babi termasuk dalam hukum dagingnya.<sup>32</sup> Manakala dalam tafsir al-Qurtubi, pada ayat ini Allah mengharamkan memakan daging babi dan penyebutan daging babi di sini

---

<sup>30</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981), 504.

<sup>31</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 732

<sup>32</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994) 1:324.

mencakupi nama daging beserta lemaknya.<sup>33</sup> Jalālayn juga turut menyebutkan bahawa pengharaman daging babi yang disebutkan di dalam al-Quran secara khusus kerana daging merupakan bahagian yang paling diminati, sedangkan anggota tubuh lainnya juga mengikut kepadanya iaitu haram di makan.<sup>34</sup> Kedua-dua kitab tafsir ini adalah mengharamkan lemak babi dan bercanggah pendapat dengan Rashad Khalifa yang hanya mengharamkan daging babi sahaja dan menghalalkan lemak babi. Sekiranya seseorang itu beri'tiqad menghalalkan sesuatu perkara yang telah diharamkan oleh *ijmak* dan jelas hukumnya di antara umat Islam serta hilang *syubhah* mengenai *nas* yang wujud mengenainya dan tiada *khilaf* maka ia boleh membawa kepada kafir.<sup>35</sup> Oleh itu pandangan Rashad Khalifa mengenai lemak babi ini adalah bertentangan dengan pendapat jumhur ulama' dan ia boleh merosakkan akidah seseorang.

#### 4.1.3 Angka kod 19

Angka kod 19 merupakan angka yang telah ditemui oleh Rashad Khalifa di dalam al-Quran semasa kajian beliau terhadap al-Quran dengan menggunakan komputer. Tambahan pula, beliau telah menjumpai dalil yang kuat di dalam al-Quran dan telah mendakwa dalil tersebut merupakan rahsia yang telah tersimpan selama 1400 tahun di dalam al-Quran. Dalil yang dimaksudkan oleh Rashad Khalifa adalah surah al-Muddaththir yang telah ditafsirkan oleh beliau dengan maksud *The Hidden (Secret)*.<sup>36</sup> Pentafsiran bagi nama surah oleh Rashad Khalifa ini adalah bertentangan dengan jumhur para ulama yang mentafsirkan nama surah al-Muddaththir ini dengan "Orang

<sup>33</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkāmīl Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 2:512

<sup>34</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudidin, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014) 1:87

<sup>35</sup> Al-Kafi Li Al-Fatawi, Adakah Jatuh Murtad Jika Makan Daging Babi Dengan Sengaja, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5079-al-kafi-1848-adakah-jatuh-murtad-jika-makan-daging-babi-dengan-sengaja>

<sup>36</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: Visual Presentation of the Miracle* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 1

yang berselubung”. Selain itu Rashad Khalifa turut menyatakan bahwa kemukjizatan al-Quran bagi angka kod 19 ini telah disebutkan di dalam surah al-Muddaththir ini sebagaimana firman Allah:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat). (al-Muddaththir 74:30)

Menurut pentafsiran Rashad Khalifa<sup>37</sup>:

*The Quran's Common Denominator*

*Over it is nineteen*

Berdasarkan dalil ayat al-Quran ini, Rashad Khalifa telah mentafsirkannya dengan “Di atasnya ada sembilan belas” dan telah merujuk angka sembilan belas “تِسْعَةَ

عَشَرَ” yang disebutkan di dalam ayat al-Quran ini sebagai kemukjizatan bagi angka 19

yang telah ditemui oleh beliau. Pentafsiran Rashad Khalifa ini adalah bertentangan dengan pentafsiran yang dibuat oleh para ulama tafsir, sebagaimana Ibnu Kathir mentafsirkan ayat al-Quran ini dengan merujuk kepada malaikat penjaga yang dikenali sebagai para malaikat Zabaniyyah.<sup>38</sup> Sementara Jalālayn dalam kitab tafsirnya juga merujuk “تِسْعَةَ عَشَرَ” ini dengan bilangan malaikat yang ditugaskan untuk menjaga

neraka Saqar.<sup>39</sup> Manakala menurut al-Qurtubi di dalam tafsirnya, ayat ini menyebutkan

<sup>37</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 352.

<sup>38</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994) 8:339.

<sup>39</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudhin, *Tafsir Jalalain*, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014) 2:1203.

bahawa malaikat yang berjumlah sembilan belas tersebut adalah para ketua. Sedangkan jumlah para malaikat yang sebenar tidak ada yang ketahui melainkan Allah.<sup>40</sup>

Pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa terhadap “تِسْعَةَ عَشَرَ” yang disebutkan di dalam al-Quran ini adalah berdasarkan ketaksuban beliau terhadap angka 19 itu sendiri apabila beliau telah menemukan beberapa penemuan setelah beliau memasukkan keseluruhan al-Quran ke dalam komputer yang berjenama Hewlett-Packard HP-1000 E-Series.<sup>41</sup> Selain itu, Rashad Khalifa turut menambah bahawa kemukjizatan angka kod 19 ini membawa lima objektif. Hal ini berdasarkan firman Allah:

وَمَا جَعَلْنَا أَصْحَابَ النَّارِ إِلَّا مَلَائِكَةً وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِلَّذِينَ  
كَفَرُوا لِيَسْتَيَقِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَيَزِدَّادَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِيمَانًا وَلَا  
يَرْتَابَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَلِيَقُولَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ  
وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي  
مَن يَشَاءُ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرَى لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

Dan (ketahuilah bahawa hikmat) Kami tidak menjadikan pengawal-pengawal neraka itu melainkan (dari kalangan) malaikat, (kerana merekalah sekuat-kuat dan sebenar-benar makhluk yang menjalankan perintah Kami); dan (hikmat) Kami tidak menerangkan bilangan mereka melainkan dengan satu bilangan yang menyebabkan kesesatan dan kesengsaraan orang-orang kafir itu, supaya orang-orang yang diberi Kitab (Yahudi dan Nasrani) boleh percaya dengan yakin (akan kebenaran al-Quran), dan supaya orang-orang yang beriman bertambah imannya; dan juga supaya orang-orang yang diberi Kitab dan orang-orang yang beriman itu tidak ragu-ragu (tentang kebenaran keterangan itu); dan (sebaliknya) supaya orang-orang (munafik) yang ada penyakit (ragu-ragu) dalam hatinya dan orang-orang kafir berkata: "Apakah yang di maksudkan oleh Allah dengan menyebutkan bilangan ganjil ini?" Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya), dan

<sup>40</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 19:564

<sup>41</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981), 1.

memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia lah sahaja. Dan (ingatlah, segala yang diterangkan berkenaan dengan) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia. (al-Muddaththir 74:31)

Berdasarkan ayat al-Quran ini Rashad Khalifa telah mengeluarkan lima objektif yang ditemui oleh beliau di dalam ayat ini bagi angka kod 19 iaitu<sup>42</sup>:

1. Azab bagi orang-orang kafir.
2. Untuk meyakinkan orang Yahudi dan Kristian bahawa al-Quran adalah kitab suci.
3. Menguatkan iman orang-orang yang beriman.
4. Untuk menghilangkan segala keraguan dari hati orang Islam, Nasrani dan Yahudi tentang keaslian dan keutuhan al-Quran.
5. Untuk mendedahkan orang-orang munafik dan orang-orang kafir kerana mereka tetap tidak acuh walaupun terdapat bukti fizikal yang hebat.

Lima objektif ini adalah merujuk kepada angka kod 19 yang ditemui oleh beliau yang didakwa sebagai bukti fizikal yang hebat yang telah ditemui oleh beliau. Tambahan beliau lagi berdasarkan ayat al-Quran ini, tiada yang mengetahui bilangan para malaikat meskipun malaikat itu sendiri tidak mengetahui bilangan mereka. Hanya Allah sahaja yang mengetahui bilangan para malaikat ini.<sup>43</sup> Oleh itu pentafsiran ulama tafsir terhadap bilangan 19 para malaikat penjaga neraka telah dianggap bersifat sementara oleh Rashad Khalifa sehinggalah penemuan beliau terhadap kemukjizatan angka kod 19 ini yang mana telah dianggap sebagai tafsiran terkini oleh beliau.<sup>44</sup>

Pentafsiran Rashad Khalifa mengenai angka kod 19 ini hanyalah berlandaskan kepada hawa nafsu dan ketaksuban beliau terhadap angka 19 yang mana pentafsiran

---

<sup>42</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 352.

<sup>43</sup> Ibid, xv.

<sup>44</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: Visual Presentation of the Miracle* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 7.

beliau ini adalah bertentangan dengan pentafsiran ulama-ulama tafsir. Pada awalnya beliau ingin membuktikan angka kod 19 menunjukkan kemukjizatan al-Quran dan pada akhirnya telah membawa beliau kepada pengakuan sebagai seorang rasul dengan membawa mukjizat angka kod 19 ini. Seperti diyakini oleh umat Islam bahawa Nabi Muhammad adalah nabi dan rasul yang terakhir. Begitu juga dengan mukjizat al-Quran yang merupakan mukjizat yang agung dan mustahil bagi makhluk untuk mendatangkan sebuah kitab seperti al-Quran meskipun gabungan seluruh jin dan manusia.<sup>45</sup> Manakala kemukjizatan angka kod 19 yang ditemui oleh Rashad Khalifa adalah bersumberkan *ijtihad* beliau sendiri melalui penemuan beliau. Meskipun penemuan angka kod 19 ini dijumpai oleh Rashad Khalifa setelah memasukkan keseluruhan ayat al-Quran ke dalam komputernya, namun beliau telah menggunakan kaedah matematik dan komputer berserta pemikiran beliau yang berlandaskan hawa nafsu yang merosakkan pentafsiran al-Quran. Kemudian beliau mengaku bahawa angka kod 19 ini sebagai mukjizat dan ia jelas bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dan merupakan akidah yang sesat.<sup>46</sup>

#### **4.2 Pemikiran Rashad Khalifa berkaitan Pentafsiran Al-Quran di dalam Karya *Quran : Hadith And Islam***

Rashad Khalifa dikenali sebagai salah seorang golongan *Quraniyyun* iaitu mereka yang menolak hadith pada zaman moden ini. Golongan *Quraniyyun* ini bukanlah sesuatu yang baru di dalam Islam kerana ia sudah wujud sejak dari zaman dahulu lagi. Pada tahun 1902, sebuah gerakan telah diasaskan oleh Abdullah Jakrawali dan gerakan ini

---

<sup>45</sup> Bayan Linnas, Al-Quran : Kalamullah Yang Mukjizat, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>

<sup>46</sup> Jakim, Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* , laman sesawang Jakim, diakses 4 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>

telah mendapat sokongan daripada beberapa pihak yang turut mempunyai pemikiran yang sama dengan beliau termasuklah Rashad Khalifa. Golongan *Quraniyyun* ini mendakwa bahawa al-Quran sudah cukup sempurna dalam kehidupan manusia tanpa memerlukan hadith-hadith daripada Nabi Muhammad<sup>47</sup>. Hal ini adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar iaitu umat Islam hendaklah berpegang kepada al-Quran dan al-sunah agar tidak tersasar daripada ajaran Islam yang sebenar. Hadith merupakan sumber Islam yang kedua terbesar selepas al-Quran dan menjadi tempat rujukan kepada umat Islam sejak dari zaman Nabi Muhammad dan para sahabat lagi. Namun disebabkan golongan-golongan seperti ini telah menyebabkan hadith-hadith nabi pada masa kini telah dipertikaikan kedudukannya.

Rashad Khalifa telah mengeluarkan satu karya tentang al-Quran dan hadith ini yang berjudul *Quran : Hadith And Islam*. Karya ini membahaskan tentang dalil-dalil dari al-Quran dan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang menolak hadith-hadith dari Nabi Muhammad. Rashad Khalifa menganggap bahawa hadith dan sunnah ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar dan ia adalah daripada syaitan.<sup>48</sup> Tambahan beliau lagi, agama Islam ini telah rosak disebabkan tradisi periwayatan hadith ini kerana menganggap ia ibarat penyembahan manusia kepada Nabi. Bukan agama Islam sahaja yang diperumpamakan seperti itu, malahan agama-agama lain juga turut dikaitkan seperti agama Yahudi, Kristian, Hindu, Budha dan lain-lain lagi.<sup>49</sup> Selain itu, Rashad khalifa juga telah mengeluarkan pendapat-pendapat beliau tentang beberapa isu lain termasuk tentang al-Quran. Oleh itu penulis akan mengeluarkan beberapa isu yang terdapat di dalam karya Rashad Khalifa ini untuk dibahaskan di sini.

---

<sup>47</sup> Abur Hamdi Usman et.al, *Golongan Quraniyyun (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam)*, (KUIS, Selangor, 2018), 31

<sup>48</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982) Preface.

<sup>49</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), Proclaiming.



#### 4.2.1 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Al-Quran

Rashad Khalifa merupakan seorang yang menganggap bahawa al-Quran sahaja sudah cukup dalam membimbing manusia ke jalan yang benar. Beliau juga menganggap bahawa satu Tuhan bersamaan dengan satu sumber. Oleh itu Tuhan di dalam Islam hanyalah Allah yang Maha Esa, maka sumber bagi agama Islam ini hanyalah al-Quran. Tambahan lagi, beliau telah mendatangkan dalil mengenai penerimaan mana-mana sumber lain selain daripada al-Quran adalah seperti penyembahan Tuhan selain Allah. Di antara dalil al-Quran yang didatangkan oleh beliau adalah Firman Allah:

قُلْ أَى شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَتَيْنَكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ إِلَهَةً أُخْرَى قُلْ لَا أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ وَإِنِّى بَرِءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

Bertanyalah (wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?" (Bagi menjawabnya) katakanlah: "Allah menjadi Saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaku al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu. Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa Tuhan yang lain bersama-sama Allah?" Katakanlah: "Aku tidak mengakuinya". Katakanlah lagi: "Hanyasanya Dia lah sahaja Tuhan Yang Maha Esa, dan sesungguhnya aku adalah berlepas diri apa yang kamu sekutukan (dengan Allah Azza Wa Jalla)". ( al-An'am 6:19)

*"Say (O Muhammad), Whose testimony is greater?' Say. 'God is the witness between men and you that THIS QURAN was given to me to preach it to you, and to whomever it reaches. 'However, you certainly bear witness that you set up other gods beside God (by upholding other sources beside Quran). Say, I will never do what you are doing, I disown your idol worship.<sup>50</sup>*

Berikut merupakan dalil yang didatangkan oleh Rashad Khalifa yang mengagungkan al-Quran dengan menganggap bahawa al-Quran adalah satu-satunya sumber yang boleh menjadi rujukan oleh setiap manusia. Hal ini telah menyebabkan beliau mencipta kemukjizatan angka kod 19 daripada al-Quran. Namun dapat dilihat di

<sup>50</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 4.

sini Rashad Khalifa seorang yang tidak berpendirian teguh dalam menetapkan bahawa al-Quran adalah satu-satunya sumber di dalam Islam. Hal ini kerana Rashad Khalifa telah menggunakan kaedah matematik dan numerologi dan membuat pentafsiran terhadap al-Quran. Selain itu beliau juga turut menggunakan kitab-kitab selain al-Quran dalam mentafsirkan ayat al-Quran seperti kitab *Bible* dan sebagainya. Seperti yang diketahui bahawa pada umat-umat sebelum umat Nabi Muhammad, Allah telah menurunkan kitab-kitab *Injil*, *Taurat* dan *Zabur*, namun kitab-kitab ini telah pun dirosakkan oleh musuh-musuh Allah. Sebagaimana firman Allah:

فَبِمَا نَقْضِهِمْ مِيثَاقَهُمْ لَعَنَّاهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَاسِيَةً يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ وَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذُكِّرُوا بِهِ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَى خَائِنَةٍ مِنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

Maksudnya : Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, kami laknatkan mereka dan kami jadikan hati mereka keras membatu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah yang ada di dalam kitab Taurat dengan memutarnya) dari tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar, dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya. Dan Engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.(al-Maidah 5:13)

Ayat ini menunjukkan bahawa kitab-kitab sebelum ini telah pun diubah dan telah dirosakkan. Berdasarkan tafsir al-Qurtubi, mereka menakwilkan firman Allah bukan dengan takwilnya dan kemudian mereka menyampaikan penakwilan tersebut kepada orang-orang yang jahil.<sup>51</sup> Oleh itu, Allah telah menurunkan al-Quran agar menjadi panduan dan petunjuk bagi umat Islam. Allah juga akan memelihara kitab al-

<sup>51</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 6:278

Quran ini sehinggalah ke hari akhirat kelak, agar tiada siapa yang dapat mengubahnya.<sup>52</sup> Namun dalam memahami dengan lebih jelas ayat-ayat al-Quran ini, Rashad Khalifa lebih tertarik menggunakan kitab-kitab lain sebagai rujukan sedangkan para ulama tafsir lebih mengutamakan hadith-hadith Nabi Muhammad daripada kitab-kitab agama lain. Meskipun terdapat beberapa ulama yang memasukkan *israiliyyat* di dalam pentafsiran mereka, namun mereka tidak mendahulukannya berbanding dalil dari al-Quran sendiri mahupun hadith-hadith Nabi. Hal ini adalah untuk menjaga akidah umat Islam agar tidak terpesong dari ajaran agama Islam yang sebenar.

Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad yang membawa manusia ke jalan yang benar. Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat *muhkamat* dan *mutasyabihat*. Penerangan kepada ayat-ayat *mutasyabihat* memerlukan kepada penjelasan yang disandarkan kepada hadith dan sunnah nabi. Selain itu kedudukan hadith dan sunnah adalah amat penting di sisi al-Quran dan ia tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain.<sup>53</sup> Selain al-Quran dan hadith yang menjadi sumber rujukan utama bagi umat Islam, para ulama bersepakat dalam penerimaan sumber *ijmak* dan juga *qiyas* di dalam hukum-hukum usul *fiqh*.<sup>54</sup> Oleh itu, dapat dilihat di sini meskipun al-Quran merupakan sumber utama di dalam Islam, namun hadith dan sunnah Nabi dan sumber-sumber hukum lain seperti *ijmak* dan *qiyas* ini tidak boleh ditolak dalam syariat Islam. Hal ini adalah untuk menjaga kemaslahatan umat Islam dan membimbing umat Islam ke jalan yang benar agar tidak terpesong dari ajaran Islam yang sebenar.

---

<sup>52</sup> Bayan Linnas, Al-Quran : Kalamullah Yang Mukjizat, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>

<sup>53</sup> Bayan Linnas, Kedudukan Sunnah Di Sisi Al-Qur'an, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>

<sup>54</sup> Irsyad Usul *Fiqh*, Sumber-Sumber Hukum Dalam Ilmu Usul Al-*Fiqh*, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/1530-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-3-sumber-sumber-hukum-dalam-ilmu-usul-al-fiqh>

#### 4.2.2 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Hadith

Rashad Khalifa merupakan salah seorang yang menolak hadith-hadith dan sunnah daripada Nabi Muhammad. Menurut Rashad Khalifa, hadith dan sunnah Nabi Muhammad ini merupakan ciptaan dan inovasi daripada syaitan yang bertentangan dengan perintah Allah dan ajaran agama Islam yang sebenar. Ajaran agama Islam yang sebenar menurut Rashad Khalifa adalah hanya berpegang dengan sumber al-Quran sahaja semata-mata.<sup>55</sup> Namun pendapat Rashad Khalifa ini bertentangan dengan ideologi yang dibawa oleh beliau iaitu teori angka kod 19. Di mana teori angka kod 19 ini adalah hasil daripada kiraan matematik dan numerologi yang dihasilkan beliau melalui al-Quran dengan memasukkan semua ayat al-Quran ke dalam komputer. Berbeza dengan hadith-hadith dan sunnah daripada Nabi Muhammad yang merupakan Nabi dan rasul kepada umat Islam seluruh dunia dan juga merupakan Nabi dan rasul yang terakhir sebelum berakhirnya alam dunia ini.

Dakwaan Rashad Khalifa yang menyatakan bahawa hadith Nabi merupakan satu rekaan dan inovasi adalah sangat bertentangan dengan akidah umat Islam dan merupakan akidah yang sesat yang termasuk di dalam golongan anti hadith yang menolak hadith dan sunnah nabi sebagai sebahagian daripada sumber syariat Islam.<sup>56</sup> Tambahan pula hadith-hadith nabi bukanlah sesuatu yang baru dan penulisan hadith ini telah bermula sejak dari zaman Nabi Muhammad dan telah mendapat keizinan daripada baginda. Kemudian hadith-hadith Nabi ini telah dibukukan dengan sistematik oleh para ulama' demi untuk menjaga khazanah ilmu hadith.<sup>57</sup> Nabi Muhammad

---

<sup>55</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), Preface.

<sup>56</sup> Jakim, Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, laman sesawang Jakim, diakses 5 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>

<sup>57</sup> Tashih Al-Mafahim, Benarkah Hadith Baru Muncul Setelah Kewafatan Nabi Muhammad SAW?, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tashih-al-mafahim/5356-tashih-al-mafahim-22-benarkah-hadith-baru-muncul-setelah-kewafatan-nabi-muhammad-saw>

merupakan seorang yang dipercayai sehingga baginda mendapatkan gelaran al-Amin.

Tambahan pula Allah telah berfirman di dalam al-Quran:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى  
وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ  
مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ  
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya : Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya). (al-Hasyr 59:7)

Ayat al-Quran ini merupakan salah satu dalil di dalam al-Quran yang menunjukkan bahawa Allah telah memerintahkan agar umat Islam untuk tetap patuh dengan apa yang diperintahkan dan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Maka hadith-hadith dan sunnah daripada Nabi Muhammad juga haruslah menjadi ikutan bagi umat Islam kerana Nabi Muhammad adalah contoh dan ikutan yang terbaik. Namun begitu, penerimaan hadith juga haruslah diteliti terlebih dahulu agar tidak salah memilih hadith-hadith yang palsu. Hal ini kerana musuh-musuh Islam telah berjaya memesongkan akidah umat Islam dengan hadith-hadith yang palsu. Oleh itu para ulama telah menapis hadith-hadith hingga dapat dibezakan di antara hadith yang *mutawatir* , hadith *sahih*, hadith *hasan*, hadith *dha'if*, hadith *mawdu'* dan hadith *ahad*. Hadith *mawdu'* adalah hadith palsu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad dengan pendustaan dan tanpa kaitan yang *hakiki* dengan Nabi Muhammad, maka ia harus

ditolak.<sup>58</sup> Namun hadith-hadith lain seperti hadith mutawatir dan hadith *sahih* yang mempunyai bilangan perawi yang ramai serta bersambung hendaklah diterima kerana tidak diterima akal sekiranya periwayatan yang bersambung dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan pada seorang perawi itu adalah bohong, maka wajib untuk menerimanya<sup>59</sup>. Namun Rashad Khalifa telah menolak semua hadith meskipun ia hadith yang mutawatir mahupun *sahih* dan hanya menerima al-Quran sebagai satu-satunya sumber agama Islam.<sup>60</sup> Menurut beliau hal ini adalah berdasarkan firman Allah:

قُلْ أَيْ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَتَيْنَكُمْ لَتُشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا أُخَرَى قُلْ لَا أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya : Bertanyalah (wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?" (Bagi menjawabnya) katakanlah: "Allah menjadi Saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaku al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu. Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa Tuhan yang lain bersama-sama Allah?" Katakanlah: "Aku tidak mengakuinya". Katakanlah lagi: "Hanyasanya Dia lah sahaja Tuhan Yang Maha Esa, dan sesungguhnya aku adalah berlepas diri apa yang kamu sekutukan (dengan Allah Azza Wa Jalla)".( al-An'am 6:19)

Berdasarkan ayat ini Rashad Khalifa mentafsirkan bahawa al-Quran merupakan satu-satunya sumber hukum kerana Allah telah menurunkan kitab al-Quran ini dengan terperinci. Oleh itu, beliau telah menolak penggunaan-penggunaan hadith dan hanya menerima al-Quran sebagai satu-satunya sumber di dalam Islam. Namun ia bertentang dengan ajaran agama Islam yang sebenar. Umat Islam wajib beriman dengan al-Quran merupakan kitab wahyu yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad sebagai petunjuk kepada seluruh umat Islam. Maka dalam perundangan Islam tidak dinafikan

<sup>58</sup> Abdul Hayei Bin Abdul Sukor, *Hadith Maudu' Sejarah dan Cara-cara Mengenalinya* (Kuala Lumpur, Jakim, 2015) 1-2.

<sup>59</sup> Budi Suhartawan & Muizzatul Hasanah, *Memahami Hadith Mutawatir Dan Hadith Ahad*, *Dirayah: Jurnal Ilmu Hadith* 3.1 (2022), 3-4.

<sup>60</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 4.

bahawa al-Quran merupakan sumber utama di dalam Islam. Namun tidak di nafikan juga bahawa hadith merupakan sumber kedua setelah al-Quran di dalam perundangan Islam. Hal ini kerana apabila ulama tafsir dan para *mufasir* tidak dapat memahami dengan lebih jelas maksud ayat al-Quran, maka mereka akan merujuk hadith-hadith Nabi untuk memahami ayat al-Quran dengan lebih jelas sebagaimana para sahabat merujuk kepada Nabi ketika Nabi masih hidup. Tambahan pula di dalam al-Quran Allah telah menyebutkan dengan jelas. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (An-Nisa' 4:59)

Dalam ayat ini Allah dengan jelas menyebutkan agar kembali kepada al-Quran dan juga kepada rasulNya yang merujuk kepada hadith dan sunnah Nabi Muhammad sekiranya terdapat permasalahan. Di dalam tafsir al-Qurtubi menyatakan pendapat Mujahid, al-A'masy dan Qatadah bahawa mengembalikan hukumnya kepada al-Quran atau kepada Nabi dengan bertanya semasa baginda masih hidup atau meneliti sunnahnya setelah kewafatan baginda.<sup>61</sup> Ayat al-Quran ini tidak hanya merujuk kepada nabi semasa nabi masih hidup sahaja, kerana al-Quran merupakan wahyu Allah yang tetap, tidak berubah dan sesuai untuk sepanjang zaman sehingga ke akhirat kelak. Maka perintah Allah untuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah ini adalah terpakai

---

<sup>61</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 5:619

sepanjang zaman sehingga akhirat kelak. Hadith-hadith Nabi bukan sahaja memperjelas ayat-ayat al-Quran, malahan hadith-hadith Nabi memperkuat lagi dalil-dalil al-Quran agar keimanan umat Islam semakin bertambah. Di antara kepentingan hadith dan sunnah di sisi al-Quran adalah:<sup>62</sup>

1. Menguatkan lagi apa yang disebut di dalam al-Quran
2. Menghuraikan secara terperinci apa yang disebut di dalam al-Quran.
3. Mengkhususkan apa yang umum di dalam al-Quran.
4. Mengikat apa yang mutlak di dalam al-Quran.
5. Menyatakan hukum-hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran.

Oleh itu hadith dan sunnah tidak boleh dipisahkan daripada al-Quran kerana keduanya saling melengkapi. Al-Quran dan hadith merupakan sumber utama di dalam Islam yang menjaga akidah umat Islam dari terpesong daripada ajaran Islam. Selain itu juga kedua-dua sumber ini merupakan sumber utama di dalam menentukan hukum-hukum di dalam Islam dan juga perundangan-perundangan di dalam Islam. Sebagai umat Islam, al-Quran dan sunnah mahupun hadith-hadith Nabi hendaklah dipegang dengan kuat agar tidak terpesong akibat daripada hasutan-hasutan syaitan dan juga musuh-musuh Islam.

#### **4.2.3 Pemikiran Rashad Khalifa tentang Nabi Muhammad**

Rashad Khalifa dengan lantang dan berpendirian tegas telah menolak hadith-hadith Nabi Muhammad sebagai sumber kedua Islam, Namun Rashad Khalifa tidak menolak Nabi Muhammad sebagai utusan yang Allah turunkan kepada umat Islam dan telah diwahyukan al-Quran kepada baginda. Tetapi beliau hanya mengehadkan bahawa Nabi

---

<sup>62</sup> Bayan Linnas, Kedudukan Sunnah Di Sisi Al-Qur'an, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>



Muhammad hanya sebagai utusan dari Allah yang membawa al-Quran sahaja untuk disampaikan kepada manusia. <sup>63</sup>Tambah beliau lagi, meskipun Nabi Muhammad merupakan seorang utusan Allah namun Nabi Muhammad tidak lebih seperti manusia biasa juga. <sup>64</sup> Oleh itu mentaati Nabi Muhammad adalah mutlak hanya setakat pada wahyu al-Quran sahaja dan umat Islam harus mematuhi Nabi Muhammad hanya pada ucapan al-Quran sahaja dan bukan pada hadith mahupun sunnah seperti yang dilakukan oleh para ulama-ulama terdahulu. <sup>65</sup> Hal ini kerana menurut Rashad Khalifa apa yang dilakukan oleh para ulama terdahulu yang mengikuti hadith dan sunnah ini merupakan pemujaan terhadap Nabi Muhammad di luar kehendak Nabi Muhammad. Ini berdasarkan pentafsiran salah yang dibuat oleh para ulama tafsir dan para *mufasir* pada Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.(al-Ahzab 33:56)

*“God and His angels encourage the prophet the prophet. O you believe, you too shall encourage him, and support him completely.”*<sup>66</sup>

Berikut merupakan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa terhadap ayat al-Quran ini. Menurut Rashad Khalifa, disebabkan penyelewengan syaitan, kejahatan dan penyembahan berhala, ayat ini telah disalah tafsirkan sehingga menyebabkan umat Islam telah memuliakan dan mengagungkan Nabi Muhammad di luar kehendak Nabi Muhammad sendiri. Namun pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini

<sup>63</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 3.

<sup>64</sup> Ibid, 30.

<sup>65</sup> Ibid, 2-3.

<sup>66</sup> Ibid, 9.

bertentangan dengan pentafsiran ulama tafsir dan para *mufasir* lain seperti Tafsir Jalālayn mentafsirkan (يُصَلُّونَ) dengan berselawat kepada Nabi Muhammad iaitu:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat Nya berselawat untuk Nabi Muhammad. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kalian untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.<sup>67</sup>

Ayat ini menunjukkan penghormatan Allah dan para malaikat kepada Nabi Muhammad. Manakala di dalam kitab Ibnu Kathir menyatakan bahawa al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu al-‘Aliyah bahawa selawat Allah adalah pujian-Nya kepada Nabi di sisi para Malaikat dan selawat para malaikat adalah doa, manakala menurut Ibnu ‘Abbas, selawat mereka adalah meminta barakah.<sup>68</sup> Berbeza dengan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa di mana perkataan (يُصَلُّونَ) ini diertikan dengan *encourage* iaitu Allah dan para malaikat memberi semangat kepada Nabi Muhammad. Selain itu juga Rashad khalifa juga turut menegaskan bahawa perkataan (النَّبِيِّ) Nabi hanya merujuk kepada Nabi Muhammad ketika Nabi Muhammad masih hidup sahaja dan setelah kewafatan baginda, maka istilah tersebut tidak lagi merujuk kepada Nabi Muhammad.<sup>69</sup> Pentafsiran Rashad Khalifa ini jelas bertentangan dengan al-Quran dan al-sunah serta pegangan umat Islam iaitu yang meyakini bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi dan rasul yang telah diutuskan Allah kepada umat Islam. Hal ini kerana Nabi Muhammad merupakan Nabi dan Rasul yang terakhir yang diutuskan Allah sebagaimana firman Allah:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ  
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٥٠﴾

<sup>67</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994), 6:522.

<sup>68</sup> Ibid, 6:519.

<sup>69</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 9.

Maksudnya : Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (al-Ahzab 33:40)

Ayat ini jelas menyebut bahawa Nabi Muhammad adalah penutup kepada para Nabi dan rasul dan tidak akan lahir lagi Nabi dan rasul selepas Nabi Muhammad. Dalam tafsir al-Qurtubi, ayat ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi yang terakhir, penutup segala Nabi dan tidak ada Nabi lagi setelah Nabi Muhammad. Bahkan Imam Ghazali dalam kitabnya al-Iqtishad mengatakan bahawa orang yang tidak meyakini bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi terakhir adalah sesat dan ingkar serta mempunyai niat jahat untuk merosakkan akidah umat Islam.<sup>70</sup> Meskipun Nabi Isa akan turun di akhir zaman, namun ia tidak memutuskan syariat Nabi Muhammad yang akan kekal sehingga ke akhirat kelak dan umat Islam merupakan umat yang terakhir sebelum berakhirnya dunia ini. Maka dakwaan Rashad Khalifa ini jelas bertentangan dengan apa yang disyariatkan oleh agama Islam iaitu Nabi Muhammad adalah satu-satunya Nabi dan rasul kepada umat Islam yang merupakan penutup segala nabi dan rasul.

Kedudukan Nabi Muhammad di dalam Islam bukan sahaja Nabi dan rasul yang terakhir, namun baginda mempunyai kedudukan dan martabat yang tertinggi sebagai makhluk yang paling mulia di dalam Islam. Nabi Muhammad juga merupakan rahmat bagi sekalian alam.<sup>71</sup> Kenyataan Rashad Khalifa bahawa Nabi Muhammad adalah manusia biasa adalah akidah yang terpesong dan sesat daripada ajaran agama Islam dan ibarat menghina Nabi Muhammad. Hukum menghina dan mencerca Nabi Muhammad adalah haram di dalam Islam dan wajib dibunuh sekiranya tidak bertaubat. Umat Islam juga wajib untuk mempertahankan kedudukan dan kemuliaan Nabi Muhammad daripada

---

<sup>70</sup> Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkāmīl Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008), 14:492

<sup>71</sup> Dr. Saadi Awang, "Keajaiban Maulidurrasul SAW" (Jakim: Buletin Khas Maulidurrasul SAW 1442H-2020M, Jakim, 7 Oktober 2022), 20.

tuduhan-tuduhan yang tidak berasas seperti Rashad Khalifa ini agar kesucian Islam terus terpelihara dan tidak diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh Islam.<sup>72</sup>

## Penutup

Oleh itu dapat disimpulkan di dalam karya-karya Rashad khalifa ini, beliau telah mengeluarkan dalil-dalil al-Quran dan hujah-hujah serta pendapat beliau mengenai keagungan al-Quran. Meskipun beliau tidak menafikan bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah yang telah diturunkan kepada umat Islam. Namun pandangan beliau terhadap Nabi Muhammad hanyalah sebatas seorang manusia biasa yang telah diturunkan al-Quran kepadanya untuk disampaikan kepada manusia. Oleh itu secara tidak langsung hadith-hadith, sunnah-sunnah serta keagungan dan kemuliaan Nabi Muhammad ini telah dianggap rekaan semata-mata seperti penyembahan berhala oleh umat-umat terdahulu sebagaimana agama Kristian pada masa kini yang menyembah Jesus sebagai Tuhan mereka. Kenyataan-kenyataan Rashad Khalifa sama ada di dalam *Quran : The Final Testament* dan *Quran : Hadith And Islam* ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam dan terpesong daripada Akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Hal ini kerana pentafsiran-pentafsiran beliau ini lebih mengutamakan logik akal dan angka kod 19 yang ditemui oleh beliau berdasarkan nafsu dan sifat taksub sehingga menyebabkan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa jelas bertentangan dengan pentafsiran-pentafsiran ulama-ulama tafsir yang muktabar. Oleh itu, jelas bahawa Rashad Khalifa telah melakukan satu penyelewengan di dalam pentafsiran al-Quran di dalam karya yang dihasilkan oleh beliau.

---

<sup>72</sup> Bayan Linnas, Rasulullah SAW: Jangan Sekali-kali Menghina Baginda!, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/1776-bayan-linnas-siri-55-rasulullah-saw-jangan-sekali-kali-menghina-baginda>

## **BAB 5: ANALISIS PENGARUH PEMIKIRAN RASHAD KHALIFA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN DI MALAYSIA.**

### **Pendahuluan**

Pemikiran Rashad Khalifa telah tersebar ke seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali menerima pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini. Oleh itu, di dalam bab ini penulis akan menganalisis pengaruh pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran yang telah tersebar di Malaysia. Penulis juga akan menganalisis dan membuat perbandingan pemikiran Rashad Khalifa dengan karya E-Bacaan oleh Othman Ali dan karya *The ESQ Way 165* oleh Ary Ginanjar. Berikut merupakan beberapa pemikiran Rashad Khalifa yang penulis jumpai di Malaysia.

### **5.1 Pengaruh Pemikiran Rashad Khalifa di Malaysia**

Penemuan Rashad Khalifa terhadap angka kod 19 ini merupakan satu kejutan bagi semua umat Islam di seluruh dunia. Pada awalnya, terdapat beberapa ilmuwan Islam yang turut teruja dengan penemuan Rashad Khalifa ini sehingga ada yang menerbitkan karya-karya menunjukkan penemuan angka kod 19 yang ditemui oleh Rashad Khalifa seperti Ahmad Deedat yang menghasilkan karya *Al-Quran The Ultimate Miracle* yang membawakan kemujizatan angka kod 19 ini. Selain Ahmad Deedat masih ramai lagi yang mengagumi penemuan Rashad Khalifa ini. Rashad khalifa mempunyai sahabat yang setia dalam memperjuangkan pemikiran-pemikiran beliau meskipun beliau telah meninggal dunia iaitu Edip Yuksel. Selain itu, beliau mempunyai pengikut-pengikut yang masih aktif sehingga kini yang digelar *Submission*. Pengikut-pengikut ini lah yang

setia menyebarkan pemikiran-pemikiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa ini di media-sosial yang dapat diakses oleh seluruh dunia.

Di Malaysia, Kassim Ahmad merupakan tokoh yang pertama membawa masuk pemikiran dan pentafsiran Rashad Khalifa di Malaysia kerana mengagumi penemuan Rashad Khalifa mengenai kemukjizatan angka kod 19. Angka kod 19 ini telah menunjukkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri sekaligus menjadi bukti bahawa al-Quran itu sudah cukup sempurna bagi umat Islam tanpa memerlukan hadith-hadith nabi.<sup>1</sup>Pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa juga turut mempengaruhi Kassim Ahmad. Di antara pengaruh dari Rashad Khalifa yang kuat mempengaruhi Kassim Ahmad adalah mengenai Quran dan juga hadith dari Nabi Muhammad iaitu beliau telah menolak hadith yang dianggap seperti mensyirikkan Allah kerana diibaratkan seperti menyekutukan Allah.<sup>2</sup>Kassim Ahmad juga berpendapat bahawa warisan sebenar dari Nabi Muhammad hanyalah al-Quran dengan menyatakan bahawa hadith yang sebenar adalah al-Quran sahaja. Hal ini kerana menurut Kassim Ahmad, al-Quran sudah cukup sempurna bagi umat Islam tanpa memerlukan hadith Nabi Muhammad yang dianggap palsu.<sup>3</sup>Pemikiran-pemikiran ini merupakan pemikiran-pemikiran daripada Rashad Khalifa berdasarkan pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran yang telah berjaya mempengaruhi Kassim Ahmad.

Kassim Ahmad merupakan seorang yang berpengaruh di Malaysia dan telah menubuhkan sebuah persatuan yang dikenali sebagai Jemaah Al-Quran Malaysia (JAM) pada tahun 1995. Oleh itu pengaruh-pengaruh dan pemikiran Rashad Khalifa ini sempat disebarkan sebelum akhirnya persatuan ini ditutup. Pemikiran yang dibawa oleh Kassim

---

<sup>1</sup> Rosni Wazir et. al, Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf , 1st Inhad Muzakarah And Mukhtar On Hadith (IMAM 2016), 6.

<sup>2</sup> Abur Hamdi Usman et.al, Golongan *Quraniyyun* (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam), (KUIS, Selangor, 2018), 38.

<sup>3</sup> Rosni Binti Wazir et.al, Analisis Pemahaman Golongan Antihadith Di Malaysia Terhadap Hadith, (Seminar Inhad International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith, KUIS, 2016), 12-15.

Ahmad adalah berbentuk anti hadith dan juga *Quraniyyun* seperti yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Hal ini dapat dilihat apabila Kassim Ahmad berpandangan bahawa:

“Memadai kita dengan al-Quranul Karim, al-Quran sudah cukup manakala hadith Nabi datang dari mulut manusia, dalam al-Quran mengatakan bahawa “Kami tidak meninggalkan suatu pun dalam al-Quran” maknanya al-Quran telah merangkumi dan menjelaskan segala-galanya, juga firman Allah “Dia (Muhammad) tidak bercakap sesuatu mengikut hawa nafsunya, melainkan adalah wahyu yang diwahyukan oleh Allah ke atasnya” (al-Najm: 3-4)<sup>4</sup>

Pandangan Kassim Ahmad ini bersamaan dengan Rashad Khalifa yang menganggap bahawa al-Quran adalah satu-satunya sumber yang boleh dijadikan rujukan bagi umat Islam.<sup>5</sup> Manakala hadith dan sunnah Nabi Muhammad menurut Rashad Khalifa adalah ciptaan dan inovasi syaitan yang bertentangan dengan perintah Allah untuk berpegang dengan sumber al-Quran sahaja semata-mata.<sup>6</sup> Kassim Ahmad juga berpendapat bahawa al-Quran melarang untuk mempercayai hadith selain al-Quran. Hadith yang dimaksudkan di sini adalah al-Quran.<sup>7</sup> Pandangan Kassim Ahmad ini juga bersamaan dengan pandangan Rashad Khalifa yang menganggap bahawa satu-satunya hadith yang sah di dalam Islam adalah al-Quran.<sup>8</sup> Selain itu, terdapat satu temubual di antara Kassim Ahmad bersama sekumpulan penyelidik, di mana Kassim Ahmad mengangkat Rashad Khalifa dengan menyatakan bahawa Rashad Khalifa telah mengkaji al-Quran melalui komputer dan meletakkan keseluruhan al-Quran di dalam komputer sehingga berjaya menemui kod 19 yang dianggap sebagai mukjizat al-Quran.

---

<sup>4</sup> Rosni Wazir et. al, Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf , 1st Inhad Muzakarah And Mukhtar On Hadith (IMAM 2016), 11-12

<sup>5</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 4.

<sup>6</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), Preface.

<sup>7</sup> Abur Hamdi Usman et.al, *Golongan Quraniyyun* (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam), (KUIS, Selangor, 2018), 35.

<sup>8</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 24.

Tambahan beliau lagi, tafsiran Rashad Khalifa ini adalah satu kaedah saintifik yang munasabah, logikal dan rasional.<sup>9</sup>

Kemudian pemikiran-pemikiran ini telah disebarkan kepada rakyat Malaysia melalui karya, media massa, wacana dan sebagainya. Pemikiran Rashad Khalifa yang dibawa oleh Kassim Ahmad ini turut mempengaruhi beberapa sahabatnya, antaranya Othman Ali dengan karya 'Bacaan', Idris Abdul Rahman melalui penulisan 'Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu -Hadith di dalam al-Quran' dan fahaman Abdul Manan Harun pada tahun 1985.<sup>10</sup>

Namun pemikiran dan pengaruh daripada Rashad Khalifa yang tersebar melalui Kassim Ahmad ini telah diharamkan oleh kerajaan Malaysia kerana telah difatwakan sesat dan bertentangan dengan akidah, *syariah* dan *akhlak Islamiyyah*. Pengharaman ini adalah dalam segala bentuk sama ada media cetak mahupun elektronik pada tahun 1996.<sup>11</sup> Pemikiran-pemikiran serta pentafsiran-pentafsiran Rashad Khalifa yang telah mempengaruhi dan tersebar di Malaysia diharamkan di Malaysia kerana ia berkaitan dengan akidah yang bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Di mana *i'tiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah* adalah berpegang kepada al-Quran dan hadith. Namun Rashad Khalifa dengan terang dan jelas telah menolak hadith-hadith Nabi Muhammad. Malahan turut menuduh hadith-hadith Nabi adalah palsu dan rekaan syaitan.<sup>12</sup>

Tambahan pula Rashad Khalifa telah menolak bahawa Nabi Muhammad merupakan nabi terakhir yang akhirnya membawa kepada dakwaan bahawa beliau merupakan seorang rasul yang diutuskan dengan mukjizat angka kod 19 yang telah ditemui oleh beliau. Dakwaan-dakwaan beliau ini jelas bertentangan dan menyalahi

---

<sup>9</sup> Rosni Wazir et. al, Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf, 1st Inhad Muzakarah And Mukhtar On Hadith (IMAM 2016), 6

<sup>10</sup> Ibid, 6-7.

<sup>11</sup> Jakim, Fatwa Mengenai Golongan Anti-Hadith, diakses 3 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11262>

<sup>12</sup> Rashad Khalifa, Qur'an, Hadith and Islam (Tucson, Islamic Productions, 1982) 23



pegangan serta *i'tiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah* dan merupakan akidah yang sesat.<sup>13</sup> Nabi Muhammad merupakan nabi dan rasul yang terakhir dan ini merupakan *i'tiqad* bagi umat Islam di seluruh dunia. Maka tiada nabi mahupun rasul yang diutuskan Allah setelah kewafatan Nabi Muhammad. Mendakwa kenabian setelah Nabi Muhammad boleh membawa kepada kufur dan hendaklah bertaubat dan kembali kepada jalan yang benar.<sup>14</sup>

Tetapi meskipun pemikiran dan pengaruh daripada Rashad Khalifa ini telah diharamkan oleh JAKIM, namun Othman Ali yang telah menghasilkan sebuah karya Bacaan yang mengandungi pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa ini telah menghasilkan satu laman sesawang yang berisi karya Bacaan ini secara digital dan diberikan nama E-Bacaan.<sup>15</sup> Karya E-Bacaan digital ini telah diterbitkan sejak dari tahun 2002 dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Sehingga kini lama sesawang tersebut masih wujud dan masih boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Hal ini boleh menyebabkan pengaruh-pengaruh dari Rashad Khalifa terus tersebar di Malaysia dan menjadi rujukan kepada saki baki pengikut-pengikut Kassim Ahmad mahupun Rashad Khalifa. Selain daripada karya E-Bacaan digital, terdapat juga karya *The ESQ Way 165* yang mengandungi ideologi Rashad Khalifa mengenai kemukjizatan angka kod 19.<sup>16</sup> Meskipun karya yang mengandungi teori Rashad Khalifa ini telah diharamkan di Malaysia, namun karya ini masih boleh didapati di peperpustakaan-perpustakaan universiti di Malaysia seperti di Universiti Malaya dan Universiti Islam Selangor. Selain itu, karya ini juga boleh diperolehi melalui jual beli di dalam talian seperti penjualan secara online di Shopee.

---

<sup>13</sup> Jakim, Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, laman sesawang Jakim, diakses 4 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>

<sup>14</sup> Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Hukum Mendakwa Menjadi Nabi Palsu, diakses di laman sesawang Maktabah Al-bakri, diakses 3 Oktober 2023, <https://maktabahalbakri.com/1104-hukum-mendakwa-menjadi-nabi-palsu/>

<sup>15</sup> Othman Ali, *E-Bacaan*, laman sesawang E-Bacaan, diakses 3 Oktober 2023, <http://www.e-bacaan.com/>

<sup>16</sup> Ary Ginanjar Agustian, *The ESQ Way 165* (Jakarta: Arga Publishing, 2008), 187.

Farouk A Peru yang berasal dari Pulau Pinang Malaysia tetapi tinggal di United Kingdom juga dilihat turut dipengaruhi dengan pemikiran Rashad Khalifa memandangkan beliau juga mengagumi pemikiran Kassim Ahmad setelah mengenali beliau sejak 1997 dan merupakan salah seorang *Quraniyyun*. Meskipun dua tahun kemudian Farouk A Peru telah mengambil jalan yang berbeza daripada Kassim Ahmad kerana berpendapat bahawa pendekatan Kassim Ahmad lebih kepada saintifik, manakala beliau lebih kepada pendekatan intuitif. Namun Farouk A Peru masih lagi menganggap beliau sebagai seorang ahli falsafah yang hebat.<sup>17</sup> Pemikiran Farouk A Peru yang mempunyai pengaruh daripada Rashad Khalifa dapat dilihat pada pendapat beliau mengenai penolakan hadith meskipun beliau menolak teori kod angka 19 dari Rashad Khalifa. Beliau juga seperti Kassim Ahmad yang menolak hadith dan berpegang kepada al-Quran sahaja.<sup>18</sup> Menurut beliau juga, sebagai *Quraniyyun* Nabi Muhammad dianggap sebagai manusi biasa dan bukanlah manusia yang terpilih.<sup>19</sup> Pendapat Farouk A Peru ini tidak jauh berbeza dengan pendapat Rashad Khalifa yang menganggap bahawa Nabi Muhammad tidak lebih seperti manusia biasa meskipun Nabi Muhammad adalah utusan Allah.<sup>20</sup> Walaupun Farouk A Peru sudah tidak tinggal di Malaysia, namun pemikiran dan pendapat beliau masih lagi dapat dilihat di media sosial Malaysia seperti di *Malay Mail*, *Free Malaysia Today* dan *Tik Tok*.

---

<sup>17</sup> Farouk A Peru, "The passing of a world class philosopher" laman sesawang Malaymail, diakses 20 September 2024, <https://www.malaymail.com/news/opinion/2017/10/13/the-passing-of-a-world-class-philosopher/1485977>

<sup>18</sup> Mariam Mokhtar, "This is Farouk A Peru's response to Zaid R Rashid Quranist Alaf Baru" laman sesawang Rebuilding Malaysia, diakses 20 September 2024, <https://www.mariammokhtar.com/farouk-a-peru-slams-zaid-r-rashids-quranist-alaf-baru/>

<sup>19</sup> Farouk A Peru, "Why I Reject The Narrative Of A Chosen One" laman sesawang Patheos, diakses 20 September 2024, <https://www.patheos.com/blogs/personalislam/2017/01/reject-narrative-chosen-one/>

<sup>20</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982), 30.

## 5.2 Pemikiran Rashad Khalifa dalam karya E-Bacaan

Karya E-bacaan merupakan karya digital berdasarkan daripada karya asal Bacaan yang dihasilkan oleh Othman Ali. Othman Ali merupakan sahabat kepada Kassim Ahmad dan seperti yang diketahui umum, Kassim Ahmad merupakan salah seorang yang terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa dan bertanggungjawab dalam penyebaran pemikiran Rashad Khalifa di Malaysia. Oleh itu, Othman Ali juga tidak terlepas daripada terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh Rashad Khalifa. Pada awalnya Othman Ali telah menerbitkan sebuah karya Bacaan iaitu karya terjemahan al-Quran dalam bahasa melayu. Karya Bacaan yang dihasilkan oleh Othman Ali ini merupakan hasil daripada 10 tahun kajian beliau terhadap al-Quran dan kemudian dicetak oleh Omar Brothers Publication (Pte.) Ltd pada tahun 1995.<sup>21</sup> Tetapi karya Bacaan oleh Othman Ali ini telah diwartakan haram oleh Kementerian Dalam Negeri daripada diterbitkan di Malaysia kerana terjemahan ini tidak disertakan dengan teks bahasa Arab dan terjemahannya tidak dirujuk kepada kitab-kitab tafsir muktabar terlebih dahulu.<sup>22</sup>

Oleh itu, karya Bacaan ini tidak boleh didapati di mana-mana kedai buku di Malaysia, namun penulis Bacaan iaitu Othman Ali telah menghasilkan satu laman sesawang yang berisi karya Bacaan ini secara digital dan diberikan nama E-Bacaan. Di dalam E-Bacaan ini sesiapa sahaja boleh mengakses laman sesawang ini dan mendapatkan karya Bacaan secara digital sejak dari tahun 2002. Menurut Othman Ali, beliau telah merujuk beberapa kitab terjemahan al-Quran iaitu Karya A. Hassan, Dr. H. Mahmud Yunus, H. B. Jassin, H. Zainuddin Hamidy, M. Said, Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/Pentafsir al-Quran (Projek Departemen Agama RI) dan TNI Angkatan Darat Indonesia (Penyusun Tim Disbintalad). Selain itu, beliau juga telah merujuk

---

<sup>21</sup> Othman Ali, *Bacaan* (tt, Omar Brothers Publication (Pte.) Ltd, 1995)

<sup>22</sup> Ammar Fadzil, *Anatomi Al-Quran* (Selangor : PTS Islamika 2007), 192.

beberapa karya Bahasa Inggeris yang terdiri daripada Abdullah Yussuf Ali, Ahmed Ali, Arthur J. Arberry, Dar al-Choura, Dr. Ahmad Zidan, Dr. Muhammad Taqiuddin al-Hilali, E.H. Palmer, George Sale, Hashim Amir Ali, J.M. Rodwell, Maulana Abdul Majid, Maulawi Maulana Muhammad Ali, M.H. Shakir, Muhammad Asad, Muhammed Marmaduke Pickthall, N.J. Dawood, Sher Ali, T.B. Irving, dua terjemahan Juz Amma oleh Sayyid Qutb, The Islamic Call Society Libya, dan dua terjemahan oleh Rashad Khalifa.<sup>23</sup>

Rajah 5.1



Sumber : Keratan Akhbar Mengenai Penulis Bacaan Jawab Tuduhan

Karya E-Bacaan ini bukan sahaja mengandungi terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu sahaja, malahan dalam E-Bacaan ini Othman Ali telah menghasilkan beberapa pentafsiran terhadap ayat al-Quran mengikut tema. Selain daripada pentafsiran beliau juga, terdapat beberapa penulis lain yang turut bersama-sama mengeluarkan pentafsiran-pentafsiran mereka terhadap ayat al-Quran. Othman Ali juga telah menjadikan laman sesawang ini untuk menjawab tuduhan-tuduhan wartawan yang dilemparkan kepada beliau dan terbuka kepada orang awam untuk bertanyakan soalan di *email* yang telah disediakan untuk beliau menjawab soalan-soalan tersebut. Di antara tuduhan yang dijawab oleh Othman Ali adalah mengenai terjemahan Rashad Khalifa yang telah beliau ambil. Othman Ali telah menyangkal bahawa karya Bacaan ini hanya bersumberkan daripada Rashad Khalifa sahaja. Menurut beliau terdapat 25 penterjemah

<sup>23</sup>Othman Ali, "Pengenalan", laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023, [http://www.e-bacaan.com/bacaan\\_pengenalan2.htm](http://www.e-bacaan.com/bacaan_pengenalan2.htm)

al-Quran lain yang menjadi rujukan beliau termasuk yang berpegangan Ahmadiyyah atau Qadiani, Muhammadiyah, seorang Kristian dan paderi.<sup>24</sup> Meskipun Othman Ali turut mengambil beberapa sumber terjemahan al-Quran lain, namun pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa juga turut dapat dilihat dalam terjemahan dan pentafsiran yang dibuat oleh beliau. Berikut merupakan beberapa ayat al-Quran yang mempunyai terjemahan dan pentafsiran yang mengandungi pemikiran-pemikiran serta pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa.

### 5.2.1 The Only God atau Syahadah menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali

Rukun Islam yang pertama bagi umat Islam di seluruh dunia adalah mengucap dua kalimah syahadah iaitu (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah persuruh Allah. Syahadah merupakan kesaksian dan kepercayaan seseorang itu dalam dalam keesaan Allah dan Nabi Muhammad sebagai rasulnya.<sup>25</sup> Mengucap dua kalimah syahadah merupakan rukun pertama daripada lima rukun Islam yang telah disyariatkan sejak dari zaman Nabi Muhammad lagi. Rukun Islam merupakan salah satu rukun yang telah diajarkan oleh Malaikat Jibril sebagaimana yang terdapat di dalam hadith *sahih* yang lebih dikenali sebagai hadith Jibril:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ

<sup>24</sup> Othman Ali, Penulis Bacaan Jawab Tuduhan, laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023, <http://www.e-bacaan.com/album950714.htm>

<sup>25</sup> E.Muallaf, Syahadah, laman sesawang e-Muallaf, diakses 20 Ogos 2023, [https://emuallaf.islam.gov.my/papar\\_maklumat.php?ID=22](https://emuallaf.islam.gov.my/papar_maklumat.php?ID=22)

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ : صَدَقْتُ، فَعَجَبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ : أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ صَدَقْتُ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ . قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا، قَالَ أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْخِفَاءَ الْعُورَةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّيْءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ، ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ : يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنِ السَّائِلِ ؟ قُلْتُ : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمَ . قَالَ فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ.

Maksudnya : Dari Umar radhiallahuanhu dia berkata : Ketika kami duduk disisi Rasulullah Sallallahu'alaihi wasallam suatu hari tiba-tiba datang seorang lelaki yang berbaju putih dan berambut sangat hitam, tiada padanya kesan perjalanan jauh dan tiada seorang pun di antara kami yang mengenalnya. Kemudian dia duduk di hadapan Nabi lalu merapatkan kedua lututnya dengan lutut Baginda dan meletakkan tapak tangannya dipaha seraya berkata: “ Ya Muhammad, khabarkan aku tentang Islam ?”, maka bersabda Rasulullah Sallallahu'alaihi wasallam : “ Islam adalah bersaksi bahawasanya tiada Tuhan yang disembah selain Allah, dan bahawasanya Nabi Muhammad adalah utusan Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, puasa Ramadhan dan pergi haji jika berkemampuan “, kemudian dia berkata: “ anda benar “. Kami semua hairan, dia yang bertanya dia pula yang membenarkan. Kemudian dia bertanya lagi: “Khabarkan aku tentang Iman “. Lalu beliau bersabda: “Engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhirat dan engkau beriman kepada takdir yang baik mahupun yang buruk “, kemudian dia berkata: “anda benar”. Kemudian dia berkata lagi: “Khabarkan aku tentang ihsan “. Lalu beliau bersabda: “Ihsan adalah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau”. Kemudian dia berkata: “Khabarkan aku tentang hari Kiamat (bila kejadiannya)”. Beliau bersabda: “Yang ditanya tidak lebih tahu dari yang bertanya “. Dia berkata: “Jadi khabarkan aku tentang tanda-tandanya “, beliau bersabda: “Jika seorang hamba melahirkan tuannya dan jika engkau melihat seorang bertelanjang kaki dan dada, miskin dan penggembala, yang kemudiannya berlumba-lumba meninggikan bangunannya “, kemudian orang itu berlalu dan aku berdiam sebentar. Kemudian Baginda (Rasulullah) bertanya: Tahukah engkau siapa yang bertanya?”. aku berkata: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui “. Baginda bersabda: “Dia adalah Jibril yang datang kepada kalian (bermaksud) mengajarkan agama kalian “.<sup>26</sup>

<sup>26</sup> Muhyiddin Yahya Bin Syaraf Nawawi, Hadith Arba'in Nawawiyah, Hadith No.2, terj. Abdullah Haidir (Riyadh : Ta'awani Lidakwah Watau'iyah Al-Jaliyat Bil Rabwah, 2010) 9.

Syahadah merupakan rukun yang wajib di dalam agama Islam kerana ia merupakan satu penyaksian yang besar dalam agama Islam di mana menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang berhak untuk disembah di muka bumi ini dan juga bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah utusan yang diutuskan Allah kepada seluruh umat Islam. Mengucap dua kalimah syahadah juga merupakan syarat utama bagi seseorang yang bukan Islam untuk menganut agama Islam. Ucapan syahadah juga disebutkan oleh umat Islam pada setiap hari di dalam ibadah solat. Meskipun syahadah ini merupakan satu penyaksian besar kepada Allah dan Nabi Muhammad, Rashad khalifa dan juga Othman Ali mempunyai pandangan yang berbeza terhadap ucapan syahadah ini.

Rashad Khalifa berpendapat bahawa ucapan (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا )

(رَسُولُ اللَّهِ) Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah persuruh Allah merupakan rukun Islam pertama Islam namun terdapat kesilapan pada pengucapannya. Beliau telah menolak penyaksian terhadap Nabi Muhammad sebagai rasul Allah di dalam syahadah yang disebutkan. Oleh itu, syahadah yang sebenar hanyalah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) iaitu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah. Ucapan (وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) merupakan satu yang syirik kerana menyebut selain nama Allah di dalam syahadah dan ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Menurut beliau hal ini adalah berdasarkan dalil yang terdapat di dalam al-Quran, firman Allah:

وَإِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَحْدَهُ اشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَإِذَا ذُكِرَ  
الَّذِينَ مِنْ دُونِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya : Dan (di antara keburukan orang-orang yang melakukan syirik): apabila disebut nama Allah semata-mata (di dalam doa dan sebagainya), segan serta liarliah hati mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat; dan apabila disebut nama-nama yang mereka sembah dan puja yang lain dari Allah, mereka dengan serta merta riang dan gembira. (az-Zumar 39:45)

Menurut pentafsiran Rashad Khalifa terhadap ayat al-Quran ini, sekiranya nama Allah sahaja yang disebut, maka hati orang-orang yang kufur kepada hari akhirat akan menjadi kecut, namun apabila nama orang lain disebut dengan-Nya, maka menjadi redha.<sup>27</sup> Rashad Khalifa menggunakan dalil ini untuk menolak penyaksian terhadap Nabi Muhammad yang disebut dengan nama Allah di dalam syahadah yang mana ia menyerupai seperti penyembahan selain daripada Allah. Selain itu beliau juga mendakwa bahawa agama ini adalah berasal daripada agama Nabi Ibrahim dan Nabi Muhammad masih tidak wujud lagi ketika zaman Nabi Ibrahim. Dalil yang didatangkan oleh beliau adalah Firman Allah:

وَمَنْ يَرْغَبْ عَنْ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ وَلَقَدْ اصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya : Tidak ada orang yang membenci agama Nabi Ibrahim selain dari orang yang membodohkan dirinya sendiri, kerana sesungguhnya Kami telah memilih Ibrahim (menjadi nabi) di dunia ini; dan sesungguhnya ia pada hari akhirat kelak tetaplah dari orang-orang yang soleh yang (tertinggi martabatnya). (al-Baqarah 2:130)

Berdasarkan ayat al-Quran ini juga beliau menentang bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi yang diutuskan Allah bagi umat Islam. Seperti yang dibincangkan pada sebelum ini Rashad Khalifa berpendapat bahawa dalam agama Islam terdapat tiga utusan iaitu Nabi Ibrahim, Nabi Muhammad dan Rashad Khalifa. Oleh itu sekiranya syahadah bagi Islam menyebut Nabi Muhammad sebagai rasul Allah, maka ia tidak selari dengan pendapat beliau ini yang menganggap bahawa Nabi Ibrahim adalah pengasas sebenar bagi agama Islam yang telah diutuskan Allah. Namun perbincangan

---

<sup>27</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 427.



tentang permasalahan ini penulis telah bincangkan di dalam bab sebelum ini. Maka dari sini Rashad Khalifa berpendapat bahawa penyaksian terhadap Nabi Muhammad di dalam syahadah adalah tidak mempunyai dalil dan asas serta ia adalah syirik.

Manakala Othman Ali pula berpendapat bahawa rukun Islam pertama iaitu syahadah ini tidak dirukunkan di dalam al-Quran. Memandangkan rukun Islam ini adalah bersumber daripada hadith nabi yang dikenali sebagai hadith Jibril dan tidak terdapat di dalam al-Quran, maka Othman Ali telah menolak syahadah sebagai rukun Islam. Oleh itu, untuk menjadi seorang yang Islam tidak perlu kepada syahadah kerana ia tidak dirukunkan dan tidak terdapat di dalam al-Quran. Menurut Othman Ali untuk menjadi seorang yang Islam hendaklah menerima petunjuk daripada Allah serta percaya kepada ayat-ayatnya iaitu merujuk kepada al-Quran. Namun Othman Ali tidak menentang sekiranya mereka yang berpegang kepada al-Quran untuk berpegang kepada syahadah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) iaitu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah. Namun beliau tidak bersetuju pada bahagian syahadah yang kedua (وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) iaitu penyaksian bahawa Nabi Muhammad adalah utusan dan rasul Allah. Tambah beliau lagi penyaksian tersebut merupakan ajaran daripada ulama-ulama palsu kerana kesaksian terhadap Nabi Muhammad sebagai rasul tidak perlu dilafazkan, cukup kesaksian kepada Allah sahaja. Di antara dalil yang dikeluarkan oleh Othman Ali tentang ini adalah Firman Allah:

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ  
وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya : Apabila orang-orang munafik datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata: "Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau - sebenar-benarnya Rasul Allah". Dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah RasulNya, serta Allah

menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta.  
(al-Munafiqun 63:1)

Menurut Othman Ali dalil al-Quran di atas menunjukkan bahawa sesiapa yang mengucapkan kalimah syahadah kedua ataupun kesaksian kepada Nabi Muhammad sebagai rasul Allah secara lafaz, maka mereka itu adalah orang-orang munafik seperti yang disebutkan di dalam ayat al-Quran ini. Tambah beliau lagi kesaksian terhadap kerasulan Nabi Muhammad merupakan penghalang kepada umat Islam untuk mengikuti ajaran Allah yang sebenar.<sup>28</sup> Pendapat Othman Ali terhadap syahadah termasuk dalam rukun Islam yang pertama adalah berbeza dengan Rashad Khalifa. Di mana, Othman Ali menolaknya sementara Rashad Khalifa menerimanya. Namun Othman Ali tidak menolak kebenaran keesaan Allah, dan beliau tidak menolak pendapat mereka yang berpegang kepada al-Quran termasuk Rashad Khalifa dalam bersyahadah menyaksikan keesaan Allah. Namun beliau menolak penyaksian terhadap Nabi Muhammad sebagai rasul Allah yang disebutkan di dalam kalimah syahadah oleh umat Islam. Pendapat ini bersamaan dengan pendapat Rashad Khalifa yang turut menolak penyaksian Nabi Muhammad sebagai rasul Allah. Kedua-duanya berpendapat bahawa sudah cukup kesaksian terhadap Allah sahaja tanpa menyebut Nabi Muhammad iaitu dengan lafaz syahadah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) iaitu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah.

### **5.2.2 Hadith menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali**

Hadith nabi merupakan sumber kedua di dalam Islam selepas sumber pertama iaitu al-Quran. hadith dari segi bahasa bererti khabar, kata-kata dan cerita. Manakala dari segi istilah pula hadith membawa erti sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad

---

<sup>28</sup> Othman Ali, Penulis Bacaan Jawab Tuduhan, laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023, <http://www.e-bacaan.com/album950714.htm>

sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sifat.<sup>29</sup>Oleh itu setiap apa yang datang dari Nabi Muhammad selain daripada al-Quran sama ada penjelasan mengenai hukum-hukum *shara'*, pentafsiran dan lain adalah hadith Nabi. Meskipun dalam agama Islam al-Quran merupakan sumber rujukan asas, namun hadith juga turut memainkan peranan besar dalam membimbing umat Islam agar tidak terkeluar dari landasan agama yang benar.<sup>30</sup>Peranan dan fungsi hadith di dalam Islam, ulama bersepakat ia terbahagi kepada tiga iaitu:<sup>31</sup>

1. Hadith sebagai penyokong dan penguat kepada al-Quran
2. Hadith sebagai penghuraian dan penjelasan kepada kandungan al-Quran
3. Hadith menunjukkan kepada sesuatu hukum yang tidak dinaskan oleh al-Quran.

Oleh itu, dapat dilihat hadith adalah tidak menyalahi al-Quran kerana ketika Nabi masih hidup, para sahabat akan merujuk kepada Nabi Muhammad untuk menjelaskan tentang ayat-ayat al-Quran serta ajaran-ajaran agama Islam. Namun setelah kewafatan baginda, umat Islam tidak lagi dapat merujuk kepada Nabi Muhammad. Maka hadith berperanan penting dalam membantu dan membimbing umat Islam untuk berada di landasan ajaran agama Islam yang sebenar agar tidak tersalah dari landasan tersebut. Oleh itu, al-Quran dan hadith ini merupakan dua perkara utama yang harus dipegang oleh umat Islam.

Namun berbeza dengan Rashad Khalifa yang menganggap bahawa al-Quran sudah cukup sempurna untuk dijadikan pegangan hidup oleh semua umat Islam. Manakala hadith Nabi pula merupakan satu rekaan yang dihasilkan oleh syaitan untuk merosakkan pegangan umat Islam. Penerimaan umat Islam terhadap hadith-hadith Nabi Muhammad serta kemuliaan yang baginda terima daripada umat Islam diibaratkan

---

<sup>29</sup> Mohd. Muhiden Abd. Rahman, Al-Hadith: kedudukan dan Peranannya Dalam Islam, *Jurnal Ususluddin* 4.3 (1996) 28.

<sup>30</sup> Ibid 33

<sup>31</sup> Ibid 39

seperti umat-umat terdahulu yang telah berpaling dari ajaran Islam yang sebenar dengan menyembah selain daripada Allah. Menurut Rashad Khalifa, majoriti orang yang beriman telah jatuh ke dalam penyembahan berhala tanpa mereka sedari. Penyembahan berhala yang dimaksudkan di sini adalah umat Islam yang mengikut hadith-hadith dan sunnah-sunnah daripada Nabi Muhammad.<sup>32</sup> Meskipun Rashad Khalifa menolak akan hadith yang dibawa oleh Nabi Muhammad, namun Rashad Khalifa masih lagi berpegang bahawa Nabi Muhammad merupakan utusan Allah. Namun fungsi Nabi Muhammad di dalam Islam hanyalah menyampaikan al-Quran sahaja kepada umat Islam dan bukannya hadith. Hal ini adalah berdasarkan Firman Allah:

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا إِنَّ عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ وَإِنَّا إِذَا  
أَذَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنَّا رَحْمَةً فَحَرَّحَ بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ  
فَإِنَّ الْإِنْسَانَ كَفُورٌ ﴿٤٨﴾

Maksudnya : Oleh itu, jika mereka berpaling ingkar, maka Kami tidak mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai pengawas terhadap mereka; tugasmu tidak lain hanyalah menyampaikan (apa yang diperintahkan kepadamu). Dan (ingatlah) sesungguhnya apabila Kami memberi manusia merasai sesuatu rahmat dari Kami, ia bergembira dengannya; dan (sebaliknya) jika mereka ditimpa sesuatu kesusahan disebabkan dosa-dosa yang mereka lakukan, maka (mereka segera membantah serta melupakan rahmat yang mereka telah menikmatinya, kerana) sesungguhnya manusia itu sangat tidak mengenang nikmat-nikmat Tuhannya. (Ash-Shura 42:48)

Berdasarkan ayat ini Rashad Khalifa mentafsirkan bahawa tiada kewajipan keatas Nabi Muhammad menlainkan menyampaikan (al-Quran).<sup>33</sup>Oleh itu, pada pandangan Rashad Khalifa Nabi Muhammad merupakan manusia biasa namun telah diutuskan Allah agar menyampaikan al-Quran kepada umat Islam. Pandangan ini berbeza dengan pandangan para ulama Islam bahawa Nabi Muhammad mempunyai kemuliaan yang tinggi. Baginda merupakan manusia yang mulia dan terpelihara. Kedudukan Nabi Muhammad ini bukanlah diberikan oleh manusia, namun telah

<sup>32</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982) 23.

<sup>33</sup> Ibid, 14.

diberikan oleh Allah. Pendapat seperti inilah yang Rashad Khalifa anggap sebagai mendewakan Nabi Muhammad. Menurut Rashad Khalifa lagi Nabi Muhammad juga tidak minta untuk umat Islam untuk mengambil hadith-hadith baginda dan pada hari penghakiman kelak, Nabi Muhammad akan menjadi saksi bahawa umat Islam telah meninggalkan al-Quran dan mencintai baginda secara berlebih-lebihan. Tambah beliau lagi, kekecewaan Nabi Muhammad sama seperti kekecewaan Nabi Isa terhadap orang Kristian yang menganggapnya sebagai Tuhan atau anak Tuhan.<sup>34</sup>

Rashad Khalifa telah menolak bahawa hadith itu merupakan hadith-hadith Nabi Muhammad. Beliau mengatakan bahawa satu-satunya hadith yang sah di dalam agama Islam ini hanyalah al-Quran kerana menurut beliau hadith selain daripada al-Quran merupakan satu fitnah dan rekaan yang menyesatkan. Hadith rekaan dan menyesatkan yang dimaksudkan oleh Rashad Khalifa ini adalah tidak lain dan tidak bukan merujuk kepada hadith Nabi Muhammad. Dakwaan Rashad Khalifa bahawa al-Quran merupakan satu-satunya hadith yang sah di dalam Islam ini adalah berdasarkan firman Allah:

تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ تَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَ اللَّهِ وَآيَاتِهِ  
يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya : Itulah ayat-ayat penerangan Allah yang kami bacakan kepadamu (wahai Muhammad) kerana menegakkan kebenaran; maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman, sesudah penerangan Allah dan tanda-tanda kekuasaanNya (mereka tidak mahu memahami dan menelitinya)?( al-Jathiyah 45:6)

Berdasarkan perkataan hadith di dalam ayat ini Rashad Khalifa mentafsirkannya sebagai hadith yang sebenar di dalam Islam iaitu merujuk kepada al-Quran.<sup>35</sup> Oleh itu hadith-hadith Nabi Muhammad itu adalah tidak sah dan hanya rekaan semata-mata kerana Allah telah menyebutkan hadith di dalam al-Quran yang merujuk kepada al-Quran dan bukannya kata-kata mahupun apa yang disandarkan kepada Nabi

---

<sup>34</sup> Ibid, 24.

<sup>35</sup> Ibid

Muhammad. Selain itu Rashad Khalifa juga turut menggelar sesiapa yang mengikut hadith dan sunnah ini merupakan orang-orang yang munafik kerana melafazkan kepercayaan kepada Allah tetapi hati mereka mengingkarinya. Manakala muslim yang sejati pula hanya percaya kepada al-Quran sahaja dan tidak menerima mana-mana sumber lain lagi selain al-Quran. Oleh itu, bagi Rashad Khalifa hadith dan sunnah ini merupakan satu ujian kepada umat Islam dalam muslim sejati mahupun muslim yang munafik.<sup>36</sup>

Othman Ali tidak menyatakan secara jelas bahawa beliau menolak bahawa hadith-hadith dari Nabi Muhammad merupakan sumber kedua di dalam Islam. Namun dari kenyataan-kentaayan yang dikeluarkan oleh beliau jelas menunjukkan bahawa beliau tidak menerima hadith-hadith dan sunnah Nabi. Hal ini dapat dilihat menerusi pandangan Othman Ali mengenai peranan Nabi Muhammad di dalam agama Islam hanyalah menyampaikan al-Quran sahaja agar umat Islam kembali kepada Allah yang satu. Pendapat beliau ini adalah berdasarkan firman Allah:

تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾ وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضُ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾ لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾ فَمَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِنَّهُ لَتَذِكْرٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

Maksudnya : (al-Quran itu) diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. Dan kalaulah (Nabi Muhammad yang menyampaikan al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan. Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan Kami. Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya ia mati dengan serta-merta). Maka tidak ada seorangpun di antara kamu yang dapat menghalang (tindakan Kami itu) daripada menyimpannya. Dan sesungguhnya (al-Quran) itu tetap menjadi peringatan bagi orang-orang yang bertaqwa. (al-Haqaah 69:43-48)

<sup>36</sup> Ibid, 23

Manakala menurut terjemahan Othman Ali:

"Satu penurunan (Qur'an) daripada Pemelihara semua alam. Sekiranya dia (Muhammad) mengadakan terhadap Kami sebarang ucapan (hadith?), tentu Kami ambilnya dengan tangan kanan, kemudian pasti Kami potong urat jantungnya, dan tiadalah sesiapa daripada kamu yang dapat menghalangi dia (daripada hukuman itu). Sesungguhnya ia (Qur'an) adalah Peringatan (Zikir) bagi orang-orang bertakwa (takut kepada Tuhan)."<sup>37</sup>

Berdasarkan ayat ini juga Othman Ali menolak bahawa Nabi Muhammad telah mengajak umat Islam agar mengikut hadith-hadith dan sunnah baginda kerana peranan Nabi Muhammad hanyalah menyampaikan al-Quran dan mengajak untuk menyembah Allah yang Maha Esa. Tambahan beliau, tidak mungkin Nabi Muhammad menyuruh umat Islam kepada yang lain selain daripada al-Quran.<sup>38</sup> Menurut beliau lagi, hadith-hadith nabi ini merupakan tulisan orang-orang hasil daripada mendengar percakapan daripada orang lain dan orang lain seterusnya (periwayatan hadith). Hadith-hadith yang ditulis oleh mereka ini juga bukan merupakan tulisan nabi dan nabi sendiri tidak pernah mensahihkan hadith-hadith yang disandarkan kepada baginda.<sup>39</sup>

Selain itu menurut Othman Ali istilah hadith nabi dan juga sunnah rasul tidak pernah disebutkan di dalam al-Quran dan diajarkan oleh Allah.<sup>40</sup> Hal ini kerana di dalam al-Quran istilah hadith merujuk kepada istilah yang mempunyai makna perkataan, bicara, berita, keterangan, mimpi, cerita dan sebagainya. Terdapat satu lagi pengertian hadith di dalam al-Quran yang Othman Ali temukan iaitu perkataan hadith di dalam al-Quran merujuk kepada al-Quran sendiri. Pendapat Othman Ali ini adalah berdasarkan beberapa dalil di dalam al-Quran, salah satunya adalah berdasarkan firman:

---

<sup>37</sup> Othman Ali, "Surah 69: Yang Pasti ", laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos, <http://e-bacaan.com/bacaan069.htm>

<sup>38</sup> Othman Ali, "Mungkinkah Nabi telah Ajar Sesuatu Yang Tidak Sebut Di Dalam Al-Quran", laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023 [http://www.e-bacaan.com/artikel\\_mungkinkahnabi.htm#al-Kahfi](http://www.e-bacaan.com/artikel_mungkinkahnabi.htm#al-Kahfi)

<sup>39</sup> Othman Ali, "Anti Hadith", laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023 [http://www.e-bacaan.com/artikel\\_antihadith.htm](http://www.e-bacaan.com/artikel_antihadith.htm)

<sup>40</sup> Ibid.

فَذَرْنِي وَمَنْ يُكْذِبُ بِهَذَا الْحَدِيثِ ۖ سَنَسْتَدْرِجُهُمْ مِنْ حَيْثُ لَا  
يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya : Biarkanlah Aku sahaja (wahai Muhammad) dengan orang yang mendustakan keterangan al-Quran ini, Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (ke jurang kebinasaan), dari arah yang mereka tidak mengetahuinya. (al-Qalam 68:44)

Manakala menurut Othman Ali:

Maka tinggalkanlah Aku bersama orang yang dustakan HADITH ini (al-Qur'an)! Kami akan tarik mereka sedikit demi sedikit dari arah yang mereka tidak tahu"<sup>41</sup>

Othman Ali telah mentafsirkan (الْحَدِيثِ) di dalam ayat ini dengan istilah *hadith*

dan merujuknya kepada al-Quran serta menjadikannya dalil bahawa tiada lagi *hadith* di dalam agama Islam melainkan al-Quran yang merupakan *hadith* daripada Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad. Menurut pentafsiran para ulama muktabar dan para *mufasir*, (الْحَدِيثِ) di dalam ayat ini ditafsirkan kepada perkataan yang merujuk kepada al-Quran.<sup>42</sup> Dan ayat ini tidak sesekali merujuk kepada satu-satunya *hadith* yang ada di dalam Islam dan menolak kebenaran *hadith-hadith* dan *sunnah* yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

Oleh itu dapat dilihat di sini persamaan Rashad Khalifa dan Othman Ali dalam peranan Nabi Muhammad hanya merupakan utusan Allah dalam menyampaikan al-Quran sahaja dan *hadith-hadith* dan *sunnah* Nabi Muhammad merupakan satu rekaan semata-mata. Begitu juga dengan pendapat bahawa Nabi Muhammad tidak pernah meminta atau menyuruh agar umat Islam mengikut *hadith* dan *sunnah* yang ditinggalkan baginda. Malahan menurut Rashad Khalifa, di akhirat kelak Nabi Muhammad akan

<sup>41</sup> Othman Ali, "Surah 68: Pena", laman sesawang E-Bacaan, diakses 12 Ogos 2023, <http://e-bacaan.com/bacaan068.htm>

<sup>42</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudhin, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014) 2:1144



mendakwa umat Islam yang mengikut hadith dan sunnah ini telah meninggalkan al-Quran. Seterusnya kedua-duanya bersetuju bahawa hadith yang sebenar-benarnya dan sah di dalam Islam hanya satu sahaja iaitu al-Quran semata-mata.

### 5.2.3 Anjing dan makanan haram menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali

Anjing merupakan salah satu makhluk yang Allah ciptakan di muka bumi ini selain makhluk-makhluk lain. Islam tidak memandang anjing adalah jijik dan keji seperti yang dianggap oleh masyarakat bukan Islam. Sebaliknya Islam menganjurkan agar prihatin terhadap semua makhluk Allah termasuklah anjing. Kedudukan anjing di dalam Islam ini terdapat pandangan yang berbeza-beza empat mazhab muktabar di dalam Islam. Dalam mazhab syafi'i, umat Islam dilarang memegang anjing dengan sengaja tanpa sebab kerana ia najis *mughallazah* iaitu najis yang berat. Sekiranya menyentuh anjing atau air liur anjing tersebut, maka hendaklah sama' iaitu dibilas sebanyak tujuh kali air mutlak dengan salah satu bilasan yang bercampur debu atau tanah yang suci.<sup>43</sup> Namun tidak bermaksud Islam melarang berbuat baik terhadap binatang ataupun menyuruh agar membenci anjing. Kerana dalam mazhab syafi'i juga ulama mazhab syafi'i telah menetapkan beberapa keadaan yang diharuskan membela anjing iaitu:<sup>44</sup>

1. Untuk tujuan pemburuan
2. Menjaga tanaman
3. Melindungi ternakan

---

<sup>43</sup> Muhammad Izzhar Faizzy Osman, Memegang Anjing Ketika Dalam Lakonan. Laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 11 Ogos 2023 <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2744-al-kafi-886-memegang-anjing-ketika-dalam-lakonan>

<sup>44</sup> Muhammad Fuad Bin Ibrahim, Larangan memelihara anjing di rumah dan hikmah di sebaliknya, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 12 Ogos 2023, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/5282-irsyad-al-fatwa-siri-ke-690-larangan-memelihara-anjing-di-rumah-dan-hikmah-di-sebaliknya>

Di negara Malaysia aliran *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan aliran rasmi di mana mazhab syafi'i telah digunakan sebagai mazhab dalam hukum-hukum *fiqh* dan aliran *al-Asha'irah* dalam akidah.<sup>45</sup> Oleh itu hukum memegang anjing di Malaysia bagi umat Islam adalah haram. Namun berlainan dengan pemikiran Othman Ali yang berpendapat bahawa anjing bukanlah najis seperti yang didakwa oleh kebanyakan orang Islam kerana menurut beliau al-Quran tidak mengkategorikan anjing sebagai najis. Malahan anjing merupakan teman kepada orang-orang yang percaya kepada Allah. Ini adalah berdasarkan kisah pemuda-pemuda yang lari daripada orang-orang tidak percaya dan berlindung di dalam sebuah gua dan kemudian ditidurkan selama tiga ratus tahun dan ditambah sembilan.<sup>46</sup> Sebagaimana firman Allah:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا ﴿١٥﴾

Maksudnya: Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka: Tiga ratus tahun dengan kiraan Ahli Kitab), dan sembilan lagi (dengan kiraan kamu). (al-Kahfi 18:25)

Manakala menurut Othman Ali:

Maksudnya: Dan mereka tinggal di dalam gua selama tiga ratus tahun, dan ditambah sembilan.<sup>47</sup>

Othman Ali mengatakan bahawa jumlah hari pemuda-pemuda itu tidur di dalam gua adalah selama tiga ratus ditambah sembilan. Pendapat ini adalah bersamaan dengan Rashad Khalifa yang mentafsirkan ayat ini ini dengan (300+9) iaitu “Mereka tinggal di dalam gua mereka selama tiga ratus tahun ditambah sembilan. Namun dalam ayat ini Rashad Khalifa dilihat telah mengaitkan angka ini ini dengan pengakhiran dunia.<sup>48</sup> Manakala dalam pentafsiran Jalālayn, perhitungan 300 tahun itu adalah berdasarkan

<sup>45</sup>Muhammad Azhar Abdullah et.al, Malaysia Sebagai Negara Yang Bermazhab:Satu Diskusi Awal, Rabbanica: Journal Of Revealed Knowledge 3.1 (2022) 161.

<sup>46</sup> Othman Ali, “Anjing Pemberian Allah”, laman sesawang E-Bacaan, diakses 10 Ogos 2023 <http://www.e-bacaan.com/keratan020903.htm>

<sup>47</sup> Othman Ali, “Surah 18 Gua”, laman sesawang E-Bacaan, diakses 11 Ogos 2023, <http://www.e-bacaan.com/bacaan018.htm#18.25>

<sup>48</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989) 174.

*hisab* tahun *syamsiah* manakala *hisab* 309 tahun pula berdasarkan tahun *Qamariyyah*.<sup>49</sup>

Selain itu, Othman Ali juga mendatangkan dalil al-Quran tentang apa yang ditangkap oleh anjing dengan mulutnya adalah halal dimakan iaitu firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٥﴾

Maksudnya : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya".(al-Maidah 5:4)

Manakala menurut Othman Ali:

Maksudnya : Mereka tanya kamu mengenai apa-apa yang dihalalkan bagi mereka. Katakanlah, "Benda-benda yang baik adalah dihalalkan bagi kamu; dan daripada binatang berburu yang kamu ajar, dengan melatih anjing untuk memburu, dengan mengajarnya seperti Allah ajar kamu, maka makanlah apa yang ia tangkap untuk kamu, dan ingatlah (sebutlah) nama Allah padanya. Takutilah Allah; sesungguhnya Allah cepat buat hitungan."<sup>50</sup>

Dalam ayat ini Othman Ali merujuk binatang berburu dengan melatih anjing untuk berburu dan apa yang digonggong oleh anjing tersebut adalah halal dimakan.

Rashad Khalifa pula mentafsirkan ayat ini dengan merujuk binatang berburu yang dimaksudkan adalah anjing yang dilatih dan helang (*trained dogs and falcons*).<sup>51</sup>

Manakala dalam tafsir Jalālayn mentafsirkan dengan makanan hasil buruan yang

<sup>49</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudidin, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014) 2:11

<sup>50</sup> Othman Ali, "Surah 5 Meja Hidangan", laman sesawang E-Bacaan, diakses 11 Ogos 2023, <http://www.e-bacaan.com/bacaan005.htm>

<sup>51</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989) 63.

dimaksudkan adalah “binatang-binatang buas yang telah kamu ajarkan seperti anjing, serigala dan burung dengan melatihnya berburu”.<sup>52</sup>Oleh itu dapat dilihat di sini, Othman Ali mentafsirkan binatang berburu dalam ayat ini dengan anjing sahaja, manakala Rashad Khalifa mentafsirkannya kepada anjing yang dilatih dan helang. Manakala Jalālayn pula mentafsirkannya dengan binatang buas yang dilatih seperti anjing serigala dan burung. Dan ketiga-tiganya mentafsirkan apa yang ditangkap oleh binatang-binatang yang disebutkan masing-masing adalah halal dimakan.

Selain itu, di dalam Islam Allah telah menggariskan beberapa haiwan dan makanan yang haram untuk dimakan oleh umat Islam dan umat Islam dituntut untuk makan makanan dari sumber yang halal. Hukum pemakanan Islam yang telah digariskan di dalam *fiqh* Islam adalah bersumberkan daripada al-Quran dan sunnah. Namun berbeza dengan haiwan dan makanan haram yang telah digariskan oleh Othman Ali berdasarkan firman Allah:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
فَمَنْ أَضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Baqarah 2:173)

Berdasarkan ayat al-Quran ini Othman Ali telah menggariskan haiwan dan makanan yang haram untuk dimakan kepada empat iaitu bangkai, darah, daging babi dan apa-apa yang disucikan selain daripada Allah.<sup>53</sup>Rashad Khalifa juga turut

<sup>52</sup> Al-Mahili & Imam Jalaudhin, Tafsir Jalalain, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014) 1:428

<sup>53</sup> Othman Ali, “Dosa dan Haram menurut petunjuk Al-Quran”, laman sesawang E-Bacaan, diakses 19 September 2023, [http://www.e-bacaan.com/artikel\\_dosa&haram.htm](http://www.e-bacaan.com/artikel_dosa&haram.htm)

menyatakan bahawa haiwan dan makanan yang haram yang telah disebutkan di dalam al-Quran secara khusus ialah:<sup>54</sup>

5. *carriion*
6. *running blood*
7. *the meat of pigs, for it is unclean*
8. *meat blasphemously dedicated to other than god.*

Namun Rashad Khalifa menjelaskan dengan lebih mendalam bahawa bangkai yang mati ini adalah bangkai haiwan yang mati dengan sendirinya tanpa ada sebarang campur tangan manusia dan pengharaman babi hanyalah terhadap dagingnya sahaja seperti yang disebut di dalam al-Quran iaitu daging babi. Manakala lemak babi menurut Rashad Khalifa adalah tidak haram.<sup>55</sup> Rashad Khalifa dan Othman Ali hanya menerima dalil pengharaman haiwan dan makanan berdasarkan al-Quran sahaja dan tidak menerima hukum pemakanan Islam yang bersumberkan dari sunnah mahupun hadith dari Nabi Muhammad.

#### **5.2.4 Nabi Ibrahim menurut Rashad Khalifa dan Othman Ali**

Nabi Ibrahim merupakan salah seorang daripada *Rasul ulul Azmi*. Nabi Ibrahim juga turut dikenali sebagai bapa kepada segala Nabi dan *Khalilullah*. Daripada Nabi Ibrahim ini lahirnya nabi-nabi yang membawa agama terbesar atau dikenali sebagai agama samawi iaitu agama Yahudi, agama Nasrani dan juga agama Islam sendiri. Di dalam Islam juga memperingati kisah Nabi Ibrahim ini dalam pensyariatan ibadah haji, korban dan juga *Aidil Adha*. Iaitu jasa Nabi Ibrahim, Siti Hajar dan Nabi Ismail dalam melaksanakan perintah Allah. Kemuliaan Nabi Ibrahim sehingga Allah sebutkan nama

---

<sup>54</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989), 435.

<sup>55</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981), 504.

baginda di dalam al-Quran di 25 surah yang diulang sebanyak 69 kali. Di antara ayat al-Quran yang menyebutkan kemuliaan Nabi Ibrahim ini adalah Firman Allah:

\* وَإِذْ أَبْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ  
قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Maksudnya : Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim."(al-Baqarah 2:124)

Nabi Ibrahim bukan sahaja dimuliakan oleh agama Islam, namun agama-agama lain juga turut memuliakan Nabi Ibrahim sebagaimana agama Yahudi dan juga Nasrani. Namun kemuliaan Nabi Ibrahim ini telah disalah erti oleh Rashad Khalifa di mana Rashad Khalifa telah menganggap bahawa Nabi Ibrahim adalah pengasas kepada agama Islam ini iaitu seperti yang dibahaskan sebelum ini. Nabi Ibrahim merupakan pengasas kepada agama Islam, manakala Nabi Muhammad utusan yang menyampaikan al-Quran dan Rashad Khalifa memurnikan agama Islam ini dengan kemukjizatan angka kod 19. Oleh itu Rashad Khalifa menyatakan bahawa agama Islam ini adalah agama Nabi Ibrahim.<sup>56</sup> Tambah beliau lagi, semua amalan di dalam agama Islam ini adalah daripada Nabi Ibrahim termasuklah solat, zakat, puasa dan haji. Rashad Khalifa telah menggariskan dua perkara yang didasari oleh Islam iaitu:<sup>57</sup>

1. al-Quran : Melalui Nabi Muhammad
2. Amalan Agama : Melalui Nabi Ibrahim

<sup>56</sup> Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982) 17.

<sup>57</sup> Ibid, 18.

Menurut Rashad Khalifa menyatakan bahawa fungsi Nabi Muhammad hanya satu iaitu adalah untuk menyampaikan al-Quran manakala segala amalan-amalan agama Islam ini telah wujud pada sebelum zaman Nabi Muhammad lagi iaitu menerusi Nabi Ibrahim. Selain itu juga Rashad Khalifa telah menyatakan bahawa Nabi Muhammad adalah pengikut kepada Nabi Ibrahim. Ini adalah berdasarkan firman Allah:

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik. (An-Nahl 16:123)

Berdasarkan ayat al-Quran ini Rashad Khalifa telah mentafsirkan bahawa Nabi Muhammad adalah pengikut kepada Nabi Ibrahim. Oleh itu secara tidak langsung umat Islam yang mengikuti Nabi Muhammad turut mengikuti Nabi Ibrahim. Ditambah lagi amalan-amalan yang dipelajari daripada Nabi Ibrahim seperti solat, zakat, puasa dan haji menunjukkan bahawa umat Islam adalah pengikut kepada Nabi Ibrahim juga.<sup>58</sup> Manakala Othman Ali pula tidak sependapat dengan Rashad Khalifa dalam bab ini. Othman Ali tidak menyatakan bahawa Nabi Ibrahim adalah pengasas kepada agama Islam, sebaliknya dalam ayat al-Quran ini, Othman Ali berpendapat bahawa Allah telah memerintahkan agar Nabi Muhammad agar mengikuti kepercayaan Nabi Ibrahim. Lantaran itu Othman Ali telah menyeru agar mengikuti agama Ibrahim yang lurus yang percaya kepada Allah satu-satunya.<sup>59</sup> Seterusnya, Rashad Khalifa telah mentafsirkan perkataan “*Khalilullah*” iaitu gelaran yang dikurniakan kepada Nabi Ibrahim dengan sahabat kesayangan. Ini dapat dilihat dalam firman Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ﴿١٢٥﴾

<sup>58</sup> Ibid.

<sup>59</sup> Othman Ali, Siri Kisah Nabi (6) daripada Al-Quran : Nabi Ibrahim, laman sesawang E-Bacaan, diakses 11 Ogos 2023, [http://www.e-bacaan.com/sudut\\_pn06.htm](http://www.e-bacaan.com/sudut_pn06.htm)

Maksudnya : Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangannya. (An-Nisa' 4:125)

Ayat al-Quran ini Rashad Khalifa telah mentafsirkan (خَلِيلًا) dengan istilah

*beloved friend* iaitu Allah telah memilih Nabi Ibrahim sebagai sahabat kesayangannya.

Manakala Othman Ali pula, istilah (خَلِيلًا) adalah sahabat iaitu Allah ambil Ibrahim sebagai seorang sahabat. Manakala Ibnu Kathir pula dalam kitabnya mentafsirkan (خَلِيلًا) pada ayat ini dengan kesayangannya iaitu “Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayangannya. Dan ini merupakan dorongan untuk mengikuti Nabi Ibrahim kerana baginda adalah Imam yang patut diteladani kerana telah mencapai tujuan taqarrub (mendekatkan diri) para hamba. Hal ini kerana baginda telah mencapai darjat “*Khullah*” iaitu darjat kecintaan yang paling tinggi kerana ketaatannya kepada Allah.<sup>60</sup>

Berikut merupakan pemikiran-pemikiran dan pengaruh Rashad Khalifa yang penulis temui di dalam E-Bacaan yang dihasilkan oleh Othman Ali. Memandangkan Othman Ali tidak hanya merujuk kepada pentafsiran Rashad Khalifa sahaja, dan merujuk kepada 25 penterjemahan al-Quran yang lainnya, maka dapat dilihat di sini beberapa perbezaan dan persamaan di antara pemikiran Rashad Khalifa dan juga Othman Ali terhadap beberapa isu yang penulis bawakan dalam pembahasan ini. Sebagaimana yang disebutkan oleh Othman Ali, bukan sahaja Rashad Khalifa yang dirujuk oleh beliau tetapi ramai lagi termasuk mereka yang berlainan pegangan seperti Ahmadiyah, Qadiani, Muhammadiyah, seorang Kristian dan juga seorang paderi. Tambah Othman Ali lagi, beliau tidak mengendahkan pegangan seseorang itu, namun

---

<sup>60</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994) 2:416-417.



apa yang dilihat adalah tulisan dan terjemahan ayat-ayat al-Quran tersebut.<sup>61</sup> Namun tidak dinafikan bahawa pemikiran Rashad Khalifa turut mempengaruhi karya E-Bacaan ini dengan jelas apabila Rashad Khalifa dan Othman Ali berpendapat mengenai Nabi Muhammad, hadith dan al-Quran.

### **5.3 Pemikiran Rashad Khalifa dalam karya *The ESQ Way 165***

ESQ Leadership atau (Emotional Spiritual Quotion) merupakan sebuah syarikat kursus kepimpinan dan pengurusan yang mengajak masyarakat menghayati Islam dengan pendekatan baru yang diasaskan oleh Ary Ginanjar Agustian.<sup>62</sup> Ary Ginanjar Agustian dilahirkan pada 24 Mac 1965 di Bandung Indonesia. Beliau telah mendapatkan pendidikan di STP Bandung, Universiti Udayana, Bali dan Tafe College, Adelaide, South Australia. Meskipun Ary Ginanjar tidak mempunyai asas dalam pengajian Islam secara formal namun menurut beliau, beliau telah belajar agama sendiri melalui metode “Kemerdekaan berfikir”.<sup>63</sup> Syarikat ESQ yang diasaskan oleh Ary Ginanjar ini adalah berpusat di Jakarta dan telah berkembang luas ke negara-negara lain, antaranya adalah negara Malaysia, Singapura dan Brunei. Alumni yang berjaya dihasilkan oleh ESQ ini telah merangkumi pelbagai negara, bukan sahaja di Indonesia, Malaysia, dan Singapura, malahan terdapat juga alumni dari Eropah, USA, Australia, Afrika dan lain-lain.<sup>64</sup>

Di Malaysia Syarikat ESQ ini beroperasi dengan nama ESQ Leadership Centre Sdn. Bhd yang berpusat di Petaling Jaya Selangor dan telah menghasilkan Alumni ESQ

---

<sup>61</sup> Othman Ali, Penulis Bacaan Jawab Tuduhan, laman sesawang E-Bacaan, diakses 11 Ogos 2023, <http://www.e-bacaan.com/album950714.htm>

<sup>62</sup> Muhammad Bin Mohd Zin@Zakaria, Penyebaran Fahaman Liberalisme Dalam Portal Berita Online Di Malaysia (Tesis Ususluddin, KUIS, 2017) 11.

<sup>63</sup> Wan Zahidi Bin Wan Teh, Kertas Gerakan Islam Liberal Di Indonesia Dan Kaitannya Dengan ESQ (Kuala Lumpur, Mufti Wilayah Persekutuan, tt) 31.

<sup>64</sup> ESQ, ESQ Expert In Character Building, laman sesawang ESQ, diakses 12 Ogos 2023, <https://esqmalaysia.com/>

Malaysia seramai 109,456 orang.<sup>65</sup> Meskipun telah diharamkan oleh pihak JAKIM dan diwartakan penyelewengan akidah oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2009 kerana membawa ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam, namun kini syarikat tersebut masih beroperasi dengan bebas di Malaysia.<sup>66</sup> ESQ telah menghasilkan pelbagai program dan juga karya-karya ESQ sendiri yang menjadi modul bagi setiap program yang diadakan. Di antara karya yang dihasilkan oleh Ary Ginanjar ini adalah *The ESQ Way 165*. Menurut Ary Ginanjar untuk menjadi seorang yang berjaya tidak hanya memerlukan kepada kecerdasan intelektual sahaja, tetapi turut memerlukan kecerdasan emosional dan kecerdasan spiritual. Hasil daripada gabungan ketiga-tiga ini maka Ary Ginanjar Agustian telah menghasilkan sebuah model yang disebut *The ESQ Way 165*.<sup>67</sup> 165 ini merujuk kepada 1 Ihsan, 6 rukun iman dan 5 rukun Islam. Namun karya *The ESQ Way 165* ini telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam. Di antara penyelewengan yang didapati di dalam karya ini adalah menunjukkan kemukjizatan al-Quran dengan mendatangkan pemikiran Rashad Khalifa mengenai teori angka kod 19.

Memandangkan karya *The ESQ Way 165* ini merupakan pegangan utama di dalam kursus-kursus ESQ, maka secara tidak langsung pemikiran Rashad Khalifa mengenai mukjizat telah menyebar di dalam kalangan Malaysia dengan kursus-kursus yang diadakan terutamanya terhadap alumni-alumni ESQ Malaysia yang seramai 109,456 orang. Walau bagaimanapun Ary Ginanjar telah menafikan bahawa mengiktiraf mahupun mengamalkan ajaran Rashad Khalifa di dalam menjawab isu pewartaan larangan Modul Latihan *The ESQ Way 165* oleh Wilayah Persekutuan, Ary Ginanjar juga menyatakan untuk mengeluarkan pendapat Rashad Khalifa ini daripada karya *The*

---

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Jakim, Kursus ESQ Leadership Training Dan Fahaman Yang Seumpama Dengannya, laman sesawang Jakim, diakses 12 Ogos 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12092>

<sup>67</sup> ESQ, Founder : Ary Ginanjar Agustian, laman sesawang ESQ, diakses 12 Ogos 2023, <https://esqmalaysia.com/ary-ginanjar-agustian-motivator-di-sebalik-kesuksesan-esq-malaysia/>

ESQ Way 165.<sup>68</sup> Namun karya *The ESQ Way 165* yang mengandungi pendapat Rashad Khalifa masih lagi boleh didapati di Malaysia. Di antaranya adalah penjualan di dalam talian dan juga di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia seperti Universiti Malaya dan juga Universiti Islam Selangor. Memandangkan karya *The ESQ Way 165* ini merupakan karya *Best Seller* tidak mustahil ramai rakyat Malaysia yang memiliki karya *The ESQ Way 165* yang mengandungi pendapat Rashad Khalifa mengenai angka kod 19. Secara tidak langsung ia boleh merosakkan akidah umat Islam apabila membaca, mempercayai dan menerima kemukjizatan al-Quran melalui angka kod 19 oleh Rashad Khalifa ini.

### 5.3.1 Kemukjizatan Al-Quran angka kod 19

Di dalam karya *The ESQ Way 165* yang dikarang oleh Ary Ginanjar Agustian ini, memandangkan modul ini adalah untuk mengajak masyarakat menghayati Islam dengan pendekatan baru, maka beliau telah mendatangkan elemen-elemen keagamaan dan salah satunya adalah kemukjizatan al-Quran. Di bawah tajuk “Beberapa Mukjizat al-Quran” ini, Ary Ginanjar telah mendatangkan beberapa contoh yang menunjukkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri iaitu kemukjizatan al-Quran menurut Abdur Razaq Nawfal dan juga kemukjizatan al-Quran menurut Rashad Khalifa. Ary Ginanjar menyatakan mengenai penemuan Rashad Khalifa mengenai angka 19 yang mempunyai rahsia yang berkaitan al-Quran. Iaitu antara yang ditunjukkan oleh Ary Ginanjar di dalam karyanya adalah pengiraan *Bismillahirrahmanirrahim* di dalam al-Quran yang dapat dibahagikan dengan angka 19. Berikut merupakan pembahagian *Bismillahirrahmanirrahim* yang menunjukkan kemukjizatan angka kod 19 ini.<sup>69</sup>

#### 1. Ism 19 kali

---

<sup>68</sup> ESQ, ESQ 165 Bukan Fahaman Liberal (28 Ogos 2017), laman sesawang ESQ, diakses 5 Oktober 2023, <https://esqmalaysia.com/2017/08/28/esq-165-bukan-fahaman-liberal/>

<sup>69</sup> Ary Ginanjar Agustian, *The ESQ Way 165* (Jakarta: Arga Publishing, 2008), 187.

2. Allah 2698 kali (  $2698 / 19 = 142$  )
3. Ar-Rahman 57 kali (  $57 / 19 = 3$  )
4. Ar-Rahim 114 Kali (  $114 / 19 = 6$  )

Berikut merupakan pengiraan yang ditunjukkan oleh Ari Ginanjar di dalam karya *The ESQ Way 165* ini. Tambah beliau lagi *Bismillahirrahmanirrahim* ini juga merupakan tempat umat Islam bertolak. Selain *Bismillahirrahmanirrahim*, Ary Ginanjar juga menyebutkan bahawa kalimah *Laa hau la wa laa quwwata illa billah* juga mempunyai 19 huruf. Oleh itu beliau telah menganggap kemukjizatan ini sebagai salah satu kunci dalam mengamankan kesucian al-Quran dan menamakan kemukjizatan angka kod 19 ini sebagai *Al-Quran Inter Locking System*. Kemudian beliau menyatakan bahawa tiada siapa mampu untuk menghasilkan sebuah buku yang seperti al-Quran yang mana huruf-hurufnya boleh dihitung sebagaimana yang dibuktikan oleh angka kod 19 ini terhadap kemukjizatan al-Quran.<sup>70</sup> Dengan kemukjizatan-kemukjizatan yang dinyatakan oleh Ary Ginanjar ini, beliau mendatangkan satu dalil dari al-Quran menunjukkan tiada siapa mampu menghasilkan buku seperti al-Quran iaitu Firman Allah:

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ  
بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

Maksudnya: Katakanlah. Sungguh, jika manusia dan jin berhimpun untuk membuat sesuatu yang sama dengan Al-Quran ini, tiadalah mereka sanggup membuat yang sama seperti itu, sekalipun mereka saling membantu. (Al-Israa 17:88)

Namun kemukjizatan al-Quran seperti yang didakwa oleh Ary Ginanjar ini adalah bersalahan dengan ajaran agama Islam yang sebenar. Hal ini kerana kemukjizatan al-Quran yang dibawa oleh Rashad Khalifa ini iaitu merujuk kepada angka 19 telah didakwa merupakan mukjizat kerasulan beliau sendiri yang mana ia jelas

<sup>70</sup> Ibid, 188.

di dalam Islam bahawa tiada lagi Nabi mahupun rasul setelah Nabi Muhammad. Selain itu Rashad Khalifa juga telah turut menyamakan angka 19 ini dengan angka 1 dan angka satu merujuk kepada Tuhan yang satu.<sup>71</sup> Kemukjizatan al-Quran yang dibawa oleh Ary Ginanjar di dalam karya *The ESQ Way 165* merupakan hasil kajian Rashad Khalifa terhadap keseluruhan isi al-Quran yang telah beliau masukkan ke dalam komputer. Setelah kajian tersebut, maka terhasillah data-data yang dikeluarkan oleh beliau yang menunjukkan kemukjizatan bagi angka kod 19 ini. Kemudian Rashad Khalifa telah mengeluarkan karya yang menunjukkan data-data tersebut iaitu *The Computer Speaks : God's Message To The World*. Pengiraan yang ditunjukkan oleh Ary Ginanjar itu boleh didapati dalam karya *The Computer Speaks : God's Message To The World* ini pada fakta fizikal 9 pengiraan bagi ism, fakta fizikal 10 pengiraan bagi kata Allah, fakta fizikal 11 pengiraan bagi kata Ar-rahman dan fakta fizikal 12 pengiraan bagi kata Ar-Rahim.<sup>72</sup>

Meskipun Ary Ginanjar telah menggunakan teori angka kod 19 di dalam karyanya, namun penulis masih belum jumpai lagi pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa yang lain di dalam karya ini. Kerana Ary Ginanjar tetap menggunakan hadith dengan menyebut beberapa hadith Nabi di dalam karya *The ESQ Way 165*, sedangkan Rashad Khalifa telah menolak hadith-hadith nabi yang dianggapnya rekaan syaitan semata-mata. Selain itu, dakwaan Rashad Khalifa bahawa beliau merupakan utusan Tuhan yang ketiga di dalam Islam dengan kemukjizatan angka kod 19 ini, tidak disebutkan oleh Ary Ginanjar di dalam ini. Beliau hanya menyebutkan tentang kemukjizatan al-Quran berdasarkan angka 19 ini dengan mengeluarkan beberapa contoh yang diambil daripada karya *The Computer Speaks : God's Message To The World*. Meskipun begitu kemukjizatan al-Quran menggunakan angka kod 19 ini sudah tidak boleh diguna pakai

---

<sup>71</sup> Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981) 103.

<sup>72</sup> Ibid, 91.

lagi di mana dapat dilihat kesalahan dalam pengiraan terhandal Ayat-ayat al-Quran ini yang dilakukan oleh Rashad Khalifa. Penemuan-penemuan ini boleh didapati di dalam kajian-kajian penulis lain yang telah membincangkan kesalahan pengiraan menggunakan angka 19 yang dilakukan oleh Rashad Khalifa.

## **Penutup**

Pemikiran Rashad Khalifa telah tersebar di Malaysia melalui Kassim Ahmad dan kemudian memengaruhi beberapa sahabatnya, di antaranya adalah Abdul Manan Harun, Idris Abdul Rahman, Farouk A Peru dan Othman Ali. Selain itu, memandangkan kemukjizatan angka kod 19 ini telah tersebar keseluruh dunia, sebuah Syarikat ESQ di Indonesia juga tidak terlepas daripada dipengaruhi. Kemudian syarikat ini turut berkembang sehingga memasuki Malaysia. Pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa ini telah berjaya mempengaruhi pemikiran-pemikiran beberapa tokoh di Malaysia secara halus dan telah disebarkan dalam diam. Hal ini kerana meskipun karya Bacaan telah diharamkan di Malaysia, namun rakyat Malaysia masih lagi boleh mengakses laman E-Bacaan yang dihasilkan oleh Othman Ali di mana di dalamnya terdapat beberapa pemikiran Rashad Khalifa seperti yang dibincangkan di atas. Seterusnya meskipun karya *The ESQ Way 165* ini telah diharamkan kerana mengandungi pemikiran Rashad Khalifa mengenai kemukjizatan angka kod 19, namun penulis masih lagi mendapati karya-karya ini dijual di kedai online dan juga boleh didapati di beberapa perpustakaan di Malaysia. Selain itu, pemikiran-pemikiran dan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa juga tidak berdasarkan ulama-ulama tafsir *muktabar* yang telah menyebabkan beliau membuat pentafsiran terhadap Al-Quran mengikut pemikiran beliau sahaja. Oleh itu, pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa ini haruslah ditolak dengan sekeras-kerasnya kerana meskipun pada zahirnya kelihatan seperti pemikiran beliau adalah untuk

menunjukkan kemukjizatan al-Quran sendiri, namun ia telah dipesongkan dengan angka 19 sehingga menyebabkan pentafsiran-pentafsiran terhadap ayat al-Quran yang dibuat oleh beliau lebih kepada logik akal dan nafsu semata-mata. Sekaligus telah menyebabkan berlakunya penyelewengan di dalam pentafsiran al-Quran.

Universiti Malaya

## **BAB 6: PENUTUP**

### **Pendahuluan**

Bab ini adalah bab terakhir bagi penulisan dan kajian yang telah penulis lakukan serta menjadi bab penutup bagi kajian penulis. Dalam bab ini penulis akan membincangkan semula hasil dapat yang penulis temui berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran dan pengaruhnya di Malaysia. Penulis akan menjawab dan persoalan kepada pokok permasalahan kajian yang diangkat oleh penulis dan membuat kesimpulan akhir. Di samping itu juga penulis akan memberikan beberapa saranan dan juga beberapa saranan dan cadangan pada masa hadapan yang boleh dilakukan dalam bidang kajian ini.

### **6.1 Rumusan Kajian**

Dalam rumusan kajian ini penulis akan bentangkan semula hasil penemuan kajian penulis berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah penulis nyatakan dalam Bab 1 kajian ini. Persoalan kajian yang telah penulis kemukakan sebelum ini adalah seperti berikut:

1. Apakah perkembangan pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa?
2. Siapakah Rashad Khalifa dan apakah karya-karya yang dihasilkan oleh beliau?
3. Bagaimanakah pemikiran Rashad Khalifa berkaitan pentafsiran al-Quran dalam karya-karyanya?
4. Sejauhmanakah pengaruh pemikiran Rashad Khalifa dalam pentafsiran al-Quran di Malaysia?



Teori pentafsiran al-Quran pada zaman Rashad Khalifa telah penulis huraikan pada Bab 2 kajian ini, manakala latar belakang Rashad Khalifa dan karya-karyanya dihuraikan pada Bab 3. Pada Bab 4, penulis mengkaji pemikiran Rashad Khalifa dalam karya-karyanya iaitu *Quran: The Final Testament* dan *Quran : Hadith And Islam*. Akhir sekali iaitu Bab 5 adalah mengenai analisis penulis tentang pengaruh pentafsiran al-Quran Rashad Khalifa dalam karya di Malaysia iaitu E-Bacaan dan *The ESQ Way 165*.

#### **6.1.1 Perkembangan Pentafsiran Pada Zaman Rashad Khalifa**

Rashad Khalifa telah lahir pada tahun 1935 iaitu pada zaman pentafsiran zaman moden. Pentafsiran zaman moden telah muncul abad ke 14 H/19 H sehingga kini. Kemunculan pentafsiran zaman moden ini adalah berkait rapat dengan kejatuhan Baghdad dan kemunduran umat Islam pada waktu itu. Oleh itu satu gerakan moden telah muncul dalam membawa umat Islam keluar dari kemunduran dan penindasan yang telah dimulai oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1245-1315 H/1838-1897 M) dan diteruskan oleh Sheikh Muhammad Abduh (1265-1323 H/1884-1905 M) dan Muḥammad Rashīd Riḍā (1282-1354 H/1865-1935 M). Gerakan moden dan pemikiran Islam yang baru ini akhirnya telah melahirkan ramai pemikir-pemikir Islam moden termasuklah Rashad Khalifa. Metode pemikiran Rashad Khalifa menjurus kepada *bi ra'yi* kerana banyak menggunakan pemikiran-pemikiran beliau yang diselitkan di dalam pentafsirannya. Selain itu juga, pentafsiran Rashad Khalifa ini juga bercorak *adābi al-ijtimā'i* iaitu satu corak pentafsiran pada zaman moden yang menggunakan *I'jāz 'Adadi* dalam menunjukkan kemukjizatan al-Quran.

### 6.1.2 Biografi Rashad Khalifa Dan Karya-Karyanya

Rashad Khalifa dilahirkan pada tahun 1935 di Kafr al-Zayat iaitu sebuah perkampungan kecil di Mesir. Beliau telah lahir daripada latar belakang keluarga dalam keluarga yang beragama, di mana bapa beliau merupakan seorang ketua kepada sebuah *tariqat sufi*. Namun beliau telah memilih jalan yang berbeza dari bapanya iaitu dengan memasuki bidang biokimia tumbuh-tumbuhan. Kemudian beliau telah berhijrah dan menetap bersama keluarganya di Amerika Syarikat. Memandangkan beliau berlatarbelakangkan keluarga yang beragama, Rashad Khalifa masih lagi aktif dalam aktiviti-aktiviti keagamaan Islam di Amerika Syarikat sehingga telah mendirikan sebuah masjid di Tucson iaitu di tempat tinggal beliau. Permulaan Rashad Khalifa menceburi bidang pentafsiran al-Quran ini adalah disebabkan pertanyaan anaknya mengenai huruf *muqata'at* di dalam al-Quran. Disebabkan beliau tidak dapat menjawab persoalan itu dan tidak berpuas hati dengan pentafsiran ulama-ulama tafsir, maka beliau telah membuat satu kajian dengan memasukkan ayat-ayat al-Quran ke dalam komputer yang berjenama Hewlett-Packard HP-1000 E-Series. Dari sini lah beliau menemui kemukjizatan al-Quran melalui angka 19 dan kemudian meneruskan pentafsiran beliau terhadap ayat al-Quran dari surah *al-Fatihah* sehingga *an-Nas*. Oleh itu beliau telah menghasilkan beberapa karya berdasarkan penemuan dan pentafsiran beliau iaitu:

7. *Miracle Of The Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (1973)
8. *The Computer Speaks : God's Message To The World* (1981)
9. *Quran : The Final Scripture* (1981)
10. *Quran : Visual Presentation Of The Miracle* (1982)
11. *Quran : Hadith And Islam* (1982)
12. *Quran : The Final Testament* (1989)

Hasil karya-karya beliau ini masih menjadi rujukan terutamanya pengikut-pengikut beliau yang dikenali sebagai *Submission* meskipun beliau telah meninggal dunia akibat dibunuh.

### 6.1.3 Pemikiran Rashad Khalifa Dalam Pentafsiran Al-Quran

Karya *Quran : The Final Testament* merupakan satu karya pentafsiran yang telah dibuat oleh Rashad Khalifa terhadap keseluruhan ayat al-Quran yang bermula daripada surah *al-Fatihah* sehingga surah *al-Nas*. Karya ini merupakan karya tafsir terbaru selepas karya *Quran : The Final Scripture*. Dalam karya ini Rashad Khalifa banyak mentafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut pemikiran beliau. Di antaranya adalah tiga utusan di dalam agama Islam iaitu:

4. Nabi Ibrahim
5. Nabi Muhammad
6. Rashad Khalifa

Menurut Rashad Khalifa nabi Ibrahim merupakan pengasas kepada agama Islam ini, manakala Nabi Muhammad adalah utusan yang menyampaikan al-Quran dan beliau sendiri iaitu Rashad Khalifa sebagai utusan yang memurnikan al-Quran dan agama Islam dengan kemukjizatan angka kod 19. Selain itu Rashad Khalifa menyatakan bahawa syurga telah pun wujud, namun neraka akan diciptakan pada hari perhitungan kelak dan telah membahagikan neraka kepada dua iaitu syurga tinggi dan syurga rendah. Rashad Khalifa juga menyatakan bahawa mereka yang meninggal sebelum berumur 40 tahun akan terus masuk ke syurga rendah. Manakala karya *Quran : Hadith And Islam*, Rashad Khalifa telah mengeluarkan dalil-dalil al-Quran mengikut pemikiran-pemikiran beliau. Di antara pemikiran beliau tersebut adalah:

1. Al-Quran merupakan satu-satunya sumber di dalam Islam.
2. Hadith-hadith dan sunnah nabi merupakan satu rekaan dan inovasi daripada syaitan.
3. Nabi Muhammad adalah utusan Allah, namun Baginda hanyalah manusia biasa dan bukan penutup kepada para nabi dan rasul.

Berikut merupakan di antara pemikiran-pemikiran beliau yang penulis temui di dalam dua karya beliau iaitu *Quran : The Final Testament* dan *Quran : Hadith And Islam*. Namun masih banyak lagi pemikiran-pemikiran serta pentafsiran yang telah dibuat oleh beliau. Pemikiran-pemikiran Rashad Khalifa di dalam karya-karya beliau ini jelas terpesong daripada pentafsiran al-Quran yang sebenar seperti yang dilakukan oleh para *mufasir-mufasir* terdahulu.

#### **6.1.4 Pengaruh Rashad Khalifa Dan Pemikirannya Dalam Karya Di Malaysia**

Pengaruh Rashad Khalifa bukan sahaja di negara-negara Barat, malahan di Asia juga turut menerima pengaruh Rashad Khalifa termasuk di Malaysia. Kemasukan pengaruh Rashad Khalifa di Malaysia adalah dibawa oleh Kassim Ahmad yang telah mempengaruhi sebilangan rakyat Malaysia pada ketika itu dan beberapa sahabatnya, di antaranya adalah Othman Ali. Othman Ali telah menerbitkan karya *Bacaan* namun telah diharamkan oleh Kerajaan Malaysia. Namun beliau telah menghasilkan laman sesawang E-Bacaan iaitu karya *Bacaan* yang diterbitkan di media elektronik. Dalam karya E-Bacaan ini penulis telah menemukan beberapa persamaan dan perbezaan pentafsiran yang dibuat oleh Rashad Khalifa dan karya Othman Ali ini. Di antaranya ialah:

1. Rashad Khalifa menyatakan bahawa rukun Islam pertama iaitu syahadah hanyalah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) iaitu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah.

Manakala Othman Ali pula tidak bersetuju bahawa syahadah merupakan rukun Islam pertama kerana untuk menjadi Islam tidak perlu melafazkan syahadah cukup dengan menyakini Allah Maha Esa dan al-Quran sahaja. Namun beliau tidak menolak bagi mereka yang berpegangan rukun Islam pertama dengan syahadah. Namun beliau dan Rashad Khalifa tidak bersetuju dengan syahadah kedua atau ucapan (وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) dan menggap ia adalah mensyirikkan Allah.

2. Rashad Khalifa dan Othman Ali, kedua-duanya tidak bersetuju bahawa hadith adalah sumber kedua Islam kerana menganggap bahawa ia adalah satu rekaan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad sedangkan Nabi Muhammad memerintahkan untuk berpegang kepada al-Quran. Dan mereka berpendapat bahawa al-Quran merupakan satu-satunya sumber di dalam Islam. Selain itu, menurut pentafsiran mereka hadith yang sah di dalam Islam hanyalah satu iaitu merujuk kepada hadith adalah al-Quran.
3. Seterusnya pentafsiran mengenai anjing yang disebutkan di dalam al-Quran. Di antaranya adalah pentafsiran Surah al-Kahfi ayat 25 dan Surah al-Maidah ayat 4. Dapat dilihat di sini sedikit perbezaan antara Rashad Khalifa dan juga Othman Ali. Seterusnya Othman Ali berpendapat bahawa anjing itu adalah tidak haram berdasarkan dalil-dalil di atas. Namun Rashad Khalifa tidak mentafsirkan dan menyebutkan tentang pengharaman anjing di dalam pentafsirannya.
4. Seterusnya adalah mengenai Nabi Ibrahim. Rashad Khalifa menyatakan Nabi Ibrahim adalah pengasas kepada agama Islam dan Nabi Muhammad merupakan pengikut kepada Nabi Ibrahim. Manakala Othman Ali tidak menyebutkan bahawa Nabi Ibrahim adalah pengasas agama Islam, namun sebaliknya Othman Ali menyatakan bahawa Allah telah menyuruh Nabi Muhammad agar mengikuti kepercayaan Nabi Ibrahim berdasarkan An-Nahl ayat 123. Dan berdasarkan

Surah *an-Nisa'* ayat 125 pula, Rashad Khalifa mentafsirkan (خَلِيلًا) dengan istilah *beloved friend* iaitu Allah telah memilih Nabi Ibrahim sebagai sahabat kesayanganNya. Manakala Othman Ali pula, istilah (خَلِيلًا) adalah merujuk kepada sahabat sahaja.

Selain melalui karya E-Bacaan, pengaruh Rashad Khalifa juga turut dibawa masuk melalui karya *The ESQ Way 165* yang dikarang oleh Ary Ginanjar Agustian. Dalam karya ini Ary Ginanjar cuba untuk menunjukkan kemukjizatan al-Quran dengan membawakan contoh-contoh *I'jāz 'Adadi*. Dan kemukjizatan al-Quran melalui angka 19 oleh Rashad Khalifa ini telah dipetik oleh Ary Ginanjar. Namun penulis masih belum menemui pengaruh Rashad Khalifa selain daripada kemukjizatan al-Quran yang dibawa oleh Ary Ginanjar di dalam karya *The ESQ Way 165*.

## 6.2 Cadangan dan Saranan

Di antara cadangan dan saranan penulis pada masa akan datang adalah:

1. Kajian mengenai *I'jāz 'Adadi* ini merupakan satu kajian yang meluas kerana ia adalah berkaitan dengan kaedah numerologi. Di mana kaedah numerologi ini merupakan kaedah yang telah digunakan oleh orang-orang purba terdahulu dalam kehidupan mereka. Dan apabila Islam datang maka kaedah ini diterap masuk ke dalam agama Islam dalam pentafsiran. Oleh itu kajian mengenai *I'jāz 'Adadi* dan numerologi ini adalah amat menarik untuk dikaji.
2. Kajian mengenai pentafsiran Rashad Khalifa dan Othman Ali juga tidak banyak dilakukan. Selain daripada isu-isu yang penulis jumpai di dalam pentafsiran ini, masih banyak lagi isu-isu lain yang dapat dijadikan kajian lanjut.

3. Pentafsiran Othman Ali dan Rashad Khalifa telah diharamkan di Malaysia, namun melalui media elektronik, pemikiran-pemikiran ini masih terus berkembang memandangkan kemudahan akses untuk mengakses internet, maka karya-karya ini mudah untuk dimiliki secara percuma. Oleh itu, diharapkan agar karya-karya ini dapat disekat bukan sahaja karya fizikal, malahan karya-karya elektronik juga.

## **Penutup**

Al-Quran merupakan mukjizat yang telah Allah turunkan kepada Nabi Muhammad. Meskipun ramai para pentafsir cuba untuk membuktikan kemukjizatan al-Quran ini dengan pelbagai ilmu seperti sains, matematik dan sebagainya. Namun tidak bermaksud perlu untuk mengagungkan dan taksub dengan kemukjizatan yang ditemui oleh para pengkaji dan pentafsir melebihi keagungan al-Quran itu sendiri. Hal ini apabila ketaksuban terhadap sesuatu penemuan itu boleh menyebabkan seseorang mendahulukan kemukjizatan tersebut berbanding kemukjizatan al-Quran sendiri. Selain itu, ketaksuban sesuatu perkara tanpa berlandaskan al-Quran dan al-sunah juga boleh menyebabkan seseorang itu terjerumus ke lembah kesesatan dan terpesong daripada ajaran agama Islam yang sebenar. Hal ini yang terjadi kepada Rashad Khalifa apabila beliau yang berasal dari bidang sains yang mengutamakan fakta dan ketaksuban beliau terhadap angka kod 19 yang ditemui oleh beliau sendiri telah menyebabkan beliau membuat pentafsiran al-Quran berdasarkan logik akal dan mengikut nafsu sehingga telah menyebabkan penyelewengan di dalam pentafsiran.

## BIBLIOGRAFI

### Buku Bahasa Melayu

Abdul Hayei Bin Abdul Sukor, *Hadith Maudu' Sejarah dan Cara-cara Mengenalinya* (Kuala Lumpur, Jakim, 2015)

Abdul Syukur, *Mengenal Corak Tafsir Al-Qur'an*, Jurnal El-Furqonia 1.1 (2015)

Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq, *Lubābat al-Tafsir min Ibni Kathir*, Terj. M. Abdul Ghoffar E.M (Kairo: Muassasah Daar al-Hilaal Kairo, 1994)

Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jāmi' li Ahkāmīl Qurān*, Ta'liq. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Takhrij. Mahmud Hamid Utsman (Indonesia: Pustaka Azzam, 2008)

Abu Zaki Ismail & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *Kajian Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran : Cabaran Dan Prospek* (UM, Penyelidikan Pengajian Islam Turath & Kontemporari, 2020).

Abu Zaki Ismail, *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd Al-Da'im Al-Kahil*, (Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017)

Abur Hamdi Usman et. al, *Golongan Anti Hadith : Isu Dan Cabaran* , 1st Inhad Muzakarah And Muktamar On Hadith (IMAM 2016)

Abur Hamdi Usman et.al, *Golongan Quraniyyun (Implikasi Terhadap Masyarakat Islam)*, (KUIS, Selangor, 2018)

Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung, Tafakur, tt)

Al-Mahili & Imam Jalauddin, *Tafsir Jalalain*, terj. Indonesia (Bandung : Sinar Baru Algensido, 2014)

Ammar Fadzil , *Anatomi Al-Quran* (Selangor : PTS Islamika 2007)

Ary Ginanjar Agustian, *The ESQ Way 165* (Jakarta: Arga Publishing, 2008)



- Budi Suhartawan & Muizzatul Hasanah, Memahami Hadith Mutawatir Dan Hadith Ahad, Dirayah: Jurnal Ilmu Hadith 3.1 (2022)
- Dr. Saadi Awang, “Keajaiban Maulidurrasul SAW” (Jakim: Buletin Khas Maulidurrasul SAW 1442H-2020M, Jakim, 7 Oktober 2022)
- Eko Zulfakar, Historitas Perkembangan Tafsir Pada Masa Kemunduran Islam : Abad Kesembilan Dan Kesepuluh Hijriah, *Tribakti : Jurnal Pemikiran Keislaman* 20.2 (2019)
- Erni Herawati, Komunikasi Dalam Era Teknologi Komunikasi Informasi, *Jurnal Humaniora* 2.1 (2011)
- H. Ace Saefudin, Metodologi Dan Corak Tafsir Moden : Telaah Terhadap Pemikiran J.J.G Jansen. *Al-Qalam Jurnal Ilmiah Bidang Keagamaan Dan Kemasyarakatan* 20.96 (2003)
- Hadi Yasin, *Mengenal Metode Pentafsiran Al Quran* (UIA Jakarta, 2020)
- Hamam Faizin, *Corak-corak Pentafsiran Al-Quran*, (UIN Syarif Hidayatul Jakarta, 2016)
- Hamdan Hidayat, Sejarah Perkembangan Tafsir Al-Quran, *Jurnal Al-Munir* 2.1 (2020)
- Hermansah, Konsep Fitrah Dalam Al-Qur'an Perspektif Ulama' Tafsir *Mutaqaddimin, Mutaakhirin Dan Moden* (Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2017)
- Kamus Dewan, ed ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005)
- Kusnadi & Raidatun Nisa, Eksistensi Tafsir *Bil Ra'yi*, *Jurnal Kajian Al-Quran & Tafsir Al-Mubarak* 7.2 (2022)
- Kusroni, *Mengenal Ragam Pendekatan, Metode, Dan Corak Dalam Pentafsiran Al-Qur'an* (Surabaya STAI Al-Fitrah, 2019)
- Mohd Farhan Bin Md Amin, *Penyelewengan Dalam Pentafsiran Al-Quran Di Johor* (Aceh UIN Ar-Raniry 2016)
- Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus,” Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir”, dalam Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadith, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021)

- Mohd. Muhiden Abd. Rahman, Al-Hadith: kedudukan dan Peranannya Dalam Islam, *Jurnal Usushuddin* 4.3 (1996)
- Muhammad Akrom Adabi, *Al-Quran Dan Rahsia Angka : Kajian Kitab Tafsir Karya Abu Zahra Al-Najdi*, *Jurnal Diya Al-Fakar* 7.2 (2019)
- Muhammad Azhar Abdullah et.al, Malaysia Sebagai Negara Yang Bermazhab:Satu Diskusi Awal, *Rabbanica: Journal Of Revealed Knowledge* 3.1 (2022)
- Muhammad Quraish Shihab, *Kaidah Tafsir*, (Tanggerang, Lentera hati,2013)
- Muhyiddin Yahya Bin Syaraf Nawawi, *Hadith Arba'in al-Nawawiyyah*, Hadith No.2, terj. Abdullah Haidir (Riyadh: Ta'awani Lidakwah Watau'iyah Al-Jaliyat Bil Rabwah, 2010)
- Mustafa Suhaimi, *Terbongkar Rashad Khalifa Rasul Agama Angka kod 19* (Indonesia Pustaka jaya, 1989)
- Mustar, *I'jāz 'Adadi* (Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam Al-Quran), (Tesis, UIN Jakarta, 2011),
- Nashruddin Baidan, *Perkembangan Tafsir Al-Quran Di Indonesia* (Indonesia : Tiga Serangkai, 2003),
- Naufal Syahrin Wibowo, *Epistemologi Inkar Al-sunah ( Studi Kritis Pemikiran Rashad Khalifa, Edip Yuksel Dan Sam Gerrans)*, (UIN Jakarta, 2020)
- Nur Zainatul Nadra Binti Zainol et.al, *Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah Saw, Sahabat Dan Tabiin* (UTHM 2012)
- Rosni Binti Wazir et.al, Analisis Pemahaman Golongan Antihadith Di Malaysia Terhadap Hadith, (Seminar Inhad International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith, KUIS, 2016)
- Rosni Wazir et. al, *Dakwaan kod 19 Sebagai Mukjizat Al-Quran Bagi Golongan Anti Hadith : Analisis Metode Membilang Huruf* , 1st Inhad Muzakarah And Mukhtar On Hadith (IMAM 2016)
- Selamat Amir," Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir", dalam *Aliran Tafsir Adabi Ijtima'i Dan Aliran Hermeneutik Dalam Pengajian Tafsir Al-Quran*, ed Khader Ahmad & Selamat Amir (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2021), 64-65.

Siti Hazrotun Halaliyatul Muharromah, *Diskursus Syarat-Syarat Mufasir Era Klasik Hingga Modern (Studi Perbandingan Kitab-Kitab Ulumul Qu'an)*, (Disertasi, IIQ Jakarta, 2018)

Tuan Sidek Bin T. Muda et.al, *Halal Haram Makanan Menurut Imam Syafi'i: Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah* (UM 2016).

Uun Yusufa, *Mukjizat Matematis Dalam Al-Qur'an: Kritik Wacan dengan Pendekatan Sains dan Budaya*, Jurnal Hermenutik 8.2 (2014)

Viva Ulfa Rina, *Pentafsiran Al-Maraghi Terhadap Ayat-Ayat Kauniyah Dan Relevansinya Dengan Sains*, (Disertasi, UIN Suska Riau, 2014)

Wan Zahidi Bin Wan Teh, *Kertas Gerakan Islam Liberal Di Indonesia Dan Kaitannya Dengan ESQ* (Kuala Lumpur, Mufti Wilayah Persekutuan, tt)

Zikri Darussamin, *Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah Di Malaysia* (UIN Suska Riau, 2009)

### **Buku Bahasa Inggris**

Ahmad Deedat, *Al-Qur'an The Ultimate Miracle* (New Delhi, Islamic Book Service, 2015)

Mahdi Pichan & Amir Ahmadnezhad, *Historical and Scientific Contexts of the Tendency of Qur'anic Scholars to the Scientific Miracle (I'jaz) of the Qur'an, International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding* 8.10 (2021)

Martin Gardner, *The numerology of Dr. Rashad Khalifa*, *Skeptical Inquirer* 21.5 (1997),

Prof. Dr. Munir M. Hasan, *Qur'an Says : Timing Of The End Of The World Will Be Known*, (Canada, Trust For The Scientific Research In Quran, 2014)

Rashad Khalifa, *Qur'an, Hadith and Islam* (Tucson, Islamic Productions, 1982)

Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Scripture* (Tucson, Islamic Productions, 1981)

Rashad Khalifa, *Qur'an: The Final Testament* (Tucson: Islamic Productions, 1989)

Rashad Khalifa, *Qur'an: Visual Presentation of the Miracle* (Tucson, Islamic Productions, 1982)

Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message to the World* (Tucson: Renaissance Productions, 1981)

Richard Craze, *Numerology Decoder*, (London, New Burlington Books, 2004)

Yvonne Y. Haddad & Jane I. Smith, *The Oxford Handbook Of American Islam* (United State, Oxford University Press, 2014)

### **Laman Sesawang**

Al-Kafi Li Al-Fatawi, Adakah Jatuh Murtad Jika Makan Daging Babi Dengan Sengaja, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5079-al-kafi-1848-adakah-jatuh-murtad-jika-makan-daging-babi-dengan-sengaja>

Astro Awani, *Jakim Pandang Serius Isu Yang Dibangkitkan Kassim Ahmad* (20 Februari 2014), diakses di laman sesawang <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-pandang-serius-isu-yang-dibangkitkan-kassim-ahmad-30460>

Bayan Linnas, Al-Quran : Kalamullah Yang Mukjizat, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>

Bayan Linnas, Kedudukan Sunnah Di Sisi Al-Qur'an, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 4 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>

Bayan Linnas, Rasulullah SAW: Jangan Sekali-kali Menghina Baginda!, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/1776-bayan-linnas-siri-55-rasulullah-saw-jangan-sekali-kali-menghina-baginda>

Bionity, "*Rashad Khalifa*", laman sesawang Bionity.com, diakses 25 Julai 2023 [https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad\\_Khalifa.html#Life](https://www.bionity.com/en/encyclopedia/Rashad_Khalifa.html#Life)

City population, "*Egypt: Arab Republic Of Egypt* ", laman sesawang city polulation, diakses 22 Julai 2023, <http://www.citypopulation.de/en/egypt/cities/>

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Hukum Mendakwa Menjadi Nabi Palsu, diakses di laman sesawang Maktabah Al-bakri, diakses 3 Oktober 2023, <https://maktabahalbakri.com/1104-hukum-mendakwa-menjadi-nabi-palsu/>

E.Muallaf, *Syhadah*, laman sesawang e-Muallaf, diakses 20 Ogos 2023, [https://emuallaf.islam.gov.my/papar\\_maklumat.php?ID=22](https://emuallaf.islam.gov.my/papar_maklumat.php?ID=22)

ESQ, ESQ 165 Bukan Fahaman Liberal (28 Ogos 2017), laman sesawang ESQ, diakses 5 Oktober 2023, <https://esqmalaysia.com/2017/08/28/esq-165-bukan-fahaman-liberal/>

ESQ, *ESQ Expert In Character Building*, laman sesawang ESQ, diakses 12 Ogos 2023, <https://esqmalaysia.com/>

Farouk A Peru, “The passing of a world class philosopher” laman sesawang Malaymail, diakses 20 September 2024, <https://www.malaymail.com/news/opinion/2017/10/13/the-passing-of-a-world-class-philosopher/1485977>

Farouk A Peru, “Why I Reject The Narrative Of A Chosen One” laman sesawang Patheos, diakses 20 September 2024, <https://www.patheos.com/blogs/personalislam/2017/01/reject-narrative-chosen-one/>

Irsyad Usul *Fiqh*, Sumber-Sumber Hukum Dalam Ilmu Usul Al-*Fiqh*, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>

Isyatul Luthfi, “Mengenal Rashad Khalifa, Pelopor Teori Keajaiban Angka 19 Dalam Al-Qur’an”, laman sesawang *TafsiralQuran*, diakses di laman sesawang, <https://tafsiralquran.id/mengenal-rashad-khalifa-pelopor-teori-keajaiban-angka-19-dalam-al-quran/>

Jakim, Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, laman sesawang Jakim, diakses 4 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>

Jakim, Fatwa Mengenai Golongan Anti-Hadith, diakses 3 Oktober 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11262>

Jakim, *Kursus ESQ Leadership Training Dan Fahaman Yang Seumpama Dengannya* (2009), diakses di laman sesawang <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12092>

Mariam Mokhtar, “This is Farouk A Peru’s response to Zaid R Rashid Quranist Alaf Baru” laman sesawang Rebuilding Malaysia, diakses 20 September 2024, <https://www.mariammokhtar.com/farouk-a-peru-slams-zaid-r-rashids-quranist-alaf-baru/>

Muhammad Izzhar Faizy Osman, *Memegang Anjing Ketika Dalam Lakonan*. Laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 11 Ogos 2023 <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2744-al-kafi-886-memegang-anjing-ketika-dalam-lakon>

Othman Ali, “Pengenalan”, laman sesawang *E-Bacaan*, diakses 10 Ogos 2023, [http://www.e-bacaan.com/bacaan\\_pengenalan2.htm](http://www.e-bacaan.com/bacaan_pengenalan2.htm)

Othman Ali, *E-Bacaan*, laman sesawang *E-Bacaan*, diakses 3 Oktober 2023, <http://www.e-bacaan.com/>

Paul Brownfield, “*Briefly a Rising Star, Forever a Mourning Son*” laman sesawang The New York Times, diakses 24 Julai 2023, <https://www.nytimes.com/2013/01/02/sports/baseball/sam-khalifa-briefly-a-rising-star-forever-a-mourning-son.html>

Tashih Al-Mafahim, Benarkah Hadith Baru Muncul Setelah Kewafatan Nabi Muhammad SAW?, laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 5 Oktober 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tashih-al-mafahim/5356-tashih-al-mafahim-22-benarkah-hadith-baru-muncul-setelah-kewafatan-nabi-muhammad-saw>

Team Of Submission, *Biography Of Dr. Rashad Khalifa*, laman sesawang submission, diakses 24 Julai 2023, [https://submission.org/idx\\_other\\_Biography\\_Khalifa.html](https://submission.org/idx_other_Biography_Khalifa.html)

Wikipedia, “*Quran Code*”, laman sesawang wikipedia, diakses 20 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Quran\\_code#:~:text=The%20term%20Quran%20code%20\(also,divine%20authorship%20of%20the%20Quran](https://en.wikipedia.org/wiki/Quran_code#:~:text=The%20term%20Quran%20code%20(also,divine%20authorship%20of%20the%20Quran)

Wikipedia, “*Rashad Khalifa*”, laman sesawang Wikipedia, diakses 24 Julai 2023, [https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad\\_Khalifa](https://en.wikipedia.org/wiki/Rashad_Khalifa)